

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 27 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah benar dakwaan sebilangan besar belia tidak dapat kemudahan daripada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sejak ia diuruskan oleh BSNCB dan apakah kerajaan bersedia untuk mengambil alih semula peranan urusan tabung itu.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa dakwaan yang menyatakan sebilangan belia tidak dapat kemudahan dari Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia sejak diuruskan oleh BSN Commercial Bank. Apa yang berlaku ialah proses pemberian pinjaman yang lebih berhati-hati di mana projek perniagaan yang benar-benar berdaya maju lebih diutamakan dalam pemberian pinjaman. Sesungguhnya, dalam tahun kebelakangan ini seramai 375 permohonan telah pun diluluskan.

Berhubung dengan pengambilalihan semula urusan tabung, pihak kementerian sedang membuat kajian perbandingan tentang keberkesanan kedua-dua skim iaitu di antara skim dahulu dengan skim yang sedang dilaksanakan dan kementerian akan terus memberi keutamaan kepada usahawan-usahawan kecil belia yang perlu dibantu untuk memajukan perniagaan mereka.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat daripada jumlah 375 yang diluluskan, jumlah keseluruhan permohonan adalah berapa banyak dan tidakkah dalam tindakan bank tersebut mengambil tindakan yang berhati-hati itu dikatakan menyusahkan para belia untuk mendapatkan pinjaman?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama jumlah keseluruhan, yang ini saya akan berikan kepada Yang Berhormat tentang statistik ataupun perangkaan yang sebenar secara bertulis.

Sedangkan bahagian yang kedua, pihak kementerian tetap mengambil perhatian dan keprihatinan kami terhadap adanya rungutan tentang prosedur-prosedur yang dianggap agak membebankan. Walaupun demikian, pemantauan yang rapi tetap perlu.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah bidang yang diceburi oleh belia yang diuruskan oleh BSNCB ini dan apakah tahap pencapaian mereka dan adakah kerajaan berpuas hati dengan pencapaian mereka setakat ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan tadi ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan sebelum melandanya kegawatan ekonomi terhadap negara kita, pihak kementerian mendapati bahawa terdapat banyak kes permohonan yang berjaya sesungguhnya dapat melaksanakan projek secara berkesan dan berjaya. Walaupun demikian, ada juga kes-kes di mana pengusaha yang terlibat tidak dapat menjelaskan wang pinjaman yang diberikan oleh pihak kementerian. Ini yang pihak kementerian ingin ambil iktibar supaya pemberian pinjaman yang akan dikeluarkan nanti dapat diuruskan dengan berhati-hati.

2. **Puan Hajah Che Jam binti Haron** minta Menteri Pertahanan menyatakan jumlah bilangan (sejak 5 tahun yang lalu) belia yang menyertai Angkatan Tentera. Apakah rancangan kementerian sekarang untuk menarik golongan belia dan pemuda bagi menyertainya.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, sumber manusia merupakan suatu keperluan penting dalam mengekalkan dan meningkatkan keupayaan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Oleh yang demikian, hanya calon-calon yang layak dan memenuhi syarat pengambilan akan diterima masuk sebagai anggota tetap dan anggota sukarela ATM. Bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 1995 hingga 1999 ATM telah berjaya menarik seramai 31,191 orang belia menyertai ketiga-tiga perkhidmatan ATM iaitu darat, laut dan udara. Dari jumlah tersebut seramai 3,413 orang adalah terdiri dari pegawai dan 27,778 orang anggota lain-lain pangkat. Sebagai langkah menarik minat belia menyertai ATM Kementerian Pertahanan sentiasa memberi penekanan kepada perkara-perkara seperti memperbaiki syarat-syarat perkhidmatan; mewujudkan pelbagai skim perkhidmatan di dalam ATM, menawarkan peluang melanjutkan

pelajaran, pengajian di kalangan anggota tentera ATM; mengiktiraf gred-gred ATM; mendedahkan kemudahan dan perkembangan terkini yang wujud dalam perkhidmatan ATM kepada masyarakat umum; menyediakan kursus peralihan; dan memperbaiki kualiti hidup anggota-anggota ATM.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ada tiga soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan dahulu. Tiga.

Tuan Zainal bin Rampak: Tiga soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Satu soalan, beri peluang kepada orang-orang lain sama.

Tuan Zainal bin Rampak: Satu soalan, tiga bahagian dalam satu soalan. Tuan Yang di-Pertua, satu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalannya, saya ini orang trade union dan selalu bertanya soal gaji. Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji gaji kalangan angkatan tentera yang kita tahu mereka telah berkhidmat demi untuk kepentingan negara dan mempertahankan negara ini, maka wajarlah kerajaan mengkaji gaji angkatan tentera bagi membolehkan mereka lebih proaktif untuk berkhidmat kepada negara kita.

Soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kalangan angkatan tentera yang berpangkat bawah di mana mereka ini berkhidmat atas kontrak di antara bila mana mereka bersara antara umur 30 hingga 35 tahun. Adakah kerajaan bercadang untuk menaikkan umur persaraan mereka kepada 50 kerana waktu menghabiskan kontrak perkhidmatan mereka, mereka masih lagi muda dan mereka tidak dapat pula untuk bekerja menyesuaikan diri dalam mana-mana syarikat perkilangan sebagai pekerja biasa.

Soalan tambahan saya yang ketiga ialah sama ada kalau sekiranya kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan umur persaraan angkatan tentera ini ataupun memansuhkan kontrak service mereka, adakah kerajaan bercadang untuk menyerapkan angkatan tentera ini bila habis kontrak mereka kepada angkatan polis. Seperti mana kita sedia maklum polis memerlukan tenaga yang begitu ramai terutamanya dalam bahagian trafik, bahagian penjagaan dan sebagainya. Itu soalan saya, terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zainal. Satu pandangan yang baik beliau telah membangkitkan tiga perkara dalam

satu, three in one, dengan izin, dan soalan kedua dan ketiga itu seakan-akan serupa soalan. Yang pertama mengenai dengan gaji. Sememangnya kementerian amat prihatin tentang tahap, level, dengan izin, gaji yang ada di peringkat tentera. Maka dengan itu, kementerian sentiasa meninjau tentang bagaimana kebajikan keluarga anggota tentera ini dapat dijaga dengan baik. Selain daripada seperti yang selalu saya sebut iaitu perumahan dan berbagai-bagai, gaji itu menjadi satu daya penarik kepada anggota yang lain untuk memasuki tentera, kerana tentera ini mungkin kalau dilihat dari sudut perkhidmatan yang lain, tarikan daripada luar dan swasta agak menarik berbanding dengan perkhidmatan tentera kerana yang di sini mereka mempergadaikan nyawa mereka, masa depan anak dan keluarga mereka. Maka dengan itu, mungkin perhitungan mereka untuk memasuki tentera ini seharusnya gaji itu adalah lebih tinggi daripada perkhidmatan yang lain kerana yang dipergadaikan nyawa dan sebagainya masa depan anak-anak mereka.

Kementerian sentiasa prihatin tentang perkara ini dan kita mengkaji setiap waktu, setiap ketika dan kita mengambil tindakan. Baru-baru ini pun beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan elaun-elaun yang diberikan kepada anggota keluarga tentera agar dapat diselaraskan, bukan hanya tahap penghidupan masyarakat yang berubah setiap waktu, diselaraskan supaya penghidupan anak-anak dan keluarga yang ditinggalkan bila mana mereka berkhidmat di dalam negara ataupun luar negara dapat dijaga dengan secara baik. Memang kita buat kajian setiap waktu tentang perkara ini. Tidak statik dari segi pendekatan kita agar kebajikan dalam konteks gaji dijaga dengan baik.

Mengenai dengan had umur sememangnya itulah menjadi satu amalan kita kerana ini adalah amalan semenjak dari negara kita merdeka untuk mendedahkan tenaga, mengerahkan tenaga yang lebih agresif dan lebih aktif, maka tahap umur yang kita hadkan, contohnya seperti kapten iaitu 40 dan 45, majer – 45 hingga 50, leftenan kolonel – 47 hingga 52 dan kolonel – hingga 52 tahun. Setakat ini bagi kita ialah di mana kalau sekiranya kita dapat bahawa ada di antara anggota tentera yang mempunyai kebolehan dan kita naikkan pangkat, maka secara tidak langsung mereka akan mendapat perkhidmatan lanjutan. Di samping itu, kita tidak hanya melihat memerlukan perkhidmatan mereka bila mana mereka berkhidmat di peringkat kementerian. Kita juga akan melatih mereka di peringkat tertentu yang mereka minati. Contohnya, bahagian catering, kejuruteraan dan berbagai-bagai untuk memastikan

bila mereka lain-lain pangkat sudah pun sampai ke tahap umur mereka sudah sampai untuk bersara maka mereka akan dapat persediaan untuk dunia yang luar ya ng agak berbeza daripada perkhidmatan ketenteraan. Kita tidaklah terhad bila mana mereka dalam perkhidmatan ketenteraan dijaga kebajikan.

Selanjutnya juga, di samping kita latih mereka, latihan peralihan dan berbagai-bagai skim, kita juga bagi pinjaman kepada anggota tentera kita tanpa faedah. Sejauh pengetahuan saya kita sudah belanja lebih daripada RM3.8 juta ke arah pelbagai skim untuk melatih keluarga anggota tentera di semua peringkat khususnya di peringkat lain-lain pangkat (LLP) ini untuk memastikan agar persediaan mereka di masa mendatang agar ada. Sekian.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang kita maklum Kementerian Pertahanan dalam dua, tiga tahun yang lepas ada membuat usaha sungguh-sungguh untuk menarik minat belia-belia kita untuk bersama-sama dalam askar Wataniah. Jadi, kita ingin tahu bagaimana sambutannya dan adakah kementerian bercadang untuk memberikan insentif yang lebih untuk menarik minat ini dan satu perkara yang mendukacitakan kita dapat makluman bahawa sektor swasta tidak begitu menggalakkan belia-belia ataupun pekerja-pekerja mereka masuk askar Wataniah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Yang Berhormat, ada dua soalan di situ. Yang pertama, mengenai dengan – saya sudah lupa tadi, apa soalan pertama?

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Sambutan belia-belia kita masuk askar Wataniah.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Oh sambutan belia-belia. Kalau dilihat dari segi prestasi yang sedia ada, seperti yang saya maklumkan trend yang ada semakin meningkat. Kalau dilihat belia-belia yang melibatkan diri dalam perkhidmatan ini, bahkan di peringkat usaha kita untuk menarik lebih ramai lagi khususnya di peringkat sekolah-sekolah seperti PALAPES kita wujudkan di hampir 10 universiti yang ada di negara kita, 9 kita ada unit PALAPES di semua peringkat dan bilangannya semakin meningkat kerana kita galakkan kepada mereka bila mana bukan hanya untuk berkhidmat seketika semasa mereka dalam bangku sekolah, di pengajian tinggi, tetapi kita juga menggalakkan di mana kita kenal pasti di antara anak-anak muda kita yang mempunyai kebolehan dan kecekapan untuk didedahkan

dalam sektor ketenteraan ini, maka kita akan beri keutamaan kepada mereka kalau ada kekosongan dan mereka berminat sangat untuk masuk, bila ada tempat sama ada tentera darat mahupun di laut dan udara. Nampaknya prestasi sampai ke saat ini agak memberangsangkan.

Di pihak swasta, satu tempat di negeri Pulau Pinang ada satu syarikat saya pun terlupa namanya, mungkin Panasonic, satu badan di mana pemilik syarikat itu amat menggalakkan sekali sehingga memberi pelbagai insentif kepada anggota pekerja mereka untuk menceburkan diri dalam kesukarelaan dan kita berharap dalam konteks ini bukan hanya pihak swasta, bahkan belia kalau boleh di semua peringkat untuk menjaga pertahanan dan keselamatan keamanan negara kita. Harus ada nilai-nilai semangat di kalangan rakyat dari semua peringkat bahawa menjaga keselamatan ini adalah satu perkara yang utama yang afdal, bukan Shafie Apdal, *[Ketawa]* kerana untuk menjaga keselamatan negara ini kelak bukan hanya pada hari ini kita dapat menikmati, bahkan zuriat di masa yang mendatang akan mendapat menikmati keselesaan yang ada.

Datuk Zainudin bin Maidin: Oleh kerana pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan juga peluang-peluang pekerjaan yang begitu kompetitif, adakah kerajaan menghadapi masalah, adakah untuk mendapat rekrut ini sudah menjadi satu masalah yang besar dan berapa banyak pengisian yang dapat dibuat terutamanya daripada kalangan bukan Melayu dalam menyertai bidang ini.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Memang seperti yang saya sebutkan tadi, kalaulah berbanding dalam keadaan ekonomi yang semakin baik, berbanding dengan swasta dan perkhidmatan ketenteraan, tarikan yang lebih baik di peringkat swasta dan luar ini adalah lebih baik berbanding dengan ketenteraan, kerana ketenteraan agak rigid ditokok tambah oleh kerana berbanding dengan swasta gajinya melambung naik, apatah lagi kalau bekerja dengan syarikat-syarikat tertentu. Maka di situ persaingannya kita akui bahawa ada sedikit memberi permasalahan kepada kita untuk menarik rakyat di negara ini untuk berminat.

Walaupun demikian, seperti yang saya nyatakan tadi, galakan demi galakan dan yang penting kepada kita ialah peranan untuk mempromosikan bahawa perkhidmatan ketenteraan ini menyediakan pelbagai insentif yang lain bukan hanya gaji, perumahan dan pelbagai insentif yang digalakkan. Bahkan juga seperti yang saya sebut kepada belia-belia, tidak bererti kalau kita sudah berkhidmat di ketenteraan

ini, maka tidak ada ruang dan peluang untuk melanjutkan persekolahan. Sebetulnya kita mempunyai pendekatan baik digunakan perkhidmatan ketenteraan ini dalam perkhidmatan, anak-anak muda kita yang mana berminat, kita galakkan. Ada pinjaman yang digalakkan supaya mereka juga dapat mempertingkatkan ilmu kelak bila didapati dan sampai ketika untuk mereka berkhidmat di peringkat yang lain, maka mereka boleh menggunakan keadaan ini.

Saya berharap bahawa saya sudah menjawab soalan Yang Berhormat yang

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan menekan tentang perumahan tetapi menekankan [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Mind set orang bukan Melayu bagi menyertainya.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Soalan yang kedua tadi sebetulnya kalau kita melihat memang kita akui bahawa bilangan masyarakat yang lain agak tidak begitu seperti yang kita harapkan.

Walaupun demikian, kita tahu bahawa seperti masyarakat Iban, masyarakat Cina, kita juga mempunyai kedudukan yang tinggi, ada di antara mereka Mejar Jeneral, Brigadier Jeneral dan ini sebahagian daripada tarikan kepada masyarakat yang lain kemungkinan melihat kalau hendak menyertai tentera, mereka juga mempunyai ruang dan peluang untuk naik pangkat dan seperti yang saya nyatakan tadi, pada malam semalam pun kita membincangkan di peringkat Post Kabinet betapa pentingnya untuk kita menggalakkan lebih ramai rakyat di negara ini, bukan hanya bangsa Melayu bahkan juga masyarakat India, masyarakat Cina untuk menceburkan diri dalam perkhidmatan- ketiga-tiga servis iaitu laut, tentera dan udara agar perkhidmatan dan keamanan, kesejahteraan negara kita ini bukan hanya dijaga oleh satu kaum, oleh semua pihak di semua peringkat untuk menjaga supaya ada kekitaan, ada kesatuan dan perpaduan, keutuhan untuk menjaga keselamatan negara.

3. **Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk menurunkan had umur kelayakan mengundi daripada 21 kepada 18 tahun, di samping memastikan konsep 'Bersih, Cekap dan Amanah' benar-benar dilaksanakan dalam proses pendaftaran pengundi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Bernard Giluk Dompok]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum bercadang untuk menurunkan had umur

pengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun. Suruhanjaya Pilihan Raya sentiasa memberi perhatian serius dalam menentukan proses pendaftaran pemilih, mematuhi Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 1971.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita sering menerima rungutan bahawa pegawai-pegawai SPR khususnya di Pulau Pinang, ada yang telah memindahkan ramai penyokong-penyokong Barisan Nasional keluar dari kawasan lebih spesifik Permatang Pauh dan memindahkan masuk penyokong-penyokong parti pembangkang ke dalam kawasan tersebut.

Jadi, yang 'tidak bersih, cekap dan tidak amanah' bukanlah pihak kerajaan akan tetapi pegawai-pegawai SPR yang menyokong parti-parti pembangkang. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan terhadap pegawai-pegawai seperti ini. Terima kasih.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di Dewan ini bahawa SPR ini adalah satu badan, satu suruhanjaya yang bukan satu jabatan kerajaan yang mempunyai kuasa yang tertentu, yang telah termaktub dalam Akta Pilihan Raya dan oleh kerana mereka mempunyai kuasa untuk menjalankan tugas dengan tidak mengambil kira pandangan di mana-mana pihak, terjadilah dari masa ke semasa perkara seperti yang telah disebutkan.

Saya ingin juga menjelaskan di sini bahawa pihak SPR menerima aduan bukan sahaja daripada pihak pembangkang tetapi daripada pihak kerajaan dan ini membuktikan bahawa di negara kita Malaysia ini, kita mempunyai satu Suruhanjaya Pilihan Raya yang begitu independence sekali.

Jadi, kerajaan tidak dapat memberi arahan kepada SPR tentang siapa dia pegawai yang boleh dite mpatkan di SPR untuk menjalankan tugas bila pilihan raya dijalankan dan ini adalah satu hak SPR. Pihak kerajaan memberi pandangan kepada SPR dan dari masa ke semasa, saya juga diberi taklimat oleh SPR dan semua apa yang kita dengar daripada pihak Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat dan juga pihak daripada awam, saya akan memberi perhatian kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah faktor yang menyebabkan puluhan ribu pengundi yang telah pun berdaftar sebagai pengundi dalam Pilihan Raya Kesepuluh tahun lalu tidak disenaraikan nama mereka sebagai pengundi.

Tan Sri Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan ini untuk memberi penjelasan sedikit tentang bilangan pengundi dalam senarai daftar pengundi yang terbaru iaitu Daftar Pemilih Tahun 1999 yang diwartakan pada 24 Februari 2000, yang juga telah digunakan dalam pilihan raya kecil Sanggang baru-baru ini.

Sekarang ini kita mempunyai pengundi baru ini seramai 9,509,332 orang pengundi dalam senarai ini dan dengan senarai ini juga, saya ingin menjelaskan di Dewan ini bahawa pihak SPR telah mengeluarkan daripada Daftar Pengundi 1998 sejumlah 735,859 pengundi dari Daftar Pengundi 1998. Ini bererti bahawa kita tidak melihat banyak peningkatan daripada daftar pengundi yang telah berdaftar dalam Daftar Pemilih 1998 kepada Daftar Pengundi 1999, oleh kerana walaupun ditambah sebilangan 680,000 pengundi baru, kalau diambil kira pengeluaran 735,000 daripada Daftar Pengundi 1998 ini, kita hanya mendapat 9,500,000 pengundi sekarang.

Bilangan 735,859 ini yang ditolak, yang dikeluarkan dari Daftar Pengundi 1998 adalah berpunca daripada, pertama: nama pengundi yang berganda iaitu dalam daftar pengundi didapati nama pengundi keluar dua kali ataupun I.C.nya, identiti cards nya digunakan dua kali. Juga didapati bahawa dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara, pihak SPR telah mendapati bahawa adalah terdiri daripada jumlah itu 103,641 pemilih sudah pun meninggal dunia. Jadi, inipun ditolak juga daripada Daftar Pemilih 1998.

Jumlah yang besar ialah 571,537 pengundi yang hilang kelayakan oleh kerana mereka...., kalau mereka terdiri daripada pengundi pos, mereka sudah bersara ataupun ada juga yang hilang kelayakan dan ada juga yang kad pengenalan mereka belum diperbaharui dan tidak didapati dalam Jabatan Pendaftaran Negara. Jadi, kesemua ini berjumlah 735,859 orang.

4. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan kenapa ladang-ladang kini gemar menanam kelapa sawit apabila pokok getah dicabut. Apakah akan terjadi kepada nasib penoreh-penoreh getah jika pokok getah tidak ditanam. Nyatakan jumlah penoreh getah yang hilang pekerjaan akibat gejala ini

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sejak kebelakangan ini terdapat kecenderungan di sektor

perladangan getah sama ada estet ataupun pekebun kecil untuk menukar tanaman getah kepada kelapa sawit apabila sampai masa untuk menanam semula.

Antara lain sebab-sebab mengapa pemilik ladang getah lebih berminat mengalihkan tanaman getah kepada kelapa sawit ialah:

- (i) kerana hasil pulangan daripada kelapa sawit berasaskan pengeluaran dan hadiah ketika ini adalah lebih tinggi berbanding dengan getah. Contohnya, purata pengeluaran buah tandan segar kelapa sawit ialah sebanyak 20 metrik sehektar berbanding dengan 960 kilogram sehektar bagi getah. Berasaskan harga bagi tahun 1999, iaitu RM1,440 setan metrik bagi minyak kelapa sawit mentah dan RM200.40 sekilogram bagi getah, pendapatan sehektar daripada kelapa sawit adalah jauh lebih lumayan berbanding dengan getah selepas diambil kira kos pengeluaran;
- (ii) tanaman kelapa sawit boleh mendatangkan hasil selepas tiga tahun ditanam, manakala getah mengambil masa selama lima tahun. Tempoh matang yang pendek bagi tanaman kelapa sawit berbanding dengan getah juga mendorong pemilik ladang getah menukar tanaman mereka kepada kelapa sawit; dan
- (iii) tanaman kelapa sawit tidak menggunakan tenaga buruh yang banyak berbanding dengan getah. Contohnya, nisbah tenaga buruh dan tanah di sektor getah ialah seorang pekerja bagi setiap empat hektar, manakala bagi kelapa sawit pula ialah seorang pekerja bagi setiap lapan hektar secara puratanya. Memandangkan tanaman kelapa sawit menggunakan tenaga buruh yang rendah, maka kos pengeluaran bagi kelapa sawit juga rendah berbanding dengan getah.

Tuan Yang diPertua, oleh kerana pada umumnya sektor perladangan sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh, penoreh-penoreh getah yang terpinggir bolehlah beralih kerja dari sektor getah ke sektor kelapa sawit sama ada sebagai penuai kelapa sawit ataupun sebagai pekerja penyelenggaraan di ladang-ladang kelapa sawit. Sebelum ini dapat dilaksanakan, penoreh-penoreh getah yang terlibat perlu dilatih semula dan selepas latihan mereka ini bolehlah diserapkan mengikut

keupayaan mereka sebagai penuai kelapa sawit ataupun sebagai pekerja penyelenggaraan am di ladang-ladang kelapa sawit yang berhampiran dengan tempat kediaman mereka.

Oleh yang demikian, nasib penoreh-penoreh getah tidak begitu terjejas kerana mereka masih mempunyai peluang untuk bekerja di ladang-ladang kelapa sawit, oleh itu bilangan penoreh-penoreh getah yang akan kehilangan pekerjaan adalah minimum.

Walau bagaimanapun, kerajaan sedang meneliti strategi-strategi yang sesuai bagi mengekalkan keluasan tanaman getah yang sedia ada di samping mengurangkan peralihan tanaman getah kepada kelapa sawit di masa hadapan.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibangkitkan barangkali dan terlalu kerap dibangkitkan kerana adanya peluang kerja yang terhad bila berlaku perpindahan antara getah dan kelapa sawit.

Jadi, oleh itu kita ingin mengetahui juga, adakah kerajaan dalam cuba mengatasi fenomena ini untuk menggalakkan industri kecil dan sederhana diadakan di sekitar atau di dalam kawasan ladang kerana walau apa pun berlaku pada ladang, sudah ada peluang-peluang kerja, setidak-tidaknya kepada anak-anak muda atau belia-belia yang ada di dalam atau di sekitar ladang dan juga sekaligus mengurangkan penghijrahan anak-anak muda ini ke bandar.

Datuk Anifah Aman: Yang Berhormat saya kurang pasti dengan soalan Yang Berhormat.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Sebagaimana yang kita maklum bahawa perkara antara getah ditebang, tanam kelapa sawit telah dibangkitkan beberapa kali, peluang kerja berkurangan. Oleh itu soalan saya, adakah kementerian bercadang untuk membina kilang-kilang bertaraf kecil dan sederhana di ladang dan sekitar ladang dengan itu memberikan peluang kerja untuk mengatasi fenomena ini dan juga sekaligus sudah ada pun stok pekerja di kalangan belia-belia yang ada di dalam dan sekitar bandar.

Jadi, maknanya tidak ada masalah, kita sudah pun menyediakan peluang ini. Jadi, perkara ini tidak berbangkit.

Datuk Anifah Aman: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya peluang kerja tidak terhad dan kalau kita tengok daripada statistik bahawa kita sangat-sangat memerlukan pekerja-pekerja asing dalam perladangan kita dan apa yang saya telah

terangkan tadi bahawa apabila peralihan daripada tanaman getah ke kelapa sawit, di ladang-ladang kelapa sawit juga kita sangat memerlukan tenaga-tenaga seumpama ini.

Daripada ladang getah pula untuk menubuhkan industri sederhana bahawa negara kita pada ketika ini ialah tidak mencukupi daripada keluaran getah dan kita masih mengimport sebahagian besar untuk keperluan kita dan oleh itu kalaulah penanaman getah itu dihadkan, maka kemungkinan kita tidak dapat menubuhkan kilang-kilang untuk memproses barang-barang yang berasaskan getah dan daripada segi pengeluaran kelapa sawit untuk kita menubuhkan industri seperti itu, maka pada masa kini apa yang saya terangkan tadi bahawa peluang kerja-kerja di ladang kelapa sawit begitu banyak sekali dan juga apa yang kita katakan bahawa dalam strategi kita untuk cuba memberhentikan pengalihan yang begitu besar daripada getah ke kelapa sawit, kerajaan telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada empat kementerian iaitu Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga Kementerian Pertanian dan jawatankuasa ini juga akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Di antara langkah-langkah yang diambil ialah kerajaan telah pun menyediakan pada tahun 2000 ini peruntukan sebanyak RM325 juta bagi melaksanakan Program Pembangunan Pekebun Kecil dan perpecahan adalah seperti berikut bahawa program tanaman semula ialah RM145 juta dan aktiviti ekonomi sampingan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi ialah RM100 juta. Dan juga pelaksanaan Sistem Torehan Berintensiti Rendah selama lima tahun ialah bernilai RM80 juta dan keempat-empat kementerian ini juga telah pun berbincang tentang cara mana untuk membantu pekebun-pekebun kecil getah ini yang telah pun memutuskan untuk beralih daripada getah kepada tanaman-tanaman yang lain, bukan sahaja kelapa sawit. Kementerian Pertanian juga telah pun berusaha untuk mengenalkan ataupun mengenalpasti beberapa apa yang kita katakan mix farming untuk pekebun-pekebun kecil ini supaya pendapatan mereka dapat dipertingkatkan.

Kita berharap bahawa hasil daripada kajian yang terperinci ini dapatlah kita memberhentikan ataupun menghadkan peralihan daripada getah ke kelapa sawit dan oleh kerana pengeluaran getah ataupun eksport barangan getah atau yang berasaskan getah ini adalah sebanyak RM13 bilion pada 1999.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, kalau Dewan ini boleh diberitahu, adakah Kementerian Pertanian juga mengkaji kemungkinan sawah padi yang begitu luas dan banyak tanah terbiar, kekurangan pekerja dan sebagainya telah dikaji untuk dijadikan sebagai ladang kelapa sawit. Adakah kelapa sawit dan berapakah keluasan – maaf kalau soalan ini merupakan dua soalan, berapakah keluasan ladang getah yang telah ditukarkan kepada kelapa sawit dan adakah kerajaan telah menetapkan satu dasar negara tentang keluasan. Walaupun tadi telah diterangkan tetapi adakah itu merupakan satu yang – maaf fleksibel yang boleh ditukar kerana tekanan-tekanan ataupun tuntutan-tuntutan ekonomi iaitu adakah luas kawasan kelapa sawit ataupun getah telah ditetapkan menjadi dasar negara tetapi yang penting sekali saya ingin tahu tentang keadaan sawah padi, adakah mungkin ditukarkan kepada kelapa sawit oleh kerana kebanyakannya adalah orang-orang yang mengerjakan sawah padi ini golongan yang boleh dikatakan paling miskin di negara ini.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan ini saya ingat ditujukan kepada Kementerian Pertanian, walau bagaimanapun, apabila kita hendak mengalihkan tanaman dari padi ke kelapa sawit ataupun daripada getah kepada kelapa sawit, yang penting sekali bahawa tanah-tanah itu ataupun kesesuaiannya hendaklah diselidiki dahulu sama ada sesuai atau tidak, kemungkinan bahawa ada beberapa tempat sawah-sawah padi itu tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit. Walau bagaimanapun, saya telah menerangkan tadi, oleh kerana pendapatan daripada kelapa sawit itu lebih tinggi kalau dibandingkan dengan getah dan sawah padi, maka kita tidak dapat menahan pekebun-pekebun kecil ini untuk beralih kepada kelapa sawit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa keluasan juta hektar getah yang ditanam pada masa kini mengikut perangkaan kita ialah 1.4 juta hektar dan ini telah pun menampung hampir 300,000 keluarga yang telah pun terlibat secara langsung daripada estet ataupun pekebun kecil.

Oleh itu, yang saya terangkan tadi juga bahawa keempat-empat kementerian ini berusaha cara macam mana kita hendak mengekalkan supaya jangan ada peralihan yang begitu serius daripada getah ke kelapa sawit dan juga kalau mendengar dari taklimat Kementerian Pertanian juga bahawa kita juga begitu menggalakkan penanaman padi di mana kita sedang mengimport begitu sebahagian besar.

5. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-
- (a) apakah rasional untuk kerajaan membina jalan dua hala (dual track) sejauh 85 kilometer antara Rawang dan Ipoh dan adakah jalan dua hala juga akan dibina antara Kajang ke Johor Bahru; dan
 - (b) adakah perundingan bagi pembinaan projek ini telah pun selesai dan berapakah kos perbelanjaannya dan jangka masa siap pembinaannya.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini dengan soalan No. 17 dari Ahli Yang Berhormat yang sama oleh kerana perkara yang sama berkaitan dengan jalan.

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan menaik taraf Jalan Persekutuan laluan 1 dari Rawang-Ipoh sebenarnya hanya melibatkan sebahagian jalan Kuala Lumpur-Ipoh bermula dari Gombak ke Bukit Beruntung, Hulu Selangor sepanjang 18.7 kilometer. Projek ini merupakan cadangan projek baru Rancangan Malaysia Kelapan. Jalan ini merupakan jalan penghubung utama antara bandaraya Kuala Lumpur dengan pekan Rawang dan pekan-pekan yang berhampiran seperti Batang Kali, Serendah, Sungai Choh, Bukit Beruntung dan juga Kuala Kubu Bahru. Rasional untuk kerajaan menaik taraf jalan tersebut dari satu lorong kepada dua lorong sehala adalah seperti berikut:-
 - (i) menyediakan jalan alternatif utama ke utara dan selatan tanpa bayaran tol;
 - (ii) memberi kemudahan infrastruktur yang baik kepada pembangunan pesat yang berlaku di Rawang dan juga kawasan sekitarnya;
 - (iii) memberi keselesaan kepada pengguna jalan raya dan meminimumkan risiko kemalangan;

- (iv) mengurangkan kesesakan jalan raya di samping dapat meningkatkan keselamatan jalan raya; dan
- (v) menjana pertumbuhan ekonomi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan membina jalan dua hala antara Kajang ke Johor Bahru.

- (b) Perundingan bagi pembinaan projek masih belum dilakukan kerana projek masih di peringkat perancangan dan belum diluluskan pelaksanaan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penggunaan Jalan Persekutuan laluan 1, sukacita saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, perbelanjaan syarikat-syarikat perkapalan dapat dikurangkan dengan menggunakan jalan alternatif utama ke utara dan selatan iaitu Jalan Persekutuan laluan 1 yang menghubungkan Kuala Lumpur-Ipoh tanpa bayaran tol. Kenderaan yang sering menggunakan lebuh raya bertol ke Rawang-Bukit Beruntung-Tanjong Malim dan lain-lain pekan dan bandar berdekatan dengan Kuala Lumpur boleh menggunakan jalan ini sebagai jalan alternatif tanpa tol.

Untuk keselesaan dan juga keselamatan pengguna jalan raya di samping mengurangkan kesesakan jalan raya, kerajaan bercadang untuk menaik taraf jalan tersebut dari satu lorong kepada dua lorong sehala. Cadangan tersebut merupakan cadangan projek baru yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Terengganu telah pun menyetujui dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi pembinaan jalan raya yang menyambung Karak ke Terengganu, saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, adakah dengan persetujuan ini pihak kerajaan akan membuat jalan bermula daripada Terengganu ataupun bermulanya daripada Karak terus ke Lanchang dahulu kerana pengambilan tanah tidak menimbulkan masalah kerana tanah-tanah di situ adalah tanah-tanah kerajaan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, persetujuan dari negeri Terengganu telah diterima baru-baru sahaja, jadi saya telah mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Terengganu di pejabat saya di

mana beberapa perkara telah diselesaikan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi, dua projek akan dimula iaitu:-

- (i) dari Karak ke Lanchang sebagai projek fasa pertama;
- (ii) daripada Chendering ke Bukit Besi di negeri Terengganu jadi projek pertama di negeri Terengganu.

Walau bagaimanapun, pengambilan tanah belum diselesaikan, oleh kerana itu, kedua-dua iaitu Kerajaan Persekutuan berjanji tidak lama lagi kita akan menghantar pelan-pelan di mana mereka akan mengambil balik tanah. Seperti itu juga di negeri Pahang, di mana untuk membina fasa pertama iaitu 1A kita telah menghantar pelan ke negeri Pahang untuk mengambil balik tanah iaitu 12 kilometer pertama daripada Karak ke Lanchang. Saya percaya jikalau kedua-dua perkara itu selesai, kerajaan akan dapat memulakan kerja.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan serupa sahaja tetapi agak berbeza sedikit sahaja. Kita hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan selepas beberapa hari pilihan raya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu mengumumkan untuk membatalkan tol, saya hendak tahu sama ada pemimpin PAS Terengganu apabila berunding dengan Kerajaan Persekutuan terutama sekali dengan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah bersetuju untuk mendapatkan tol dan sekiranya bersetuju, apakah pendirian Kerajaan Pusat dan juga pandangan masyarakat tentang kenyataan-kenyataan yang dilihat begitu mengelirukan rakyat khususnya di Terengganu yang seolah-olah Kerajaan PAS dan pemimpin-pemimpin PAS menentang penggunaan tol di lebuhraya.

Jadi, apakah pendirian kerajaan dan juga pandangan kita tentang ketidak consistent, dengan izin, pandangan dan pendirian pemimpin-pemimpin PAS khususnya di Terengganu? Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada juga soalan-soalan berkenaan dengan kutipan tol seperti itu, tetapi selepas perbincangan ada juga dua perbincangan telah berlaku, satu di peringkat Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di mana kerajaan negeri Terengganu bersetuju tiga perkara. Perkara itu:

- (i) mereka bersetuju pembinaan jalan;
- (ii) kutipan tol diterima oleh negeri Terengganu; dan

- (iii) mereka mahu juga tol yang akan dikenakan bersama-sama dengan apa yang kita sedang kenakan di Lebuhraya Utara-Selatan.

Jadi, ketiga-tiga perkara ini mereka bersetuju. Selepas itu rundingan yang kedua di pejabat saya, Yang Amat Berhormat Menteri Besar terus berjanji beliau akan mengikuti dengan keputusan yang telah dibuat pada masa dahulu dan boleh juga menulis surat dan surat-surat diterima oleh kementerian saya, tetapi berkenaan dengan pengumuman dahulu iaitu tol tidak dikenakan, saya percaya itu untuk mengikuti dengan masa itulah, masa itu lain daripada masa sekarang. Masa sekarang mereka bersetuju Kerajaan Persekutuan dan rancangan Kerajaan Persekutuan akan membawa faedah kepada rakyat, sebahagian penerimaan faedah itu, mereka mahu juga jalan tersebut.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Memandangkan salah satu daripada rasional untuk kerajaan membina jalan dua hala ataupun, dengan izin, dual carriage, ialah untuk mengurangkan kesesakan jalan raya supaya kurangnya berlaku kemalangan di situ, maka soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang membina jalan dua hala di Sarawak terutama sekali di beberapa bahagian di lebuhraya Sarawak di mana kemalangan kerap berlaku, sebagai contoh jalan raya dekat Bukit Bangunan di Sri Aman, jalan raya dekat Selangau, Bahagian Sibu dan juga jalan raya dekat Bukit Song di Bahagian Miri. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pembinaan jalan dua hala dengan empat lorong diikuti dengan permintaan bukanlah permintaan dari kerajaan, permintaan macam manakah kita menilai berapakah bilangan lalu lintas yang menggunakan jalan itu. Jikalau ada juga lalu lintas lebih daripada 16,000 kenderaan di satu lorong, kita akan merancang untuk membina. Jadi, di negeri Sarawak ada juga beberapa jalan telah dibina oleh Persekutuan dengan dua hala empat lorong. Kalau ada juga permintaan atau tambahan lalu lintas di kawasan-kawasan di mana yang menghadapi masalah sekarang, Kerajaan Persekutuan mesti menimbangkan.

6. **Puan Chew Poh Thoi** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan khidmat panduan dan khidmat kaunseling yang ada disediakan untuk belia yang tidak lagi di sekolah. Belia yang telah tamat sekolah tidak lagi mendapat panduan daripada pakar

kaunseling sekolah dan tiada arah untuk ditujui untuk mendapatkan bantuan sekiranya menghadapi masalah.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan tidak melaksanakan program khusus perkhidmatan kaunseling untuk belia-belia lepasan sekolah. Walau bagaimanapun, kementerian telah melaksanakan Program Khidmat Sosial Negara (PKSN) iaitu suatu program khusus yang telah dirancang bagi belia yang sedang menunggu keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Projek ini telah dilaksanakan semenjak tahun 1998 lagi. Pelaksanaan program selama 30 hari ini berkonsepkan khidmat nasional yang berteraskan kepada pembangunan diri generasi muda dengan memberikan peredaran khusus kepada pembentukan jati diri, disiplin hidup, moral, etika, agama, budaya, sukan dan sebagainya.

Program ini adalah menggabungkan nilai-nilai pendidikan dan ketahanan diri anak muda kita. Pada tahun ini program ini telah dilaksanakan di setiap negeri dan mendapat sambutan yang baik dan turut sama membantu anak-anak muda dalam program kaunseling diri ke arah menjanakan potensi diri. Pihak kementerian juga di dalam Rancangan Malaysia Kelapan akan mewujudkan pusat khidmat rakan muda di setiap negeri yang akan berfungsi sebagai tempat rujukan anak-anak muda dalam usaha membantu menyelesaikan permasalahan yang membabitkan pelaksanaan program-program pembangunan belia di kalangan generasi muda dan masyarakat setempat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya mengemukakan soalan tambahan. Rancangan-rancangan oleh kementerian ini, kita telah diberitahu adalah beberapa rancangan, adakah kementerian mengadakan kerjasama dengan badan-badan lain yang memberikan khidmat kaunseling kepada belia dan adakah kementerian ini bercadang untuk memberi bantuan kewangan kepada badan-badan ini supaya kedua-dua pihak dapat bekerjasama untuk mengatasi masalah-masalah belia. Terima kasih.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat atas pandangan yang bernas ini dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, bahawa sememangnya pihak kementerian sanggup memberikan bantuan dalam bentuk wang ringgit kepada pihak NGO misalnya, dalam usaha memberikan khidmat kaunseling ataupun sebagainya untuk kaum belia, ini memang merupakan satu-

satunya program kementerian ini. Selain dari itu, kementerian juga mempelawa pandangan-pandangan ataupun cadangan-cadangan dari pihak NGO sekiranya ada, tentang program-programnya untuk membanteras ataupun untuk mengatasi masalah-masalah belia pada ketika ini dan dalam hubungan ini permuafakatan di antara pihak kementerian, pihak NGO dan pihak swasta jika ada, adalah dialu-alukan.

7. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah kemajuan yang telah dicapai oleh kontraktor-kontraktor bumiputera berwibawa kelas A yang telah tamat tempoh keistimewaan “taraf wibawa” ini dan sudahkah mereka mampu untuk bersaing dalam tender secara terbuka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan [Tuan Rizalman bin Abdullah]: Tuan Yang diPertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat dua buah kontraktor sahaja yang telah dilepaskan daripada mendapat keistimewaan di bawah Program Kontraktor Binaan Bumiputera Berwibawa (PKBBW) di atas sebab telah berjaya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Syarikat yang dimaksudkan adalah Syarikat Landhorst Pancabumi Kontraktor Sdn. Bhd. dan Ahmad Zaki Sdn. Bhd. Di samping itu terdapat tiga buah syarikat lagi iaitu Juhawaki Sdn. Bhd., Bumi Highway Sdn. Bhd. dan Projas Engineering Sdn. Bhd. telah diluluskan untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Dengan penyenaian di BSKL adalah tidak diragui bahawa syarikat-syarikat ini mampu untuk bersaing dalam tender terbuka. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang diPertua. Soalan tambahan saya, masihkah kerajaan memberi kontrak secara rundingan terus kepada kontraktor-kontraktor bumiputera berwibawa kelas A dan jika masih, adakah peluang yang sama juga akan diberi kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang tidak bertaraf wibawa? Terima kasih.

Tuan Rizalman bin Abdullah: Terima kasih, atas soalan Yang Berhormat tadi. Setakat ini untuk mengagih-agihkan kontrak-kontrak kerajaan adalah di bidang kuasa Kementerian Kewangan, bukannya Kementerian Perusahaan Utama. Jadi mengenai dengan soalan sama ada syarikat-syarikat wibawa ini masih diagihkan kontrak-kontrak tersebut, untuk makluman Yang Berhormat, bahawa sebenarnya syarikat-syarikat wibawa yang kita perkenalkan dan telah kita berhentikan pada tahun

1996, sebenarnya keseluruhan syarikat itu telah pun diagih-agihkan – diberikan setiap syarikat sekurang-kurangnya sebuah projek. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga hari ini kerajaan telah pun memberikan nilai kontrak yang telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat berwibawa sehingga 31 Disember 1999 ialah bernilai lebih daripada RM6 bilion. Jadi, untuk pengagihan seterusnya itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

8. **Tuan Ho Lim Teck** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah syarikat kerajaan yang disenaraikan di bawah BSKL bagi tahun 1999. Senaraikan ekuiti-ekuiti syarikat-syarikat tersebut semasa mula-mula penyenaraian mereka di BSKL dan ekuiti tiap-tiap pemegang saham dalam tiap-tiap syarikat tersebut.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. bagi tahun 1999 terdapat dua buah syarikat kerajaan yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) iaitu Uda Holding Berhad dan Malaysian Airports Holding Berhad. Uda Holding Berhad (UHB) disenaraikan pada 18 November 1999, manakala Malaysian Airports Holding Berhad (MAHB) disenaraikan pada 30 November 1999.

Maklumat berhubung pegangan ekuiti syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti berikut:-

Uda Holding Sdn. Bhd.	Ekuiti	Malaysian Airports Holding Berhad.	Ekuiti
Menteri Kewangan Diperbadankan	50.01%	Menteri Kewangan Diperbadankan	35%
Landas Utama Sdn. Bhd.	24.94%	Khazanah	17%
Kakitangan dan Pengarah UHB	5.0%	Pengurusan dan Kakitangan	10%
Institusi Kerajaan ataupun Syarikat Bumiputera	10.03%	Institusi Tempatan	10%
Awam	10.0%	Awam	8%
		Pelabur Asing	20%
Jumlah	100%	Jumlah	100%

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini sejajar dengan cabaran globalisasi dan liberalisasi, pihak

kerajaan telah pun mengumumkan menerusi Suruhanjaya bagi menggabungkan syarikat-syarikat broker saham daripada 63 dijadikan 15. Kelmarin pernah saya menyatakan perlunya satu dasar bagi menentukan bukan sahaja syarikat-syarikat broker saham digabungkan tetapi juga penggabungan syarikat-syarikat broker saham bersama-sama dengan syarikat-syarikat insurans dengan sistem perbankan yang telah pun banyak digabungkan menjadi 10 untuk menjadikan syarikat-syarikat gergasi di negara kita ini yang merupakan financial supermarket, dengan izin, untuk kita menguatkan lagi daya saing dan daya tahan di dalam kita mencebur diri bersama-sama dengan syarikat-syarikat antarabangsa. Jadi, apakah statusnya perkara seperti ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pemulihan ekonomi negara kita melalui MTEN ialah gabungan di antara pihak awam dan pihak swasta dan kalau kita lihat seperti mana kata oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tadi, mengenai dengan penggabungan bank, apabila kita mengatakan kita hendak gabungkan kepada 6 sahaja tetapi apabila kita minta pihak swasta, mereka dalam bank iaitu yang dikatakan market forces ini tadi, mereka telah pun menggabungkan bukan 6 seperti mana yang diajukan oleh Bank Negara tetapi kepada 10. Selepas ini kita cuba hendak menggabungkan insurans – 6 permohonan penggabungan telah pun diterima oleh Bank Negara, 3 telah digabungkan dan selepas itu seperti mana kata oleh Yang Berhormat Dato' Aziz tadi, kita cuba pula menggabungkan mengenai syarikat broker saham ini. Jadi, mengambil iktibar dasar penswastan dan persyarikatan Malaysia, apa sahaja dasar-dasar yang melibatkan swasta kita akan cuba memanggil mereka dan bincang bersama-sama. Jadi, apa yang telah dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) pada 21 April 2000 telah dipanggil satu perbincangan dengan semua syarikat broker saham dan telah pun meminta mereka memberikan pandangan.

Betul kata Yang Berhormat Dato' tadi bahawa daripada 63 kita akan cuba menggabungkannya kepada 16 dan perbincangan-perbincangannya ialah mengenai stamp duty dikenakan oleh kerajaan sama ada boleh atau tidak dikaji semula sebagai sebahagian daripada insentif penggabungan ini dan Suruhanjaya Sekuriti akan merujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan dan kita akan mengambil tindakan memberitahu mereka secepat mungkin.

Yang keduanya, tentang rasional pemulihan pembukaan cawangan ke seluruh negara kerana buat masa ini bank-bank juga di peringkat-peringkat akar umbi ada juga memainkan peranan untuk menjual saham-saham ini dan apabila penggabungan syarikat broker saham ini, kita harapkan nanti bank tidak akan menjalankan kerja seperti ini dan kita harapkan nanti kita akan benarkan cawangan-cawangan syarikat broker saham ini diwujudkan pada 2001 sahaja supaya mengambil masa untuk bank-bank yang berkenaan menutup perkhidmatan itu.

Yang ketiganya, supaya universal brokers (UB) di BSKL ini dibenarkan di masa akan datang kepada 15 kalau tidak salah saya [*Menyemak nota*] Oh, kepada 5 sahaja dan tiap-tiap satu kelompok itu mengandungi 4 broker saham. Ini pun sedang dibincangkan supaya universal brokers ini akan dapat memerhatikan dan menumpukan sepenuh masa kepada capital market. Selain daripada itu, tentang kos transaksi yang dibangkitkan kerana ia meningkatkan risiko kepada pengusaha saham supaya kadar komisennya yang sedia ada, penyelesaian T+5 (Transaksi + 5) itu dapat dipendekkan kepada T+3 dan ini juga sedang dibincangkan dan akan dilihat dan akan diberikan jawapan.

Akhir sekali ialah sama ada pemilikan asing sehingga 40% boleh dilakukan secara *share swap* iaitu dibeli daripada pemegang saham sedia ada dan Suruhanjaya Sekuriti menjelaskan bahawa pemilikan asing hanya boleh dipertingkatkan melalui suntikan modal baru dan melanggan saham-saham baru dan bukannya melalui pembelian saham daripada pemegang saham yang sedia ada dan setelah penggabungan ini kita harapkan supaya broker-broker saham ini hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

- (i) minimum paid capital sebanyak RM260 juta; dan core kapitalnya sebanyak RM220.6 juta dan capital adequate ratio, dengan izin, (CER) sebanyak 1.50 gandanya;
- (ii) kita berharap bahawa penggabungan ini dapat mencakupi kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti dari segi kualitatif dan kuantitatifnya iaitu dari segi keupayaan pengurusan dan good governance.

Kita harapkan nanti dengan adanya WTO pada tahun 2003, broker saham kita akan lebih gagah jika dibandingkan dengan penyerangan-penyerangan WTO ke negara kita kelak. Terima kasih.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, kita ingin tahu daripada kementerian bilangan remisier atau wakil peniaga yang digantung perkhidmatan atas kesalahan ataupun kesilapan mereka itu. Juga kita ingin tahu berapa ramaikah remisier bumiputera yang telah berdaftar sekarang ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh: Mengenai remisier ini telah banyak diperkatakan, pertamanya bilangan remisier di antara bumiputera dan bukan bumiputera dan apakah bentuk salah laku yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Sehingga 29 Februari 2000 terdapat 7,331 wakil peniaga yang mana 2,345 ialah bumiputera, manakala bakinya 4,986 adalah bukan bumiputera dan jumlah wakil peniaga yang digantung daripada menjalankan perkhidmatan ialah sebanyak 622 di mana 265 ialah bumiputera, manakala bakinya 397 adalah bukan bumiputera. Dan peruntukan dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan peraturan-peraturan BSKL sedia ada adalah mencukupi untuk mencegah salah laku wakil peniaga ataupun remisier untuk melindungi kepentingan semua pelabur.

Dalam keadaan biasa syarikat-syarikat broker saham akan menggantung atau mengehadkan aktiviti wakil peniaga yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah. Mereka juga akan menghadapi tindakan daripada Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) ataupun BSKL sekiranya melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan peraturan-peraturan BSKL termasuklah membuat kenyataan palsu mengenai pembelian sekuriti, jualan singkat, muslihat dalam menipu dan pembelian sekuriti, membenarkan orang yang tidak mempunyai lesen dan sebagainya. Di masa akan datang kita akan memperketatkan juga Akta Securities Commission tentang prospektus dan yang lain-lain. Terima kasih.

9. **Datuk Norjan binti Khan Bahadar [Di bawah S.O. 22(3)]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa dewasa ini kerap kita dengar melalui media massa isu gangguan seksual di tempat kerja dan apakah kerajaan sedar mengemai perkara ini dan apakah tindakan kerajaan untuk membanteras gejala seperti ini tidak berleluasa berlaku bukan sahaja di sektor swasta juga di sektor awam.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar tentang wujudnya masalah gangguan seksual di tempat kerja. Oleh itu, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah menggubal dan memperkenalkan kod amalan untuk mencegah dan membasmi

gangguan seksual di tempat kerja. Usaha ini mendapat kerjasama pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja, ahli-ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Kod amalan ini telah dilancarkan pada bulan Ogos tahun lepas dan bagi membanteras gejala seperti ini supaya tidak berleluasa, Kementerian Sumber Manusia telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) meningkatkan kesedaran dan kefahaman pihak majikan terutamanya di kalangan pengurus sumber manusia tentang pelaksanaan kod amalan tersebut. Sehingga kini Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan beberapa seminar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak melibatkan lebih kurang 2,785 majikan. Pada tahun ini, kementerian akan menganjurkan lebih banyak lagi seminar yang sama untuk dimanfaatkan oleh majikan dan pekerja. Di samping itu, Pertubuhan Majikan dan Pekerja turut menganjurkan sendiri seminar dan bengkel kod amalan ini dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) bagi sektor awam, sehingga hari ini belum ada laporan atau rujukan berhubung dengan gangguan seksual di pejabat-pejabat kerajaan. Sekiranya terdapat gangguan seksual dalam perkhidmatan awam, tindakan tatatertib boleh diambil ke atas pegawai-pegawai berkenaan mengikut peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk menangani gangguan seksual seperti yang terdapat di dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang memperuntukkan bahawa seorang pegawai awam boleh dikenakan tindakan tatatertib apabila berkelakuan dengan sedemikian cara hingga memburukkan atau mencemarkan nama baik perkhidmatan awam;
- (iii) pelaku-pelaku gangguan seksual juga boleh diambil tindakan undang-undang seperti yang diperuntukkan di Peraturan 509 Kanun Keseksaan, sekiranya didapati bersalah hukuman penjara tidak melebihi 5 tahun boleh dikenakan atau didenda atau kedua-duanya sekali.

Datuk Haji Karim bin Ghani: Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan memandang bahawa wanita-wanita yang datang ke pejabat memakai baju seksi, bermekap cantik-cantik, berminyak wangi yang harum-harum, bukan satu gangguan seksual kepada orang lelaki? Terima kasih. *[Ketawa]*

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, negara kita negara yang mengamalkan demokrasi. Budaya kita dipupuk dalam suasana kesederhanaan. Kalau wanita hendak pakai minyak wangi – semalam minyak wangi daripada lada hitam dalam Dewan ini dibahaskan dengan begitu hebat, kita tidak halang. Kalau dia hendak pakai pakaian-pakaian yang menjolok mata itu adalah hak individu. Kita tidak bolehlah hendak kata mereka ini sengaja atau berperangai yang boleh menjuruskan kaum Adam untuk melibatkan diri dalam kes-kes yang menjurus ke arah gangguan seksual.

Sebenarnya kita tidak ada statistik yang mengatakan bahawa kalau pakai minyak wangi sehingga menusuk hidung kita boleh menggalakkan aktiviti-aktiviti ini ke arah gangguan seksual. Jadi, kita perlu dalam masyarakat majmuk, kita perlu liberal dalam menangani isu-isu tersebut tetapi saya kuat berpendapat bahawa yang paling penting adalah benteng dalaman. Bukan pada minyak wangi yang dia pakai atau pakaian-pakaian menjolok mata yang kaum Hawa pakai tetapi bergantung kepada nilai dalaman kita yang kita bena sejak 43 tahun kita merdeka.

Tuan Yang di-Pertua: Kita beri kepada Ketua Union bercakap.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kami semua menyanjung tinggi atas usaha kementerian untuk mewujudkan kod etika sexual harassment yang telah dilancarkan oleh Menteri yang mana turut serta pergerakan kesatuan sekerja, persatuan majikan dan NGOs. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, ialah adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa di peringkat syarikat bagi memastikan kod ini berjalan dengan baik, dihormati dan dilaksanakan dengan betul dan diawasi dengan begitu bagus dan pekerja sendiri mengambil bahagian dalam pelaksanaan itu. Dengan ini kita akan dapat mengurangkan sekurang-kurangnya sexual harassment di tempat kerja terutama sekali pekerja yang bekerja shift kedua, shift ketiga, shift malam dan sebagainya. Besar kemungkinan juga satu ketika dahulu di jabatan kerajaan macam Telekom juga kita pernah dengar, Yang Berhormat, ada sexual harassment di tempat kerja – operator yang bekerja waktu malam dan sebagainya.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, sama ada kementerian bercadang untuk mengadakan ini seperti mana kita mengadakan jawatankuasa peringkat keselamatan kesihatan pekerja. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Yang Berhormat, sahabat saya yang arif tentang hal-hal pekerja. Terima kasih, soalan tambahan. Peringkat pertama bila kita lancarkan kod amalan pencegahan gangguan seksual ini adalah *persuasive*. *Persuasive* maknanya kita ada pihak, kita beri pendidikan. Pendidikan kita beri kepada pengurusan khususnya pengurus-pengurus sumber manusia (*Human Resource Managers*). Kita juga panggil pekerja dan kita galakkan kesatuan-kesatuan sekerja dan tahniah saya ucapkan kepada MTUC, sudah lancarkan manualnya sendiri, ada jawatankuasa yang dibuat untuk memantau tentang kes-kes yang wujud serta potensi-potensi yang boleh menjurus kepada gangguan seksual.

Jadi, cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan mengambil peranan proaktif supaya menubuhkan satu jawatankuasa di peringkat kilangkah atau mana-mana organisasi pekerjaan, itu satu cadangan yang baik. Tetapi yang paling penting dalam promo kita, dengan izin, adalah untuk memberi pendidikan (*education*) dahulu supaya timbul suasana gelombang perdana, wujud suasana kesedaran, bukan sahaja di kalangan majikan tetapi pekerja yang berjumlah hampir 9.3 juta ini, supaya mereka benar-benar faham. Dan, pendekatan kita ini sebenarnya adalah pendekatan Islam, maknanya kita educate dulu untuk menubuhkan jawatankuasa, mungkin fasa kedua, fasa ketiga mungkin kita memberi satu kekuatan tentang gangguan seksual ini dengan menyediakan, dengan menguatkan dan tertera supaya Akta Pekerjaan itu wujud artikel-artikel tentang gangguan seksual ini diterjemahkan dalam bentuk perundangan.

Jadi, kita kerajaan Barisan Nasional, kita punya pendekatan, pendekatan 'bilhikmah', pendekatan bijaksana. Kita buat cara sederhana, perlahan dan berkesan. Bukan macam pendekatan yang dibuat oleh kerajaan parti pembangkang, hendak buat sesuatu semua hendak cepat sehingga masuk syurga pun hendak cepat, kalau pangkah PAS. Itu jalan pendek ke syurgalah (*short cut*). Jadi, saya yakin dan percaya program yang kita perkuatkan tahun demi tahun ini akan memberi kesedaran dan memberi erti kepada golongan pekerja dan majikan akan peri-pentingnya gangguan seksual dalam sektor pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 27 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang”. *[26 April 2000]*

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli menyambung ucapannya.

11.27 pagi.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan saya semalam.

Saya ingin menyambung perbahasan pada hari ini dengan memetik ayat 104, Surah Al-Imran, *[membaca sepotong ayat]* maksudnya;

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru atau berdakwah kepada kebajikan dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik serta melarang daripada yang salah, buruk dan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ayat suci Al-Quran Al-Karim yang saya petik tadi, Insya-Allah kita sebenarnya menuju ke arah membantu menyampaikan maklumat dan pengalaman dan cadangan supaya dapat kita manfaatkan bersama dalam Dewan yang mulia ini.

Semalam Tuan Yang di-Pertua, dalam masa saya berbahas seramai empat orang Ahli Dewan Negara yang telah pun memberi gangguan semasa saya bercakap.

Bukan gangguan seksual tetapi gangguan yang menggalakkan. Dan di antara jawapan gangguan seksual tadi, sebenarnya sudah kita dengar.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Gapar, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Mustaffa Kamal dan Yang Berhormat Datuk Joseph Balan Seling kerana mereka ini memberi gangguan yang membina kerana di antara gangguan mereka ialah memberi pandangan yang agak berlainan dan saya menerimanya. Dan, yang terakhirnya merupakan soalan yang masih belum dijawab. Dan, saya ingin memulakan hari ini dengan cuba menjawab sedikit.

Semalam saya memperkenalkan '*dikau dot w*' ala alaf baru, dengan izin, *D-data, I - information, K - Knowledge, U - Understanding, W - Wisdom* (kebijaksanaan). Hari ini kita dengar bilhikmah sebenarnya kita menuju ke arah kebijaksanaan. Soalannya ialah, kata dia, kalau kapal terbang naik terus ke atas 50 batu jauh daripada graviti kemudian dia menunggu putaran dunia (*earth*), kemudian dia turun ke London. Kata dia, boleh tidak pakai teknologi, *dikau dot w*, sama ada saya boleh terima atau tidak. Saya telah tanya khabar semalam pada rakan-rakan yang tahu sedikit tentang hal sains ini, sebenarnya sudah ada kajian-kajian tentang kapal terbang naik terus ke atas dan menjunam turun ke bawah dengan mengambil masa yang singkat.

Bila saya berbincang dengan Yang Berhormat Datuk tadi, mengikut analisisnya, masanya sama, kalau pergi ke London. Jadi saya kata teknologi itu tidak boleh pakai, jadi kita mesti cari ilmu yang lebih supaya menggunakan teknologi yang agak lebih canggih supaya kita menjimat masa. Jadi, ke arah menjimat masa adalah sebenarnya tema abad ke-21 juta. Seperti kata Bill Gates, kita hendak menjalankan perniagaan *at the speed of thought*, dengan izin, kita hendak menjalankan perniagaan secepat kita berfikir oleh kerana itu dunia sekarang kita kena buat dengan cepat. Oleh kerana itu dalam saranan-saranan yang disampaikan oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang mana yang baik, sila terima dan buat dengan cepat kalau tidak kita ketinggalan dan kita tidak bersama dalam alaf 21.

Tuan Yang di-Pertua, saya semalam setakat dapat bercakap tentang k-ekonomi yang menjadi pentas utama ucapan kita kerana inilah pentas abad ke-21. Saya sempat masuk ke tajuk yang kedua, pembangunan insan, hampir habis, saya akan buat

kesimpulan hari ini. Insya-Allah tajuk saya yang ketiga ialah pembangunan yang seimbang; keempat budaya dan seni; kelima MISC dan negara barat; keenam MISC dengan negara arab; ketujuh *e-village – entertainment village* (perkampungan hiburan); kelapan pendidikan; kesembilan agama islam; dan kesepuluh komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya mendapat izin untuk habis point-point ini kerana saya telah banyak buat kajian berbulan-bulan [*menunjukkan fail*] ini buktinya kerana apa yang ditulis oleh akhbar-akhbar saya telah cuba baca dan cuba faham dan cuba menganalisa dan cuba menjadikan ini sebagai bahan untuk saya berbahas. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada akhbar terutamanya sekali *Utusan dan Berita Harian* terutamanya kerana memberi ruang-ruang tertentu yang menuju ke arah membina ilmu, membina pentas untuk mengilmukan masyarakat termasuk juga bab budaya seni dan sastera yang semuanya saya ada bukti dan insya-Allah saya berkesempatan untuk menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat memberi peluang kepada Yang Berhormat lain bercakap jugalah ya.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Insya-Allah saya akan buat begitu.

Tuan Yang di-Pertua: Beri butir-butir kepada mereka pun boleh juga.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Bobh, boleh juga. Cuma saya buat begini kerana semalam saya dapat signal kata, "*Datuk, you cakaplah panjang mana pun*". Jadi, mungkin hari ini mesejnya lain, wallahua'lam.

Tuan Yang di-Pertua: Sekiranya ada orang lain hendak bercakap lagilah.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Jadi, saya cuba pendeklah, apa boleh buat.

Tuan Yang di-Pertua: Itu saya faham begitulah.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya hendak simpulkan tentang pembangunan insan ini, dengan mengatakan bahawa kalau telah kita mengajak masyarakat, saya telah cuba mengajak masyarakat untuk menerima agenda individu sendiri untuk terus belajar. Dan, kalau masyarakat sudah belajar insya-Allah kita boleh jadi negara kita sebagai negara yang sentiasa belajar, dengan izin, kita ingin mewujudkan, jadikan Malaysia yang sentiasa belajar,

ringkasnya Malaysia terus belajar’, dengan izin, *a learning Malaysia*. Kalau kita telah kenal ‘Malaysia Boleh’, dan kita tahu maknanya ‘Malaysia Boleh’. Kita sudah tahu banyak bukti yang ‘Malaysia Boleh’. Kita telah mencapai kejayaan banyak dengan ‘Malaysia Boleh’. Sekarang kita hendak buat ungkapan ‘Malaysia Terus Belajar’, ‘*Is a Learning Malaysia*’, kerana keseluruhan rakyat Malaysia memahami pentas ilmu, memahami *dikau dot w* dan mempraktikkannya sebaik mungkin.

Dan tanggungjawab ini boleh dibuat oleh kerajaan dengan jalan mewujudkan (*environment*) suasana yang baik kerana suasana yang baik itu akan dapat membolehkan keseluruhan anggota masyarakat mengambil bahagian kerana kefahaman yang saya tekankan semalam dan mendapat respon yang baik daripada Ahli-ahli Dewan Negara membuktikan ini. Kita mesti menerima kata Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir, saya pernah baca dalam akhbar dan mendengar ucapannya di beberapa tempat, beliau sendiri mengajak rakyat untuk belajar bagaimana hendak belajar. *Let us learn*, dengan izin, *how to learn*, kerana itu sahaja pun satu bidang yang kita kena belajar. Kalau semua masyarakat mengambil iktibar apa yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan mengetahui cara-cara dan kaedahnya, insya-Allah masyarakat berilmu akan dapat kita capai.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik pendapat yang disampaikan oleh El Ron Herbert dalam bukunya bertajuk, *Learning How To Learn*. Katanya, dengan izin, “*learning is not just getting more and more facts.*” – Pembelajaran bukan hanya setakat mendapat fakta-fakta yang lebih dari masa ke semasa. Dengan izin, *learning is understanding new things and getting better ways to do things*, maksudnya pembelajaran itu ialah memahami benda-benda baru yang kita belajar dan membuat sesuatu yang baru dari masa ke semasa.

Saya ingin simpulkan tentang tajuk pembangunan insan dengan ungkapan itu dan terus pergi kepada tajuk yang berikut iaitu pembangunan yang seimbang. Saya agak terganggu sedikit sebab sekarang saya kena potong-potong sedikit kerana saya diberi teguran untuk memendek tetapi insya-Allah, saya akan cuba.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembangunan seimbang, kita ingin menyeimbangkan kalau dari segi individu tentang usaha dia dalam hal-hal dunia dan akhirat, dari segi rohani dan jasmani dan kalau dari segi negara, dari segi fizikal dan spiritualnya kerana apabila kita bercakap tentang individu, Islam juga mengatakan

dan para pemikir Barat juga mengatakan ada tiga perkara penting. Dengan izin, *mind, body and soul* – pemikiran, badan dan juga jiwa kita. Pemikiran, dimulakan selalu dengan pemikiran dan badan itu akan menggerakkan dan jiwa itu akan menentukan kaedah dan apa sahaja perilaku kita.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kerana umpamanya dia telah menganjurkan “Tonggak Sepuluh” sebagai pemaju pembangunan Selangor mencapai taraf negeri maju 2005 iaitu 15 tahun lebih awal daripada negara Malaysia. Dalam “Tonggak Sepuluh” yang menjadi arah tuju kepada pembangunan, dia mengatakan “Kita hendaklah menentukan pembangunan yang seimbang di antara bandar dan desa. Pembangunan yang seimbang di antara kawasan yang memerlukan seperti kawasan setinggan dan juga kawasan-kawasan yang bukan setinggan’.

Pada saya, pendekatan ini adalah satu pendekatan yang amat baik dan beliau juga dalam satu kongres abad 21, “Prospek Pencapaian Selangor Maju 2005” berpaksikan “Tonggak Sepuluh”, mengatakan, “Semua lapisan masyarakat perlu menggilap, *mind set*, dengan izin, mereka supaya dipasakkan dalam diri mereka bahawa jika mereka hendak maju, mereka mesti bertindak sebagai masyarakat yang cinta dan sehati dengan rentak kemajuan”. Dan dalam Selangor, apabila kita bercakap tentang kemajuan, kemajuan yang seimbang di antara bandar dan luar bandar dan terbukti, umpamanya, akhir-akhir ini Kerajaan Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk membangunkan satu kawasan setinggan di tengah-tengah pembangunan yang begitu pesat yang dipanggil Damansara Dalam yang dulunya dikenali sebagai Kampung Lanun, 20 tahun yang lepas.

Sebab apa Kampung Lanun, sebab banyak orang lari pergi sembunyi di tempat itu. Curi barang, ambil dadah, naik teksi tidak bayar duit, semuanya lari ke tempat itu, orang tidak berani masuk. Jadi, dipanggilnya Kampung Lanun. Dan sekarang, alhamdulillah, dengan hasil kerjasama pihak pemaju dan jabatan kerajaan, Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Majlis Daerah Petaling, Exco Kerajaan Negeri Selangor, akhirnya telah dibuat keputusan untuk membangunkan kawasan seluas 27 ekar ini, yang berhadapan dengan perkuburan Damansara. Begitu hebat. Di sekelilingnya ialah kawasan Parlimen PJ Utara yang hanya kecil, di antara Damansara Utama dengan Kampung Tunku tetapi mempunyai pengundi yang padat iaitu 71,100 orang penghuni.

Jadi, orang-orang Melayu yang tinggal kebelakangan, yang teruk, tidak mempunyai kemudahan-kemudahan sekarang mempunyai harapan untuk membangun. Jadi, inilah pada saya satu pendekatan yang amat baik sekali dan saya harap ini akan dapat dimanfaatkan dalam hal-hal yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Belanjawan 2000, disebutkan juga tentang memberi pemerhatian lebih kepada pembinaan rumah kos rendah. Belanjawan sebanyak RM4.3 bilion dikatakan, dan dinyatakan juga tentang pengkhususan berkenaan tabung perumahan untuk rakyat, tabung pusingan perumahan kos rendah, tabung khas rumah kos rendah sederhana, syarikat perumahan negara.

Yang saya ingin bertanya ialah, dalam semua banyak tabung dan ada syarikat perumahan negara dan ada kementerian perumahan dan ada kerajaan-kerajaan negeri yang senantiasa mengumumkan tentang projek pembangunan perumahan kos rendah. Tetapi masih juga lagi kita nampak di keseluruhan negara, hasil pembinaan itu tidak secepat yang telah di *announce* kan. Kalau kita melihat statistik, banyak yang terbengkalai. Yang saya ingin mengetahui ialah keadaan sebenarnya tentang statistik tentang pembinaan rumah kos rendah secara menyeluruh dan peranan sebenarnya syarikat perumahan negara ini.

Sebab kalau disebut, syarikat perumahan negara, pada bunyinya nampaknya hebat tetapi aktiviti kita tidak begitu tahu. Kalau kita melihat negara yang berjiran, kita mengetahui dengan nama HDB, dengan izin, Housing Development Board dan kalau kita bercakap dengan rakan-rakan di negara jiran, Housing Development Board itu hebat dan banyak perkara baik yang efektif, yang memanfaatkan penduduk. Jadi, kalaulah kita dapat gerakkan syarikat perumahan negara dalam di antara senarai yang saya sebutkan tadi, dengan tabung-tabung yang sedia wujud, yang hendak manage ini sebenarnya ialah Syarikat Perumahan Negara supaya dapat mengkoordinasikan keseluruhannya, maka saya rasa lebih terhasil segala perancangan kerajaan.

Jadi, itu sahajalah yang saya hendak sebut dari segi perumahan dan perkara lain yang saya hendak tekankan juga atas tajuk pembangunan seimbang dan ini saya mesti katakan dengan niat atas sifat cintakan Malaysia, cintakan Kerajaan Barisan Nasional supaya dapat terus diterima oleh rakyat dan ini saya ingin meng *highlight* kan perkara ini.

Kita pernah dengar apa yang dipanggil projek-projek mega. Kita pernah dengar yang projek-projek mega seolah-olah tidak menguntungkan rakyat. Kita mempertahankan bahawa setakat ini projek-projek yang kita kenal sebagai KLIA, Putrajaya, Cyberjaya, *F1 Circuit*, apa lagi dan sebagainya, semua ini setakat ini dapat kita pertahankan dan insya-Allah akan membawa manfaat yang berlipat kali ganda di masa hadapan.

Saya berharap pihak kerajaan khususnya melalui Belanjawan yang akan datang, insya-Allah dapat memberi fokus yang lebih kepada perseimbangan di antara projek mega yang telah sedia ada dengan projek-projek kecilan luar bandar yang lebih bertumpu kepada spiritual tadi, kepada jiwa tadi supaya rakyat lebih sedar bahawa projek-projek yang membina insan, mengisi kekosongan dari segi jiwa ini lebih diperhebatkan, lebih ditonjolkan supaya dimanfaatkan dan disedari oleh rakyat. Maka, kalaulah ruang ini, kita pergunakan dengan baik dan kita lanjutkan usaha ini sehebat kita perkenalkan MSC, sehebat kita pekenalkan benda-benda lain dan kita buktikan kepada masyarakat khasnya masyarakat luar bandar bahawa inilah yang sebenarnya yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Insya-Allah, pada saya, rakyat yang akan sedar.

Rakyat akan melihat bahawa kritik -kritik songsang oleh pihak-pihak tertentu, tidak mempunyai asas sama sekali kerana rakyat ingin melihat amalannya, bukan setakat melihat, ah!, sudah kita kata agama Islam sebagai agama rasmi dan kita telah buat itu dan buat ini. Mungkin bidang ini mesti kita pertingkatkan dengan lebih hebat dan alhamdulillah, setakat ini kita melihat nampaknya sudah timbul kesedaran begini, cuma saya ingin mencelah untuk memperkatakan ini dalam senario, dalam konteks perancangan yang strategik. Perancangan yang mengatakan kita berkehendakan pembangunan negara Malaysia ini, berseimbang di antara projek-projek yang kita boleh rasa megah dengan kejayaan-kejayaan kita dan mendatangkan manfaat masa depan supaya kita tidak hanya terbawa-bawa dengan projek ini, memberi juga pengkhususan supaya berseimbang dengan *mind, body and soul*, dengan izin, yang saya katakan tadi.

Tuan Yang diPertua, yang keempat, saya hendak sebut tentang budaya dan seni. Ini mungkin saya ambil sedikit masa sebab saya hendak beri pengkhususan ini sebab pada saya, inilah ruang terlalu amat banyak yang mungkin kita tidak manfaatkan. Kadang-kadang perkaranya berlaku begitu, kita rasa *all right*. Saya ada

bukti di sini yang boleh menunjukkan bahawa ia memang banyak perkara berlaku tetapi ruangnya juga dapat dilihat jika kita membuat kayu pengukurnya sebab aktiviti berlaku nampaknya boleh diterima. Hanya bila diletakkan kayu pengukur, barulah kita tahu ruang bezanya ialah satu kaki atau lima kaki atau satu meter dan sebagainya. Inilah apa yang saya hendak cuba sampaikan.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya perkataan budaya tidak...., saya ingin menerimanya sebagai satu perkataan yang begitu luas, maknanya bukanlah hanya tertumpu kepada bidang nyanyi, seni tari, drama, teater dan sebagainya. Bidang budaya pada saya ialah keseluruhan amalan kita tiap-tiap hari, perilaku kita yang kita buat melingkupi semuanya. Asalkan kita buat itu bertubi-tubi begitu menandakan itu adalah budaya kita dan di sini lagi sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana nampaknya dalam struktur pentadbiran pegawai-pegawai kerajaan telah diperkenalkan dengan nilai murni.

Nilai murni yang telah diperkenalkan dan di sini juga, saya mesti menyatakan tentang usaha yang sedikit dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Haji Abu Hassan yang telah mengeluarkan satu buku yang diberi nama buku "Murni dan Bersih", ringkasnya, oh! maaf saya, buku "Budaya Murni dan Bersih" dan ringkasnya ialah "Budaya Menteri Besar" dan dalam buku itu diperkatakan, di *highlight* kan, diberi penekanan tentang lapan ciri-ciri nilai murni ini. Lapan itu ialah amanah, ilmu, disiplin, adil, ikhlas, setia, bersih dan syukur.

Dan dalam bidang ini, saya rasa usaha ke arah ini sebenarnya adalah selaras dengan salah satu daripada cabaran dalam Wawasan 2020, cabaran yang menyebut, saya petik, "Membentuk sebuah masyarakat yang kukuh, ciri-ciri moral dan etikanya dengan para warganya mempunyai nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur". Jadi, usaha kita menerapkan nilai-nilai murni dalam kerajaan, menerapkan nilai-nilai murni dalam masyarakat, politik di Selangor umpamanya, adalah amat selaras ke arah menuju pencapaian Wawasan 2020 dalam cabaran yang saya petikkan tadi.

Dan kalau kita bercakap tentang nilai yang satu, yang syukur, saya ingin petik Surah Ibrahim, ayat yang ketujuh [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Maksudnya, "Dan ingatlah tatkala Tuhan kamu memberitahu demi sesungguhnya jika kamu bersyukur, nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu dan demi

sesungguhnya jika kamu kufur (ingkar), sesungguhnya azabKu amatlah keras". Jadi, dengan kata-kata itu adalah amat selaras dengan apa yang dikatakan juga oleh Imam Ghazali kerana apabila Imam Ghazali bercakap tentang syukur, Imam al-Ghazali menyebut "Syukur terlaksana dengan tiga faktor iaitu ilmu, keadaan dan amalan".

Ilmu, kita bercakap banyak tentangnya semalam. Amalan juga termasuk dalam "dikau.w" ungkapan itu juga berlandaskan Islam. Ayat Al-Quran saya memetik surah Al-'Alaq semalam berlandaskan Islam. Imam al-Ghazali menyebut berlandaskan Islam. Jadi, apa sahaja yang kita buat di sini adalah menuju ke arah amalan mengikut kehendak Islam.

Tuan Yang di-Pertua, semalam bila saya bercakap "*Dikau dot W*", Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng kata kenapa tidak "*Dua ki*" lebih baik daripada "*Dikau dot W*". Dia kata akronim tak sedap. Jadi, bila saya tengok 8 nilai murni yang saya sebut tadi, akronim untuk kepuasan orang seperti Yang Berhormat sebut. 8 nilai murni tadi boleh saya sebut sebagai "*Aida is best singer*", Aida nama perempuan, "A-i-d-a" jadi itu dapat "*Amanah, ilmu, disiplin, adil*", "*is*" – "*ikhlas, setia*". "*Bersih, syukur*", ialah "*best singer*". Itu untuk kepuasan Dato' Dr. Chin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit tentang sejarah dunia yang ada kaitan dengan budaya yang ada kaitan bagaimana pemerintah asing menjajah negeri-negeri dahulu, beratus tahun dahulu dan strategi yang digunakan oleh mereka. Yang Berhormat Datuk Zainudin sebut sedikit dalam perbahasannya tentang macam mana penjajahan boleh masuk melalui budaya, melalui lagu, melalui bidang-bidang lain, bidang penerbitan dan sebagainya. Pada saya mengikut pembacaan yang saya dapat, strategi "3G" digunakan. Bukan saya pilih "G" ini, kebetulan saya jumpa "G", nanti kata "G" kerana nama "Ghazi", tidak. 3G ialah dengan izin, "Gold, Glory, Gospel". "Gold" kerana saya anggapkan ini sebagai kekayaan, kalau-kalau dalam konteks Malaysia mengapa datang ke Malaysia kerana ada bijih timah dan getah. "Glory" kerana kepuasan untuk menakluk, kehebatan, keagungan kuasa. "Gospel" bab bidang agama, dakwah, ini yang saya nak tekankan. Oleh kerana itu bila saya bercakap tentang keseimbangan tadi betul kita dapat kekayaan maju dari segi lain tapi dari segi pendakwaan dan ciri-ciri keagamaan hendaklah dipertekankan dengan lebih hebat.

Kita lihat dalam Kuala Lumpur sekarang budaya 'open air café' umpamanya dengan Hard Rock Cafenya, dengan banyak nama, saya pun tak ingat, terlalu amat hebat sehinggakan orang luar negara sendiri begitu hairan dengan Jalan Bukit Bintang

yang bertukar corak seolah-olah ini sudah jadi di luar negeri. Di Bangsar sendiri sudah terlalu banyak dengan budaya open café dan sebagainya. Sebenarnya inilah punca-punca, bibit-bibit gejala sosial yang mungkin kita tidak sedari. Saya menyeru kepada pihak Dewan Bandaraya khususnya, umpamanya, apakah tidak boleh kita control sikit kelulusan kepada perkara-perkara ini kerana bila dah dihidangkan dengan alternatif yang baik macam yang di Kuala Lumpur itu, macam di Bangsar dan sebagainya, anak-anak muda memang tertawan, mereka boleh pergi minum kopi RM8 secawan dan berborak-borak dan apa lagi. Dan saya telah mendengar khabar yang semasa perayaan menyambut Millenium itu perkara-perkara banyak berlaku di pentas-pentas ini, saya kata 'pentas' ini yang pelakon-pelakonnya anak-anak muda kita. Kalau ini kita tidak kawal, kalau ini kita tidak sedar, inilah pemerosotan yang kita tak akan boleh kawal lagi. Inilah masuknya budaya asing yang kita tak sedar.

Pada saya, kita kena prihatin tentang ini. Siapa yang nak buat? Kerajaan. Siapa di antara yang nak buat di kerajaan, mungkin pada saya kerana saya bercakap atas mauduk budaya dan seni, mungkin dimulakan dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, mungkin, yang lain boleh buat tapi saya nak beri pengkhususan dari segi itu.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, minta laluan kepada Yang Berhormat Tuan Hassan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa kegiatan-kegiatan yang disebutkan tadi itulah dia di antara tuntutan ayat Qur'an yang dibacakan oleh Yang Berhormat [*Membaca sepotong ayat dari Al-Qur'an*] Soalan saya ataupun saya mohon penjelasan, adakah Yang Berhormat mengira bahawa perbuatan-perbuatan, akhlak-akhlak seperti yang digambarkan itu sebagai salah satu ataupun sebahagian daripada kemungkaran yang saya tidak nak sebut pihak yang berkuasa saja yang memerangi tapi itu adalah tanggungjawab semua, pertamanya orang Islam dan saya rasa agama-agama yang lain pun tidak mahu melihat kemungkaran yang seperti itu berterusan berlaku di negara kita. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetujulah dengan Yang Berhormat membaca ayat Qur'an itu dan apa yang saya sebut memang ke arah itu. Soalnya, pendekatan yang kita buat hendaklah terancang dan terkawal mengikut kemampuan kita dan beredar dari satu tahap

pencapaian kepada tahap pencapaian yang lain dengan tidak tergopoh-gapah sehinggakan dapat ditolak dan tidak diterima oleh rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak beri pengkhususan tentang Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang saya sebutkan tadi. Sebenarnya soalan-soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam menuju ke arah mendapat maklumat yang lebih di atas persediaan saya. Walaupun saya tidak mendapat jawapan yang tepat, tapi saya ingin menyampaikan di sini bahawa mengikut kajian yang saya dapat, Dasar Kebudayaan Kebangsaan sudah 28 tahun umurnya - sudah 28 tahun umurnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Pada saya sudah sampai masanya kita mengkaji kerana kita menghadapi alaf 21, banyak berlaku perubahan dan banyak yang boleh kita buat dengan cara baru, kita tidak payah bergerak di atas tapak yang lama.

Oleh kerana itulah saya bertanya tentang adakah Dasar Budaya dan Seni Negara yang diperkemas, adakah wawasan yang kita nak capai dalam bidang ini, apakah misinya, apakah perancangan strategiknya dan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang? Ini yang sebenarnya kita harap dapat pihak kementerian memberi perhatian dan supaya dapat kita menggerakkan masyarakat ke arah pencapaian satu aspek jiwa, satu aspek spirit kerana kita mempunyai kuasa kekuatan dan wang ringgit. Kita hendaklah memanfaatkan kuasa kekuatan dan wang ringgit kita itu ke arah mencapai wawasan yang tepat dalam bidang ini.

Saya ingin beri satu contoh supaya dapat disampaikan maksud saya sebenarnya. Mari kita melihat sepintas lalu apa yang telah dipaparkan oleh akhbar dalam bidang ini supaya kita mendapat status sample, status kedudukan sebenar dalam bidang ini. Saya nak simpulkan dengan begini sahaja, dengan izin, ditulis di sini:

“Kosongkan minda, hayati teater”. Dia telah mengajak masyarakat jangan hanya lekat pada satu pemikiran bila melihat teater, lapanglah fikiran, bukalah minda supaya apa saja mesej dapat sampai, ini kata dia. Ayatnya panjanglah, ceritanya banyak.

“Arah teater Melayu alaf ini”. Cerita alaf ini tapi tidak nampak lagi alaf ini, ini saya punya reaksi. Ini boleh kita pertahankan

“Filem-filem Hindi kembali popular”. Kita melihat filem Hindi, Shah Rukh Khan dan sebagainya popular, anak muda sekarang pun ingin pada filem-filem Hindi.

“Ilmu elemen terpenting dalam proses pembudayaan”.

[Sambil membelek artikel akhbar]

“Filem tempatan masih dihantui masalah lapuk”. Masih ada bukti, bukan saya kata saya hanya mendapat pemikiran masyarakat dalam bidang itu.

“Memantapkan puisi menjadi bahan hidup sepanjang zaman”.

“Lagu rakyat hadapi sembilan halangan”. Ada saja halangan.

“Lagu rakyat perlu program pembangunan”.

“Kedah perlukan tempat simpan bahan sastera”.

“Penggerak seni Pahang tubuh Anggun”.

“Bengkel pertingkatkan mutu”.

“Drama tari pesonakan penonton”.

“Langkah awal satukan artis Malaysia”, dan akhirnya di peringkat ini ialah

“Studio filem MSC kebanggaan Malaysia”. Ini yang saya sebut e-village, dan

“Usaha tarik India sertai e-village”.

Tuan Yang di-Pertua, dengan senario ini apa yang saya cuba ungkapkan kepada pihak kementerian ialah mungkin kita patut mengadakan, kumpulkan kumpulan pemikir ‘think-tank’ macam dengan ala Kementerian Kewangan buat yang telah saya katakan satu pendekatan yang amat baik. Apa programnya, apa tasknya, apa kerjanya? Mungkin kerjanya bolehlah menyediakan perancangan strategik program budaya dan seni. Contoh, kalau kita fokus kepada teater sahaja yang kita nampak teater ini mempunyai ruang. Bila orang relaks, dia berhibur, mesej boleh sampai, oleh kerana itu dia minta pergi relaks, open mind, buka minda dan menerima apa yang disampaikan. Oleh kerana itu kita mesti rancang jenis-jenis teater, tajuk-tajuk contentnya, isinya yang kita nak sampaikan.

Kita ada Istana Budaya, kita ada Matic, kita ada Eksperimental Teater, kita ada Auditorium Kuala Lumpur, Auditorium PJ, Auditorium Shah Alam umpamanya tapi pada pemerhatian saya perkara ini tidak diselaraskan oleh satu badan. Pihak kementerian sepatutnya dengan perancangan strategik menentukan, meminta kumpulan-kumpulan yang berlainan mengeluarkan isi-isi teater, content itu yang menyampaikan mesej menggalakkan budaya ilmu, menyampaikan mesej “dikau dot w”, menyampaikan mesej mengambil bahagian dalam apa saja perancangan kerajaan yang memberi manfaat kepada penduduk. Tidaklah hanya sekadar mengambil cerita-cerita lama yang saya nampak trendnya hanya mengambil cerita-cerita lama dan

menyampakannya dalam bentuk yang moden menggunakan teknologi yang canggih yang cuba dipertontonkan.

Saya tidak menafikan yang itu perlu, apa yang saya katakan ialah keseimbangan. Jadi dalam pementasan teater, seni tari, seni drama dan sebagainya juga mesti wujudkan keseimbangan. Kekosongan yang ada ialah untuk mengisi minda masyarakat ke arah masyarakat ilmu, ke arah “Dikau dot W”, ke arah mencapai tahap bil-hikmah yang saya kata kebijaksanaan yang kita sebut tadi. Itu yang saya perkatakan. Kalau ini dapat dibuat maka keseluruhan anggota, artis, pelakon, semua ini dapatlah menyediakan diri untuk berkecimpung dalam apa saja projek kerajaan dan menepati kehendak masyarakat. Dan bila masyarakat memahami dan menerima kebaikan apabila mereka mengambil bahagian dalam bidang-bidang ini mereka akan lebih merasai penghargaan kepada usaha-usaha kerajaan, lebih berasa bersyukur kerana memang kerajaan membuat sesuatu yang memenuhi kehendak golongan ini dan kehendak golongan ini hendaklah dipupuk dengan baik kerana mereka inilah yang akan jadi, dengan izin, the players dalam e-village yang saya akan bercakap kemudian. Kalau ini tidak terancang, fizikalnya akan bangun tapi isinya tidak ada, macamlah kalau ibarat ada kereta tidak ada pemandu, ada PC tapi tak tahu bagaimana nak memanfaatkan gedung ilmu melalui PC atau komputer yang kita ada. Inilah yang saya nak tekankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak bercakap sedikit tentang pelancongan. Saya berterima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Merteri kita yang baru nampak begitu agresif dalam melihat bidang-bidang pelancongan dalam pasaran yang baru terutamanya India dan juga negara-negara Arab. Saya rasa ini penekanan yang tepat sekali. Penekanan yang begitu amat tepat cuma yang kita nak tentukan ialah supaya pihak kementerian memberi fokus kepada pelancong ini dan keperluan pelancong. Kita ingin juga mendengar apakah tok Arab-tok Arab suka tengok kalau mat salleh dari Eropah dan Amerika ada benda yang dia suka tengok, dia suka tengok kadang-kadang benda yang kita tak terfikir, tak terlintas, kita mesti buat kajian yang empirical, yang saintifik untuk mengetahui keperluan sebenar tok-tok Arab ini, kalau tidak rugi duit kita, pergi buat promosi hebat, promosinya hebat tapi cita rasa dia kita tak tahu. Kita syok sendiri dengan menunjukkan kekuatan dan kemegahan kita sahaja.

Ini yang saya cuba nak dahulukan supaya dapat kita buat sebab pada saya, saya mempunyai pengalaman umpamanya ada rakan datang rumah. Ini dah berlaku beberapa tahun dulu, seorang Jepun. Hujan lebat, petir, kilat, guruh amat kuat, saya pergi ke belakang sekejap, balik tengok dia dah tak ada, tengok di mana, dia keluar ke tengah-tengah hujan mengambil gambar hujan, petir, kilat hebat. Pada saya satu shock, kita cuba nak sembunyi that is the experience. Saya cuba nak menyebutkan yang orang luar nak ni kadang-kadang lain pada selera kita. Sebab itu kadang-kadang mat salleh suka pergi duduk dalam hutan sama ada yang dikatakan dari segi pelancongan sun, sea, forest ini sama ada dia suka pada panas, dia suka pada hutan, dia suka pada pantai, dia suka pada air, dia suka pada makanan, pada beli-belah dan sebagainya. Ini kita nak kena tahu sebab tok Arab ini fiil dia lain sikit daripada orang lain. Saya pun baru balik daripada Dubai jadi saya dapat sikit perangai tok Arab ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada kaitan banyak tentang kalau saya sebut tadi Putrajaya, Cyberjaya, EVillage dan sebagainya, ada aspek pelancongannya. Saya berterima kasih dan ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana baru-baru ini menjemput Ahli-ahli Parlimen masuk Ahli-ahli Dewan Negara ke Jamuan Makan Istimewa. Saya ingat ramai daripada Ahli Yang Berhormat di sini yang turut hadir. Makanannya sedap dan yang lebih canggih, pembuat rekod yang baik ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bersedia untuk menjadi pemandu pelancong istimewa, dia sendiri - personally bawa kita, bagi briefing satu, satu. Bukan setakat boleh memerintah negara yang baik tetapi menjadi juru pelancong yang begitu hebat dan di antara yang kita dengar, kita semua kagum dan dapat melihat kebaikan dan manfaat membina begitu dan di antara yang ada aspek pelancongan ini ialah saya dengar dengan telinga saya sendiri, air yang kita nampak - tasik tidak begitu banyak lagi sekarang tetapi akhirnya akan mempunyai tasik sejauh 70 km, betul Yang Berhormat dari Jabatan Perdana Menteri?

Bayangkan kalau sudah begini, sekarang Sri Perdana itu sendiri sudah dapat lawatan pelawat-pelawat yang begitu banyak, ada pula tasik 70 km wah! cukup hebat kita boleh bayangkan Ini boleh menjadi daya penarik pelancongan yang begitu kuat dengan sekaligus membawa pelancong ke negara Malaysia, melawat Putrajaya dan menikmati segala keindahan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan sama ada dalam bentuk air, dalam bentuk itu dan ini dan sekarang dalam bentuk E-Village pula yang akan saya sebut kemudian. dalam salah satu daripada kompleks. Ini satu perkara

yang amat baik sekali. Tetapi yang saya tekankan ialah ada pun 70 km air dan boleh dimanfaatkan dari segi aktiviti pelancongan dan sebagainya hendaklah orang kita bersedia dan manfaatkannya. Kita tidak hendak hanya melihat ini sebagai penonton tetapi pelakon yang sebenarnya dan dengan manfaat untuk masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit tentang MSC dan negara barat, perkara saya yang kelima. Saya ringkas sedikit dari segi penyampaian perbahasan. Saya mengucapkan tahniah kepada Multimedia Development Cooperation dengan izin, atas prestasi cemerlang mempromosikan MSC. Ini baik sekali kerana masyarakat dunia tahu, negara-negara barat, syarikat-syarikat besar semua ingin datang ke sini. Cuma yang kita ingin katakan ialah semasa mereka melihat ini sebagai satu langkah yang bijak dan pintar, jangan lupa pada niat orang barat bahawa mereka tetap cemburu dalam hati mereka terhadap kemajuan kita. Mereka tetap mencurigai ke mana arah yang kita hendak tuju dan kalau ada peluang mereka ingin letakkan brek dan road block di mana-mana sahaja dan perkara inilah yang kita harus sama-sama mengambil iktibar dan memberi penekanan supaya hasrat kita mewujudkan MSC dapat dimanfaatkan tanpa gangguan orang-orang barat walaupun mereka datang berkongsi dengan kita, membuat itu dan ini, kita mesti prihatin bahawa the three “G” strategy dengan izin, yang saya sebut tadi, “Gold, Glory and Gospel” tadi dengan izin, akan juga digunakan dalam bentuk pentas MSC dan dengan cara itu, kekuatan kita juga akan terhakis.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut perkara keenamnya tentang MSC dan negara Arab. Saya hendak panjang sedikit sebab ini tidak selalu kita bercakap, dengan barat ini sudah selalu cakap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bercakap, pemimpin-pemimpin lain juga bercakap. Negara Arab sebenarnya melihat kebangkitan MSC di bawah pimpinan orang Islam atas nama Dato Seri Dr. Mahathir ini sebagai satu kejayaan yang sungguh hebat. Malah dalam satu kumpulan yang saya sendiri berjumpa dengan mereka baru-baru ini, kumpulan Arab ini telah datang ke sini membuat sesuatu, balik ke sana dan masih berminat untuk datang lagi. Malah sekarang, mereka menyatakan bahawa mereka telah membuat permohonan direct dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk datang mengunjungi beliau, menyampaikan sesuatu, sokongan mereka terhadap MSC dan bagaimana hendak dimanfaatkan untuk negara Islam dan mereka mengatakan bahawa dapat sahaja signal, PM kata, “okay, datang” mereka bersedia dan terus datang.

Perkara-perkara begini pada saya adalah satu perkara yang amat membanggakan dan perkara yang amat tepat dengan ungkapan saya bahawa k-ekonomi, ekonomi berteraskan ilmu yang saya kaitkan dengan Surah Al-‘Alaq semalam sebenarnya adalah peluang baik untuk orang-orang Islam khususnya menguatkan kehebatan Islam yang mengikut sejarah ulung dahulu, kita telah hebat dan barat juga mengikut contoh-contoh pencapaian kita. Saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat menerima rombongan ini pada masa-masa yang tertentu supaya apa sahaja perancangan mereka untuk melibatkan diri dalam dunia MSC ini dapat dimanfaatkan untuk negara-negara Islam kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap yang ketujuhnyalah tentang E-Village. Hampir 2000 ekar akan disediakan untuk membangunkan E-Village - Entertainment Village. Satu projek yang akan meletakkan dari segi pembacaan saya studio-studio canggih, taman tema untuk pelancongan, pembangunan komersial, perumahan dan sebagainya. Pendek kata mengikut yang saya dapat baca, yang tersiar, kita seolah-olah ingin mewujudkan Universal Studio seperti di Los Angeles, Walt Disney seperti di Florida, Accord Centre di Florida dan sebagainya. Yang ingin saya katakan ialah kita harap dalam bidang ini ada opportunitynya - ada peluangnya dan juga ada trapnya - ancamannya ataupun cabarannya. Saya harap pihak kementerian yang berkenaan akan dapat menghuraikan tentang perancangan ini dan bagaimanakah masyarakat setempat akan manfaat daripada projek ini kerana ini ada kena-mengena dengan maruah bangsa, ada kena-mengena dengan aktiviti budaya, seni, teater, lagu dan sebagainya.

Inilah kaitannya dengan apa yang saya sebut tentang perancangan strategik program budaya seni yang saya utarakan awal tadi di pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan supaya persediaan rapi dibuat, supaya kita bersedia untuk mengambil bahawa dalam E-Village yang akan diwujudkan, dengan harapan supaya bila ramai pelancong akan melawat Putrajaya, Cyberjaya dan juga E-Village mereka akan pulang dengan pemahaman yang ada dalam fikiran. Mereka bukan hanya melawat another Florida. Kita telah lihat kalau Walt Disney di Los Angeles, Walt Disney di Florida, Walt Disney di Paris - maaf saya Disneyland. Di Jepun, Disneyland di Bandar Seri Begawan dekat dengan kita, walaupun diberi percuma. Tetapi kalau kita melihat dengan izin, it's just another one, ini pada perhatian boleh jadi saya salah, it's a matter of opinion dengan izin.

Jadi, saya harap kita berseru kepada kerajaan, kepada kementerian yang berkenaan. Kita tidak hendak memilih, melihat E-Village just another one. Kita hendak melihat E-Village dengan kekuatan budaya seni orang Malaysia, kita hendak terapkan ini menggunakan peluang ini mengikut perancangan strategik diutarakan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kita sendiri dengan harapan menggerakkan semua ahli seni, ahli itu dan ini supaya mereka bersedia dan mengambil bahagian di situ. Insya -Allah, niat ini akan dapat dicapai kalau kita dapat menyampaikan hasrat ini dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya ingin menyentuh perkara berkaitan iaitu Kongres Ekonomi Bumiputera yang berjalan pada akhir tahun lepas. Ini pun hampir seratus lebih resolusi disampaikan dan di antara resolusi sudah pasti ada kena-mengena dengan bidang tersebut. Saya harap kementerian-kementerian yang berkenaan akan memberi fokus keutamaan kepada perkara-perkara yang ada kaitan dengan hal-hal strategik yang menunjukkan perseimbangan di antara rohani dan jasmani yang saya sebutkan tadi supaya dapat diketengahkan dan dilaksanakan. Kalau tidak, dari satu kongres ke satu kongres kita hanya mengetahui resolusi selain daripada hasilnya. Malah selepas daripada itu, kongres profesional muda juga telah diadakan dan ini juga telah melahirkan resolusi yang banyak dan saya harap dapat dimanfaatkan dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan. Saya tahu kita tidak boleh buat semua apa yang dikatakan oleh resolusi. Tetapi pilihlah top five, dengan izin, dan kita ketengahkan supaya orang-orang yang mengikuti, mengambil bahagian dalam kongres-kongres yang berkenaan mengetahui bahawa kerajaan melaksanakannya supaya masyarakat melihat bahawa pelaksanaan dibuat dengan pendekatan-pendekatan yang baru.

Tuan Yang di-Pertua kelapan, pendidikan. Ini pendek sahaja sebab saya banyak juga tolong mencelah semasa Ahli Yang Berhormat bercakap, cuma mengambil sempena Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pun ada di sini, saya mungkin ingin bertanya sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, iaitu tentang progress sebenar sekolah bestari. Kita dengar sedikit-sebanyak perkembangan-perkembangan tahun lepas begitu dan begini, saya tidak payah huraikanlah untuk menjimat masa. Yang saya hendak dengar terkini, lebih-lebih lagi apabila kita mempunyai barisan kepimpinan yang baru dalam Kementerian Pendidikan dan kenyataan-kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menuju ke arah

pembaharuan, jadi kita inginlah mengetahui status projek sekolah bestari dan apakah pendekatan-pendekatan baru yang mungkin diubahsuai dan dilaksanakan mengikut selera yang terkini di abad ke 21 ini. Yang lain saya tidak payahlah hendak sebut sebab sedikit sebanyak mengenai masalah

Dato' Michael Chen Wing Sum: Puan Jamilah binti Ibrahim bangun.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Saya hendak menumpang sedikit sahaja dalam perbincangan yang sedang dibahaskan oleh Yang Berhormat Datuk Ghazi sebab Yang Berhormat Datuk Ghazi menyebut masalah pendidikan sekolah bestari, saya ingin mengambil peluang mungkin dengan izin, Yang Berhormat Datuk Ghazi sendiri minta Kementerian Pendidikan jelaskan sedikit mengenai pendidikan istimewa, iaitu pendidikan terencat akal sejauh mana perkembangan dan sejauh mana kesan positifnya setelah kementerian melaksanakan pendidikan bagi kanak-kanak terencat akal? Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Yang Berhormat. Itu kita tujukan straight kepada pihak kementerianlah. Cuma apabila saya duduk saya teringat satu sahaja benda Yang Berhormat Dato' Aziz. Ini pengumuman Yang Berhormat Menteri kata compulsory, dengan izin, pendidikan tadika yang wajib ini. Ini baik sedang dikaji sekarang. Pada saya ini satu langkah yang amat baik dan patut diimplementasikan serta merta tanpa buat salah. Tetapi yang saya hendak sebut sedikit ialah tentang projek beli komputer ini. Ada satu badan kata boleh dapat wang KWSP beli komputer mula-mulanya dimulakan dengan kalau anak belajar di universiti. Sudah saya punya reaction kata kenapa hanya di situ. Kemudian buat pengumuman anak mungkin 10 tahun ke atas boleh. Saya masih ingin bertanya mengapa had umur. Tidak semestinya yang 10 tahun ke atas sahaja yang patut boleh main komputer. Dia rasa hendak beli dia belilah. Asalkan dia qualify. Inilah yang saya kata tidak ada penyelarasan, tidak seimbang, tidak konsisten. Kita hendak masyarakat berilmu dari bayi lagi. Kita hendak mendidik anak masih dia dalam rahim ibu. Dalam rahim ibu pun sudah hendak mulakan pendidikan. Jadi biarlah beli komputer awal-awal. Dia celik sahaja selain daripada Allahuakbar yang dia dengar ini dan membaca dengan ayat-ayat suci al-Qurannul Karim ayat lain dia sudah kenal dengan komputer dan tekan button 'dot com'. Malah dalam dunia abad 21 ini anak dilahirkan kemudian bukan hanya setakat tarikh lahir diberi, dia diberi dengan reference internet straightaway – sudah terus dengan internet reference number untuk

kita berkomunikasi, untuk kita berinteraksi. Baiklah terima kasih atas gangguan baik Yang Berhormat jadi saya pun mencelah dengan bab yang lain sikit. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ke bab yang ke-9 sekarang. Agama Islam. Ini amat mustahak. Saya melihat sejak 1980-an penerapan nilai Islam dibuat dengan begitu hebat oleh Kerajaan Malaysia. Alhamdulillah. Kita semua kenal Bank Islam, Takaful Islam, Universiti Islam, Tabung Haji, semua. Dunia Islam pun kagum dengan pengurusan kita dari segi Islam, Tabung Haji. Betul ada kekurangan di sana-sini tetapi kekurangan itu lumrah hidup asalkan kita kata kita tidak hendak ke tahap kemajuan. There is no end, dengan izin kepada excellence Tiada kubur bagimu wahai excellence, ertinya tidak matilah.

MSC juga untuk orang Islam. Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir sendiri menyebut kata inilah MSC untuk peluang kepada orang Islam. OIC seminar yang berlaku di sini baru-baru ini memperkatakan hal-hal ini ke arah menguatkan lagi penerapan nilai Islam dalam berbagai bidang termasuk dalam teknologi tercanggih. Pada saya kalau mengikut pendapat saya dengan penuh rendah diri saya mengatakan bahawa Malaysia sudah boleh dipanggil sebagai negara Islam. Sebab kita amalkan ini semuanya berlandaskan Islam. Cuba buktikan di mana yang tidak Islamnya. Cuma persepsi sahaja. Kalau kita katakan taraf macam sekolah bestari. Kita kata okay, sekolah bestari pun ada levelnya, ada peringkatnya. Peringkat 1, 2, 3, 4, 5. Kalau ada lima komputer satu sekolah umpamanya by definition, dengan izin, kita sudah sekolah bestari. Tidak payahlah seribu sekolah ada di sekolah. Itu sudah tahap kelima. Tetapi sekolah bestari juga namanya mengikut definisi kita.

Jadi pada saya dengan penuh rendah diri saya mengatakan saya merasa berbangga bila balik dari negara Arab bercampur dengan Pak Arab, berbincang dengan mereka kita pun boleh tahu sedikit setakat mana dia punya pemikiran dan kekaguman mereka terhadap kebangkitan kita orang Islam di Malaysia kita rasa megah dalam hati sendiri, kita rasa kita ditawarkan untuk jadi pemimpin dunia Arab, kita rasa kita mempunyai kekuatan ilmu, kekuatan fikiran yang diberi oleh Tuhan untuk memimpin sesuatu yang baik untuk dunia Islam. Maka ayuh, wahai kerajaan, saya rasa kita di pentas yang baik untuk meneruskan perkara-perkara ini dengan begitu baik dan cemerlang sekali. Tanpa gangguan Walaupun ada gangguan di sana-sini, gangguan itu kita hendaklah melihat sebagai gangguan yang boleh dimanfaatkan. Kalaulah teguran-teguran yang membina untuk membaiki lagi taraf mutu hidup

masyarakat untuk meningkatkan lagi taraf pemahaman umat Islam khususnya kita terima itu dengan baik. Dan saya rasa masyarakat berilmu menghendakkan masyarakat yang berinteraksi selalu begini dengan menggunakan akal fikiran dan insya-Allah kita sama-sama membina negara Malaysia yang tercinta ke arah wawasan 2020. Itu sahaja yang saya hendak sebut dari segi perkara ini Tuan Yang diPertua dengan ringkas.

Oh, satu perkara yang amat mustahak yang ada kaitan dengan akidah Islam. Ini terpenting. Baru-baru ini saya membaca dalam akhbar menyatakan bahawa Kementerian Penerangan akan mewujudkan satu saluran TV dipanggil nama saluran agama. Saya tidak tahu apa kedudukannya sekarang. Tetapi pada saya bila diumumkan saya terus record in memory dan saya fikir kemudian bagus atau tidak bagus. Apa baiknya, apa buruknya dan sebagainya. Saya melihat mungkin pendekatan ini tidak begitu tepat. Malah saya membuat kajian sedikit dan kajian ini mengukuhkan pandangan saya bahawa pendekatan itu tidak begitu tepat. Dan alternatif saya tunjuk, ini saya dapat daripada pusat maklumat terhebat sekarang, Internet. Saya dapat berjumpa dengan ini, Alhamdulillah bersyukur pada Tuhan, terjumpa. Kadang-kadang mencari ini pun tidak jumpa juga.

Alhamdulillah cari ini jumpa. Saya dapat satu yang diberi nama wisdom - w, i, s, d, o, m, ingat 'dikau dot w' semalam. Itu yang saya minat lagi itu. Kalau jumpa yang lain hendak lencong ke lain lagi. Jumpa-jumpa wisdom, wa.. Alhamdulillah. Tengok terus. Dan saya nampak ini yang patut kerajaan kita buat, kalau bermodelkan ini maksud saya. Sebab bila buat saluran agama yang diketuai oleh seorang yang sudah dikenali dengan itu ini tidak begitu efektif. Manusia ini kita kena terima persepsi. Dia ada persepsi dia. Dia tengok dia sudah label. Susah hendak kikis. Kenapa buat jalan susah. Cari jalan senang. Dunia berteraskan ilmu dan ICT hendak cari jalan senang. Saya melihat ini wisdom ini sebenarnya ialah satu syarikat media yang besar yang hebat, yang apa dia ada. Wisdom ini saya tunjuk sebagai bukti. About wisdom. Wisdom television, wisdom radio, wisdom internet. Dan ada pecahan masing-masing. Saya tidak payah bacalah detailnya, tetapi pokoknya ada saluran dipanggil kebijaksanaan – wisdom apa yang dia tuntutan, dia tuntutan masyarakat untuk berfikir sehingga ke tahap wisdom mengikut formula 'dikau dot w'. Kalau hendak tahu dengan lebih panjang ingin saya baca sedikit apa dia punya misi.

Dan pada saya ini adalah agak universal. Kita boleh terima ini sebagai model dan membuat pendekatan ala Islam yang kita rujuk kepada al-Quran dan Hadis. Kita boleh buat. Kita ada kekuatan hendak buat. Kalau hendak minta tolong Pak Arab boleh. Mereka ready hendak datang. Inilah hendak mewujudkan projek begini pada saya adalah projek yang amat mendatangkan kepuasan. Sebab yang hendak puas ini bukan hanya dengan wang ringgit dan harta benda yang di dunia ini, yang kepuasan ialah bila kita dapat membuat sesuatu yang orang lain tidak nampak yang Dr. Mahathir nampak yang kita menyokong Dr. Mahathir supaya merealisasikan yang tak senang nampak. Ini kepuasan pada saya insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin membaca sedikit keratan yang saya dapat tentang wisdom ini apa dia. Dengan izin, wisdom in forms, entertains dan empowers by show casing human values (nilai-nilai manusia) and the impact to the mind (dan impak pemikiran), body and spirit (body and spirit ala Islam) and spirit connection on individuals and the global community (atas individu-individu dan juga masyarakat global) – dunia globalisasi dan liberalisasi ini. The cultures the world are increasing – dia hendak tekan tentang budaya. Dan perkara ini mereka ingin, we seek to inspire (hendak memberi inspirasi) and lighten (untuk menerangkan) and challenge people dan memberi cabaran kepada manusia dan supaya mereka dapat mengeluarkan dengan pemikiran-pemikiran yang baru. We seek to inspire and lighten and challenge people and offer new ways of thinking. Inilah Tuan Yang di-Pertua pada saya kalaulah dapat diulangkaji pihak kementerian cari pendekatan yang ke arah ini yang menerapkan berlandaskan ilmu, mengeluarkan televisyen, radio dan internet yang juga boleh menjadi alat seperti televisyen tetapi teknologinya berlainan, pada saya suatu program yang cukup hebat. Dan percayalah berlandaskan kekuatan MSC kita dengan syarikat-syarikat berstatus MSC dan sebagainya kita mempunyai kekuatan. Yang hendak ialah perancangan strategi. Yang hendak ialah kumpulkan para pemikir yang ada yang relevan. Manfaatkan bersama jangan kira bulu kulit dan warna lihat pada pemikiran dan kebolehan. Ini yang saya harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir insya-Allah yang saya hendak bangkitkan ialah...

Dato' Michael Chen Wing Sum: Minta laluan lagi Yang Berhormat.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Bolehkah setuju dengan saya jangan beza, bulu, kulit dan warna termasuk kefahaman politik. Bolehkah Dato' setuju.

Dato' Ghazi Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju asalkan tidak melanggar prinsip-prinsip tertentu yang mesti kita jadikan landasan untuk kita membangunkan masyarakat. Sebenarnya saya telah pun jawab sebelum itu. Ini yang saya kata, walaupun kalau ada kritik-kritik dan cadangan membina kita terima juga asalkan dia dapat membina masyarakat. Inilah peluang yang kita dapat di Dewan ini yang Dr. Mahathir sendiri kata ini pentasnya untuk kita bertukar fikiran bukan di jalan-jalan dan di luaran. Terima kasih Yang Berhormat.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, tajuk saya komunikasi. Saya pilih komunikasi terakhir kerana kalau semua yang kita buat ini kita tidak communicate, berkomunikasi dengan target yang kita hendak berkomunikasi maka hancur longlai rugilah. Ini saya pilih terakhir. Dan kalau kita lihat di antara kementerian yang bertanggungjawab sangat yang paling relevan ialah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Ada yang lain tetapi saya hendak sebut satulah. Ini masa suntuk kalau masa banyak kita boleh kupas lagi Kementerian Penerangan inilah, itulah tidak boleh. Kena cepat-cepat sedikit.

Saya dalam bidang ini, dalam bidang hendak memanfaatkan benda-benda yang telah saya sebut awal tadi saya ingin bertanya kepada kementerian yang berkenaan apakah penglibatan syarikat-syarikat tempatan. Apakah penglibatan bumiputera dalam dunia ICT ini? Apakah resolusi kongres resolusi bumiputera yang diangkat oleh kementerian ini dan apakah perancangan seterusnya dan bagaimanakah kita hendak memanfaatkan daripada kehadiran syarikat-syarikat gergasi asing ini. Syarikat gergasi asing datang ambil bahagian banyak yang point of contact dengan izin, dengan kementerian ini dan apakah strategi yang digunakan oleh kementerian ini.

Saya hendak merujuk sedikit kepada sejarah dahulu, saya ingat 20 tahun silam, kita mengajak syarikat, masa itu kita hendak syarikat membuat investment, pelaburan di sini. Mereka terus memanfaatkan sendiri-sendiri sahaja kemudian baru kita ingat untuk menentukan yang kita hendak itu dan ini dari mereka, barulah dia sumbang, barulah ada prasyarat kena beri kepada syarikat tempatan, kelonggaran kepada kuota bumiputera dan beberapa syarat yang memanfaatkan setempat. Yang saya ingin bangkitkan ini ialah marilah kita bersama-sama menimba sejarah dan mempelajari daripada sejarah supaya dalam perkembangan yang begini pesat dalam dunia Internet ini yang boleh dikawal melalui kementerian ini manfaat orang tempatan, orang Melayu khususnya tidak dilupakan malah kementerian itu sendiri,

pada sayalah kalau kita melihat dari segi strukturnya, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimennya mungkin patut diwujudkan pada saya.

Saya ingin mencadangkan patut diwujudkan satu unit khas, perbadanan ICT yang boleh diberikan satu pengkhususan pada pembangunan untuk kepentingan bumiputera. Sebab rata-rata, kalau tidak syarikat-syarikat bumiputera dalam dunia ini meraba-raba, yang ini orang ini, yang ini, ini, tidak ada yang terkawal. Sedangkan kita mengatakan bahawa industri ICT itu adalah teras segala-galanya. Saya komen semalam dalam perbahasan mengatakan tentang bila hendak bercakap graduan 39,000 ini, hendak latih ini. Pada saya bukan hanya latih setakat hendak relate dengan bidang yang dia belajar kerana bidang yang dia belajar itu adalah pentas, basic sahaja. Setakat hendak memberi disiplin kepada dia macam mana hendak mencari ilmu.

Itulah pada saya, saya tidak sebut semalam Bill Gates sebenarnya menjadi kaya billionaire ini dia bukan mendapat ijazah Ph.D, drop out dari Harvard University. Inilah yang saya cuba maksudkan semalam, tidak payah dapat degree asalkan dapat ilmu, ada kemahiran, usaha-usaha dan cari peluang, alhamdulillah insya-Allah akan berjaya. Ini yang saya cuba tekankan di sini dan pentas ini kalau sekiranya ada perbadanan ICT yang khusus, panggillah apa nama pun, secara ringkas saya kata, perbadanan ini dalam kementerian ini mungkin manfaatnya dapat diperolehi kerana keseluruhan perancangan ini adalah dikoordinasikan oleh kementerian ini. Malah kementerian ini sekarang lebih hebat oleh kerana kita sendiri telah meluluskan akta-akta dahulu the Convergence Act ini sebahagian daripada Kementerian Penerangan, kuasa-kuasanya pun sudah diletakkan di bawah kementerian ini, sedangkan kementerian ini mempunyai luas bidang kuasanya. Kepentingan-kepentingan masyarakat bumiputera hendaklah juga diberi penekanan dalam perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh kalau saya hendak katakan dalam MITI, selepas berbahas dan berbincang hampir 10, 15 tahun kerajaan bersetuju hendak mewujudkan SMIDEC - Small Medium Industry Development Corporation. Kalau kita wujudkan ICT umpamanya, bolehlah kempen-kempen budaya ICT untuk masyarakat dapat diperhebatkan. Kempen beli komputer yang saya sebut tadi boleh diperhebatkan. Program Desa Bestari yang masyarakat luar bandar pun hendaklah dimanfaatkan, diajak bersama, tahu apa benda IT ini dan bestari dan program masyarakat bestari yang di bandar dan di desa juga hendak diseragamkan dan

diseimbangkan. Bukan diseimbangkan sebagai, dengan izin, creative measures, bukan hanya bila sudah usaha hendak membetulkan. Hendaklah usahanya right from start sebagai satu perancangan terancang bukan corrective action.

Pada saya inilah justifikasinya perbadanan yang saya sebutkan tadi Semoga, insya-Allah apa yang mungkin..., saya tidak hendak jadi sebagai satu blind spot semasa kita membawa kereta, kadang-kadang tidak ternampak sedikit, jadi kita hendak wujudkan ini dan bentangkan.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Datuk Ghazi. Saya sangat tertarik tentang idea-idea dan pemikiran-pemikiran moden yang setakat ini disuarakan oleh Yang Berhormat tadi, tetapi saya hendak tanya, selalunya apabila seseorang pemimpin itu ada banyak idea yang moden dan sebagainya, tetapi apabila idea-idea ini tidak dapat disampaikan kepada pengikut-pengikut macam di negara kitalah, pemimpin-pemimpin mungkin ada banyak idea mereka mahu satu masyarakat yang bersatu-padu, bekerjasama untuk kebaikan dan kepentingan negara. Tetapi oleh kerana idea-idea ini terlalu moden mungkin di satu taraf yang begitu ke depan daripada pandangan mereka.

So, sehingga rakyat ini tidak dapat mengikut idea-idea ini dan mungkin bukan tidak dapat ikut sahaja tetapi mungkin terlalu bimbang tentang idea-idea ini sehingga mereka tidak sokong dan mungkin ini menjadi satu masalah kebelakangan ini di mana pengundi-pengundi ini tidak dapat menyokong. Sungguhpun kerajaan telah buat begitu banyak usaha untuk kebaikan dan kepentingan mereka. So, saya hendak bertanya Datuk, bagaimana kita dapat mengatasi masalah dari segi membawa idea-idea ini untuk diterima oleh masyarakat umum dan juga bagi mereka menerima idea-idea ini demi kebaikan mereka. Selalunya apabila kita takut, kita tidak yakin satu idea yang baru, kita tidak ada pengalaman, kita takut dan kita bantah dan inilah saya takut akan berlaku di negara kita sekiranya kita tidak menyediakan dengan sebaiknya. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih Yang Berhormat Dato', sebenarnya tepat sekali analisa Yang Berhormat Dato' itu dan saya ingin respond atas pemikiran saya sendiri. Mungkin apa yang patut difikirkan ialah kita mesti mengakui bahawa kepimpinan kerajaan yang terdiri oleh bapa-bapa rakan-rakan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen terlalu amat sibuk dengan tugas masing-masing tugas harian untuk just to catch up dengan tugas-tugas harian. Mungkin

untuk menjadi jalan penyelesaian pada permasalahan yang saya terima, itu saya tidak mahu komenlah. Memang tepat analisa tentang pengenalan masalah patut dengan rela hati, dengan tanpa rasa terancam mewujudkan independent thinking group, terdiri daripada professional Mungkin termasuk dari Dewan Negara, boleh kata professional Dewan Negara, sebab dia bukan ada tugas, dia komen sahaja, betul tidak? Mengikut pengalaman sedikit sebanyak dia ada, di sini dia komen. Tukang komen beri idea.

Jadi kalau ada ruang badan ini independent tetapi dia kena tukar mind set, pemimpin kena tukar mind set, kata ini sebenarnya adalah untuk kebaikan dia. Dialah yang buat announcement tetapi dia mendengar pemikiran. Saya tahu mungkin secara individu ada setengah yang buat tetapi kalau tidak diwujudkan secara rasmi, katalah ISIS, saya ambil model itu sahaja, wujud ISIS ada nama Tan Sri Nordin Saufi dan dia ada pakar-pakarnya. Hebat pemikiran, produknya kita terima. Cuba kita bayangkan kita ada banyak lagi, kita panggilah 'ABC' ISIS, badan ini pada lima kementerian lain on going tetapi di recognize, diberi pengiktirafan oleh kerajaan dan pemimpin Menteri, Timbalan Menteri terima ini sebagai direct feed back, bukan daripada hanya rakan-rakan yang sekumpulan rakan-rakan yang hanya menyampaikan yang hendak didengar daripada apa yang patut didengar. Pada saya secara spontanlah mengikut yang saya boleh fikir sekarang, mungkin itu sebagai satu pendekatan yang baik.

Jadi, you can take the credit, dia boleh buat announcement tetapi yang the think tank group ini kita perhebatkan supaya dapat dimanfaatkan dan inilah datangnya yang saya kata komunikasi ini dan hendaklah mempelbagaikan usaha komunikasi Janganlah hanya sebut di satu perasmian kemudian hilang selepas itu. kemudian dia pergi perasmian lain-lain, tidak ada konsisten. Jadi bila mesej yang bercanggah, bagaimanalah rakyat hendak faham, tidak boleh Ia mesti terancang, dunia moden, dunia maklumat kita kena mengurus maklumat dengan cara itu. Komunikasinya hebat, gunanya multimedia di mana boleh dan konsisten. Saya ingat itulah jawapan saya kepada Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, mungkin satu lagi aspek tentang ini. Itu adalah satu pendekatan yang baik seperti ISIS, think tank dan sebagainya. Tetapi di negara kita, kita juga ada banyak NGOs dan NGO-NGO ini nampaknya menjadi dengan izin, opinion leaders iaitu satu golongan yang selalu menyuarakan sesuatu dan rakyat itu menganggap mereka sebagai satu kumpulan yang penting dan selalu sama ada mempertikaikan hal-

hal tertentu ataupun menyuarakan apa yang dirasai penting oleh mereka dan juga mungkin mereka juga menjadi satu kumpulan tekanan kepada masyarakat.

Selain daripada think tank dan sebagainya, kalau hubungan kerajaan dengan pihak-pihak ini lebih baik, sekarang pandangan masyarakat ialah NGO selalu menentang establishment, anti establishment, dengan izin, dan selalunya pandangan mereka ialah berlawanan dengan kerajaan. Kalau kita salurkan melalui ini mungkin lebih kerap mengadakan dialog dengan mereka, interaksi yang lebih rapat dengan mereka, adakah itu satu lagi saluran yang bolehlah memberi kita satu peluang menyampaikan idea-idea yang moden, yang liberal, yang baik ini. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Dato' Dr. Chin. Tepat sekali malah kita boleh gabungkan, saya kata tadi kalau ada kementerian yang dibayar gaji untuk buat kerja sibuk dengan urusan harian tetapi on one hand you ada strategic group, thinking group, think tank, dengan izin, tetapi in the other you ada kumpulan NGO dan kumpulan NGO ini secara berkala periodic, dengan izin, mengadakan bila sudah dapat feed back dari sini, adakan berbincangan dengan NGO on the friendly basis, hanya perbezaan pendapat kita hormat di antara satu sama lain, insya-Allah pada saya kalau ini dibuat secara terancang dan terhormat, consistently oleh kementerian-kementerian dan rakyat diberi faham bahawa inilah pendekatan abad ke-21, pada saya insya-Allah

Rakyat juga bijak, rakyat juga berfikir kalau yang baik dibuat susah hendak ditolak, insya-Allah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini. Saya ucap tahniah kerana pihak kerajaan nampak Yang Berhormat seorang sahaja sekarang ini dan kena pula pada kemuncak tentang dari segi usaha komunikasi dan sebagainya dan Yang Berhormat amat penting di sini sebagai seorang yang begitu berpengalaman dan rapat dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita harap mesej ini dapat disampaikan dan difikirkan sendiri oleh Yang Berhormat supaya dapat dimanfaatkan.

Malah saya ingin simpulkan Tuan Yang di-Pertua, semua ini pemimpin, kerajaannya pemimpin, kita pemimpin, kumpulan berfikir pemimpin, kumpulan NGO pemimpin. Berlandaskan hujah saya tajuk satu sampai sepuluh ini, saya ingin simpulkan bahawa keseluruhan pemimpin yang kita hendak ini di abad ke-21, hendaklah seorang yang berwibawa dan berkesan, saya catit di sini sedikit. Berwibawa dan berkesan tetapi berteraskan ilmu, dia kena berwibawa, berkesan, kena ada kesan effect result orientated, berteraskan ilmu termasuk Al-Quran, Hadis dan

sebagainya, jangan kata ilmu ini ilmu Barat sahaja, tidak dan hendaklah mengambil tindakan dengan cepat mengikut keperluan dan keutamaan.

Cepat sebab time is element. Saya sudah sebut, Bill Gates kata buatlah perniagaan at the speed of thought, dengan izin. Itu simbolik sahaja. Kena cepat, sebab itu sistem dia macam nervous system. Tekan sahaja 'piup' sudah dapat. Sebab begitulah gayanya perdagangan masa depan e-commerce. Jadi, kalau ada pemimpin yang berwibawa, berkesan, berteraskan ilmu tetapi kena buat dengan cepat. Tetapi cepat apa, adakah yang membabi buta atau tidak. Mengikut keperluan, out of need, dengan izin. Tetapi kalau need banyak, ikut keutamaan. Dalam buku Sheikh Yusuf Al-Qardawi bercakap tentang keutamaan. Saya tidak dapat petikan, dahulu saya sudah gunakan ini, tetapi Yusuf Al-Qardawi membincang tentang keutamaan dalam menguruskan bab-bab hidup.

Pada saya, kalaulah ini dapat kita manfaatkan, semua pemimpin kita, bapa-bapa menteri kita, seorang yang berwibawa, berkesan dan berteraskan ilmu kena cepat buat kerja dengan mengikut keperluan dan keutamaan, insya -Allah, kita akan berjaya. Kita haraplah kepada mereka tukar juga mind-set dan jangan terganggu sangat dengan unnecessary trap, dengan izin.

Saya ucap terima kasih kepada Dato' Dr. Chin yang mengutarakan soalan, sambil itu dia juga beri jawapan. Sebenarnya saya menyimpulkan jawapannya itu dalam satu konteks yang lebih bermakna dan untuk dapat diterima pakai oleh pihak kerajaan yang diwakili oleh Yang Berhormat Dato' Aziz Shamsuddin. Saya sokong Usul Belanjawan ini. Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

12.52 tgh.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberi kepada saya membahas Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini. Saya cuba tidak akan menyentuh perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2000 yang dibentangkan semula oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 25 Februari 2000 telah diterima dengan baik oleh semua golongan rakyat. Kita bersyukur kerana kerajaan bukan sahaja berjaya mempertahankan kedudukan ekonomi tetapi dapat memulihkan

kegawatan ekonomi dengan lebih berkesan. Mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan, dengan pertumbuhan ekonomi lebih baik, kutipan hasil dijangka meningkat kepada RM61.8 bilion berbanding RM58.8 bilion yang dianggarkan semasa pembentangan asal Belanjawan 2000.

Di dalam belanjawan ini juga kerajaan telah mengurang dan menghapuskan cukai ke atas beberapa jenis barang dan perkhidmatan sebagai langkah untuk memantapkan pemulihan ekonomi di beberapa sektor. Langkah-langkah ini akan mengurangkan bebanan rakyat dan dengan pertumbuhan ekonomi pada tahun lepas kerajaan dapat meneruskan rancangan-rancangan pembangunan bagi faedah untuk semua golongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, satu-satunya faktor yang negara boleh mempertahankan ekonomi ialah wujudnya perpaduan di antara rakyat berbilang kaum di negara ini. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menyemai dan menanam semangat perpaduan di kalangan murid-murid kita supaya negara dapat melahirkan rakyat yang bersatu padu. Di sini ingin saya bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan, adakah rancangan atau program yang boleh mengeratkan perpaduan di kalangan murid-murid dari pelbagai jenis sekolah rendah kebangsaan seperti sekolah Cina, sekolah Tamil, sekolah Agama dan sebagainya. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya lihat ada tanda-tanda di sekolah-sekolah menengah dan institusi-institusi pengajian tinggi di mana pergaulan antara kaum di kalangan pelajar-pelajar tidaklah sebegitu rapat ataupun boleh dikatakan tahap yang membimbangkan.

Kita mesti mencari jalan supaya anak-anak kita dari kecil lagi bergaul dan berkenalan di antara pelbagai kaum dan saling hormat-menghormati dan memahami budaya dan agama yang berlainan. Saya anggap perkara ini sangat penting bagi menjamin keamanan dan kesejahteraan negara yang kita cintai. Jika wujud perpaduan yang erat di kalangan rakyat, apa sekalipun cabaran atau ancaman biarlah globalisasi atau liberalisasi kita pasti dapat mengatasinya. Saya juga ingin tahu tentang rancangan dan program Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tentang perkara yang saya bangkitkan ini iaitu memupuk semangat bersatu dan perpaduan di jiwa anak-anak kecil kita dari semua kaum yang ada di negara ini. Saya rasa lebih berkesan jika kita tumpukan usaha kita, mereka yang masih kecil-kecil ini lebih dari

orang-orang dewasa. Bak pepatah Melayu 'hendak melentur buluh biarlah dari rebung.'

Tuan Yang di-Pertua, saya masih menyentuh isu pendidikan. Seperti penuntut-penuntut kaum bumiputera Melayu dari sekolah-sekolah di luar bandar, penuntut-penuntut keturunan Siam juga tidak mempunyai asas pendidikan yang kukuh dan lemah terutamanya dalam mata-mata pelajaran seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Ini telah menimbulkan masalah kepada pelajar-pelajar kaum Siam untuk mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan dan melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Bagi mereka yang mendapat keputusan peperiksaan yang agak memuaskan, mereka menghadapi masalah mendapat peluang untuk melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi. Ini adalah kerana penuntut-penuntut kaum Siam digolongkan dalam kategori 'lain-lain kaum' dan bukannya di bawah kategori 'bumiputera'.

Permohonan mereka dinilai dan diberikan pertimbangan berdasarkan kriteria-kriteria yang digunakan bagi menimbang permohonan daripada kaum bukan bumiputera yang lain seperti kaum Cina, kaum India yang majoritinya mendapat pelajaran di sekolah-sekolah dalam bandar dan mempunyai asas pendidikan yang jauh lebih baik. Bagi mereka yang berjaya melanjutkan pelajaran, mereka seringkali menghadapi masalah ditawarkan kursus-kursus yang tidak diminati dan juga gagal mendapat tawaran untuk kursus-kursus profesional dan teknikal. Ini menyebabkan tenaga kerja dalam kategori profesional dan teknikal dari golongan kaum minoriti Siam amat kurang sekali dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama saya dilantik dan diberi kepercayaan untuk mewakili kaum Siam di Dewan Negara, saya telah berusaha untuk mendapat peluang bagi anak-anak kaum Siam untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ke peringkat universiti kerana saya percaya hanya melalui pendidikan sahaja satu-satu kaum itu boleh memperbaiki kedudukan sosioekonomi yang rendah seperti kaum Siam ini jika dibandingkan dengan kaum-kaum lain. Selama ini atas desakan ibu bapa, saya memohon pertolongan secara kes-kes individu, ada yang berjaya, ada yang tidak berjaya. Saya berharap dengan membawa perkara ini kepada perhatian kerajaan di Dewan ini, masalah pendidikan yang dihadapi oleh masyarakat minoriti Siam dapat prihatin daripada pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan.

Saya ingin memohon supaya kerajaan dapat menimbang untuk melonggarkan syarat dan membantu dalam perkara-perkara seperti berikut:

- memberi peluang kepada penuntut-penuntut dari kaum Siam yang berkelayakan untuk menuntut di Maktab Rendah Sains MARA;
- menilai permohonan penuntut-penuntut kaum minoriti Siam untuk melanjutkan pelajaran di peringkat IPTA....

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat boleh menyambung selepas makan tengah hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditempohkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Charern Intachat menyambung.

2.32 ptg.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengulangi di mana sebelum yang saya berhenti tadi. Saya ingin memohon supaya kerajaan dapat menimbang untuk melonggarkan syarat dan membantu dalam perkara-perkara seperti berikut:

- (i) memberi peluang kepada penuntut-penuntut dari kaum Siam yang berkelayakan untuk menuntut di Maktab Rendah Sains Mara;
- (ii) menilai permohonan penuntut-penuntut kaum minoriti Siam untuk melanjutkan pelajaran di peringkat IPTA berdasarkan kriteria-kriteria penilaian yang sama untuk penuntut-penuntut bumiputera Melayu. Ini adalah kerana asas pendidikan penuntut Siam adalah sama seperti kebanyakan bumiputera Melayu iaitu dari sekolah-sekolah di luar bandar. Sekiranya permohonan penuntut-penuntut kaum Siam dinilai bersama-sama permohonan penuntut-penuntut dari kaum China, India dan lain-lain yang majoritinya mempunyai asas pendidikan yang lebih kukuh, penuntut-penuntut Siam tidak akan berupaya

bertanding kerana keputusan peperiksaan yang kurang cemerlang; dan

- (iii) menimbang untuk memberi peluang penuntut-penuntut kaum minoriti Siam yang berkecukupan untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Teknologi MARA. Kelonggaran syarat ini tidak akan menjejaskan kaum bumiputera Melayu memandangkan jumlah penuntut kaum Siam adalah amat kecil sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kaum-kaum etnik seperti orang Siam, orang Portugis dan kaum-kaum etnik di Sabah dan Sarawak memerlukan pelbagai bantuan kerana mereka adalah dari kaum-kaum minoriti yang terpinggir sedikit dari arus pembangunan. Oleh itu, saya berpendapat saya unit atau jabatan khas yang dinamakan Jabatan Hal Ehwal Kaum Etnik atau Minoriti perlu ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri untuk menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat minoriti ini. Dengan itu, peruntukan khas dapat disalurkan supaya kaum-kaum etnik mendapat lebih banyak peluang dan dapat mengadakan aktiviti ekonomi, sosial, kebajikan dan kebudayaan yang lebih berkesan ke arah melahirkan rakyat yang berjiwa Malaysia, maju dan bersatu padu. Ini kerana terdapat jurang sosioekonomi antara masyarakat Siam ataupun kaum etnik. Bagi masyarakat Siam jumlahnya kira-kira 60,000 sahaja dengan kaum-kaum lain. Khususnya dalam bidang pendidikan dan ekonomi, orang-orang Siam merasa terpencil dan tidak mampu bersaing dengan golongan lain.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kaum-kaum etnik minoriti di Sabah dan Sarawak bersetuju juga dan menyokong dengan cadangan supaya unit atau jabatan kaum-kaum etnik minoriti ini ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri. Sebagai warganegara Malaysia kaum-kaum etnik minoriti ini berhak kepada akses peluang ekonomi dan pendidikan ke tahap tertinggi yang mungkin sebagai pemangkin kepada asas ekonomi di samping menyumbang kepada proses transformasi negara menjayakan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Saya berpendapat hanya wujudnya unit atau jabatan khas yang dicadangkan ini barulah kerajaan dapat bersungguh-sungguh untuk membantu kaum-kaum etnik minoriti di negara kita. Saya juga difahamkan di beberapa buah negara seperti India dan Thailand, ada di dalam perlembagaan mereka tentang peruntukan untuk memelihara kepentingan kaum-kaum minoriti mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masih berkaitan dengan orang Siam dan kali ini menyentuh tentang Kementerian Penerangan. Saya rasa bimbang sedikit tentang khidmat radio dari stesen-stesen Selatan Thailand yang diberi kepada orang-orang Siam di Utara Semenanjung. Mereka ini mendapat maklumat berkenaan dengan majlis perkahwinan, kematian dan keagamaan melalui stesen-stesen di Setul, Haadyai, Yala dan Narathiwat di Selatan Thailand dan menerima pelbagai program hiburan seperti lagu-lagu permintaan dalam bahasa Thai.

Jika boleh, saya ingin memohon supaya siaran radio di stesen-stesen radio kita di Utara Semenanjung seperti di Kangar, Alor Star dan Kota Bharu diselitkan sedikit dengan program dalam bahasa Thai tempatan supaya rakyat dari masyarakat Siam tidak pandang sangat ke sebelah Utara. Saya pernah bangkitkan perkara yang sama di Dewan ini dan juga bincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan baru-baru ini. Tentang masalah kakitangan dan sebagainya, saya sedia membantu pihak kementerian jika diperlukan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan yang menyediakan peruntukan untuk bantuan kepada perkembangan agama lain selain dari agama Islam. Ini membuktikan Kerajaan Barisan Nasional mengambil berat dan menjaga kepentingan semua golongan rakyat.

Sehubungan dengan ini, saya ingin tahu sama ada di Putrajaya mempunyai kawasan yang diperuntukkan untuk pembinaan tempat-tempat ibadat bagi agama lain. Jika ada, kepada pihak manakah permohonan untuk mendirikan tempat ibadat ini hendak ditunjukkan?

Sekian sahaja perkara-perkara saya ingin bangkitkan dalam perbahasan saya ini dan saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan dan Belanjawan 2000. Terima kasih.

Tuan Lim Eng Kok: *[Bangun]*

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani. Yang Berhormat minta maaf ya, *[Bercakap dengan Yang Berhormat Tuan Lim Eng Kok]* sebab dia telah bercakap dengan saya sekejap tadi *[Ketawa]* tetapi dia slow sedikit bangun.

2.40 ptg.

Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Perlis bagi mewakili negeri Perlis di dalam Dewan yang mulia ini, saya mengambil kira terhadap masalah-masalah, pandangan, harapan dan kehendak-kehendak penduduk setempat khususnya dan Kerajaan Negeri Perlis amnya.

Adalah menjadi matlamat saya dalam ucapan ini untuk mengemukakan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang pendidikan, pertanian, pelancongan, kebudayaan, pembangunan masyarakat, perpaduan dan kepenggunaan. Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan ucapan terima kasih saya kepada Kementerian Pendidikan yang memberi sepenuh perhatian terhadap segala kemudahan yang diperlukan sama ada segi fizikalnya, bangunan baru, bangunan tambahan, sekolah dan juga dari segi mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan pendidikan di Perlis.

Izinkan saya untuk mengemukakan beberapa kekurangan yang harus diatasi oleh Kementerian Pendidikan. Hasil dari pertumbuhan ekonomi yang pesat di negeri Perlis, menyebabkan penduduknya bertambah dengan banyaknya. Yang demikian, bilangan pelajar di sekolah-sekolah menengah kini berjumlah 22 buah semuanya terpaksa mengadakan dua sesi.

Saya akui bahawa bangunan-bangunan tambahan dibina bagi menampung bilangan pelajar yang ramai, tetapi masalah dua sesi tidak dapat diatasi. Ada di antara ibu bapa dan juga guru-guru demi keselesaan dan kesempurnaan pembelajaran anak-anak, mereka merayu supaya beberapa sekolah menengah baru dibina supaya pelajar-pelajar dapat mengikuti pembelajaran di sebelah pagi sahaja dan dapatlah mereka mengadakan aktiviti-aktiviti tambahan yang lain di sebelah petang.

Suatu hakikat yang tidak dapat dinafikan, bahawa keseluruhan pelajar-pelajar di negeri Perlis bolehlah dihitungkan sebagai pelajar-pelajar luar bandar. Latar belakang ibu bapa dan keadaan sekitar amat jauh beza jika dibandingkan dengan pelajar-pelajar di bandar-bandar besar. Sudah barang tentu tugas guru berat kerana terpaksa memberi perhatian secara individu.

Saya mohon pihak kementerian memberi perhatian khusus supaya beberapa sekolah menengah dirancang dan dibina dalam jangka masa yang terdekat, supaya masalah dua sesi dapat dikurangkan seminimum yang boleh dan bilangan pelajar pada sesebuah sekolah tidak terlalu besar seperti yang ada sekarang ini.

Saya mengharap rancangan pendidikan bagi negeri Perlis dipercepatkan supaya anak-anak negeri Perlis tidak ketinggalan terlalu jauh jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini merayu pihak kementerian supaya menambah bilangan sekolah bestari yang hanya dua buah sahaja di Perlis daripada 22 buah sekolah menengah sekarang ini iaitu Sekolah Tuanku Syed Putra dan Sekolah Menengah Derma. Saya berharap sangat supaya kementerian menambahkan sekolah bestari bagi negeri Perlis kepada lima buah. Inilah sahaja peluang kawasan luar bandar seperti di Perlis untuk meningkatkan kecapaian pelajar dalam bidang sains dan teknologi.

Kementerian Pendidikanlah satu-satunya agensi yang boleh membantu kawasan kurang maju dengan membawa teknologi ke kawasan-kawasan luar bandar. Usaha ini akan memberi peluang kepada anak bangsa, sama-sama bangun memasuki alaf baru dengan lebih yakin. Tidaklah dapat dinafikan bahawa pendedahan kepada multimedia dan Internet ini akan membawa bersama-sama kemungkinan unsur-unsur yang tidak baik. Didikan multimedia ini kepada anak-anak bangsa kita, tetapi walau bagaimanapun, kalau sekiranya kita dedahkan lebih awal lagi, maka kita harap tidak berlaku cultural shock, dengan izin, apabila mereka didedahkan dengan media-media itu nanti.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya mohon pertimbangan pihak kementerian ialah supaya suasana persekolahan yang baik dapat diwujudkan kepada semua sekolah khususnya sekolah-sekolah menengah, antara lain yang pertama, pejabat sekolah, bilik-bilik guru, bilik-bilik perpustakaan, bilik makmal, bilik khas diberi perhatian supaya dihawadungkan, supaya suasana kerja dapat berjalan dengan keadaan yang lebih selesa, sama seperti di jabatan-jabatan kerajaan yang lain, yang mendapat kemudahan ini. Saya tidak anggap apa yang saya timbulkan ini sebagai soal remeh, tetapi realiti hidup sekarang hawa dingin adalah merupakan suatu keperluan.

Saya juga pernah mendapat rungutan daripada guru-guru bahawa pelbagai alatan pembelajaran moden amat berkurangan sekali bagi sekolah-sekolah sekarang, khususnya sekolah-sekolah menengah. Alat-alat pembelajaran ini merupakan daya penarik kepada pelajar-pelajar, paling ketara ialah kepada pelajar-pelajar yang tidak mengambil peperiksaan khusus, peruntukan yang diberi dalam bidang ini amat terhad sekali. Sekolah-sekolah di kawasan luar bandar akan ketinggalan jauh jika bantuan khas bagi melengkapkan peralatan moden tidak diberi.

PIBG sekolah luar bandar begitu tidak mampu untuk membantu keperluan sekolah jika dibandingkan dengan kemampuan PIBG sekolah di bandar-bandar yang AJKnya mungkin terdiri daripada orang-orang yang berkemampuan sama ada untuk mendapat sumber kewangan ataupun tajaan.

Tuan Yang diPertua, tidak begitu terlewat jika saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi yang sungguh-sungguh memberangsangkan hati saya dan meyakinkan bahawa beliau akan membawa pelbagai perubahan dalam bidang pertanian khususnya seluruh warga tani dalam usaha memoden dan memartabatkan darjah hidup petani ke suatu tahap yang lebih baik.

Saya menyokong penuh dasar baru kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar bahan makanan yang terbesar di rantau ini. Apa yang penting pada hemat saya, bagaimana caranya kita dapat mengubah sikap, minat dan cara bekerja petani-petani kita ke tahap yang lebih baik, sesuai dengan keadaan masa. Apa yang meragukan saya, Tuan Yang diPertua, bahawa budaya hidup petani kampung tidak menampakkan satu perubahan sikap yang lebih gigih dan lebih dinamik. Perubahan hidup yang berjaya diadakan sedikit sebanyak pada masa sekarang ini adalah suatu yang tidak memberi keyakinan kepada kita, kepada usaha untuk meninggikan taraf petani-petani ini.

Apa yang realitinya sekarang, kalau kita melihat persekitaran kampung mereka masih ada semak samun dan membiarkan pokok-pokok yang tidak mempunyai nilai ekonomi tumbuh dengan suburnya. Galakan dari agensi pertanian supaya menanam sayur, pokok-pokok buah-buahan, menternak dan sebagainya secara moden tidak begitu mendapat sambutan. Jika dasar baru Kementerian Pertanian dapat dikuatkuasakan di kalangan petani-petani kita, kita mengharapkan suatu perubahan drastik dapat dilaksanakan demi memartabatkan kehidupan seharian mereka.

Memodenkan cara petani-petani tradisi bekerja merupakan satu langkah yang tepat bagi merealisasikan hasrat negara. Perdana Menteri dalam ucapannya tiga, empat hari yang lalu antara lain menyebut, mengikut akhbar supaya Malaysia membangunkan sistem ladang bersepadu dan tanaman secara bergilir-gilir. Dengan mengamalkan kedua-dua sistem tersebut, Malaysia berpotensi meningkatkan pengeluaran makanan untuk keperluan tempatan dan juga untuk eksport ke luar negeri.

Saya ingin memetik kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertanian mengenai lawatannya ke negeri Belanda dengan menyatakan bahawa bagaimana petani-petani negeri tersebut yang hanya 100,000 orang mampu menghasilkan pendapatan berjumlah RM950 bilion setahun berbanding dengan petani-petani kita yang berjumlah 1 juta orang hanya dapat menghasilkan nilai produk berjumlah RM25 bilion sahaja.

Hasil daripada tinjauan saya, saya mengambil kesimpulan, di antara banyak sebab kemunduran petani kita, saya ingin menyatakan sekurang-kurangnya dua sebab yang penting yang perlu diberi penekanan yang betul-betul serius. Sebab-sebab yang akan saya kemukakan bukan perkara baru atau idea baru tetapi tindakan yang dilakukan selama ini tidak betul-betul mencapai targetnya. Sebab-sebab yang saya maksudkan ialah petani-petani tidak ada kepakaran yang boleh menghasilkan usahanya secara maksimum.

Keduanya, agensi-agensi yang ada tidak begitu berjaya dalam memasarkan hasil-hasil tani terutama sekali jika satu bidang pertanian dibuat secara besar-besaran. Saya rasa khidmat nasihat daripada mereka yang benar-benar pakar perlu disediakan supaya mereka ini sentiasa bersama-sama dengan para petani dalam menjalankan tugas harian mereka. Bayangkan jika petani-petani dan penternak-penternak kita dapat menjalankan usaha dengan menggunakan ilmu dan pendekatan teknologi terbaru, saya kira perubahan besar akan berlaku di kalangan petani.

Saya menyarankan supaya pihak kementerian melatih sebanyak mungkin pakar-pakar pertanian tempatan untuk memberi khidmat kepakaran kepada petani-petani kita dengan mengenakan bayaran yang serendah-rendahnya.

Sebab-sebab lain ialah pemasaran hasil tani. Ini juga perkara lama yang telah dibincangkan bertahun-tahun lamanya tetapi masih tidak dapat memastikan bahawa hasil pertanian kampung dapat dipasarkan dengan secara sistematik. Tidak sahaja

untuk keperluan domestik tetapi untuk dieksport ke luar negeri. Saya yakin orang kampung sekarang tidaklah semalas orang-orang kampung dahulu, maaf. Mereka juga ingin anak mereka pandai, masuk universiti, mereka juga hendak pakai motokar, sekurang-kurangnya motosikal. Mereka perlu wang. Mereka akan bekerja bersungguh-sungguh sekiranya hasil usaha mereka mendapat pasaran yang baik. Saya berharap dengan adanya dasar-dasar baru dan menteri baru, hasrat Perdana Menteri dalam masa yang tidak begitu lama akan tercapai dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyentuh sedikit tentang bidang kebudayaan dan pelancongan. Aktiviti-aktiviti kebudayaan saya rasa agak lembap khususnya di peringkat-peringkat negeri. Aktiviti budaya tidak begitu mantap jika dibandingkan dengan bidang-bidang lain. Aktiviti budaya tidak kurang pentingnya kepada generasi yang baru walaupun mereka menikmati budaya baru. Adalah menjadi tanggungjawab kita supaya anak-anak di bangku sekolah lagi diserapkan dengan nilai-nilai seni dan nilai-nilai budaya kita yang murni sebagai identiti bangsa kita. Satu cara yang sistematik perlu disusun bagi mendedahkan nilai-nilai budaya sejak mereka di peringkat tadika lagi, peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya ke institusi-institusi yang tinggi.

Tiap-tiap institusi pendidikan saya rasa harus diwajibkan menubuhkan kelab budaya. Guru-guru pakar dalam bidang ini perlu dilatih dan ditempatkan di semua institusi pendidikan. Adalah munasabah pada hemat saya, jika saya cadangkan supaya pihak kementerian menubuhkan suatu jawatankuasa khas mengkaji cadangan ini supaya pelaksanaan benar-benar berkesan. Saya kira bagi mencapai tujuan ini bukanlah satu perkara yang mudah tetapi walau bagaimanapun, kalau sekiranya kita memberi tumpuan yang serius, apa juga perkara tidaklah mustahil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memperkatakan sedikit tentang pelancongan dalam konteks peluang-peluang pelancongan bagi negeri Perlis. Saya mengharapkan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil kira dalam menjadikan negeri Perlis juga sebagai destinasi pelancongan sama ada di peringkat domestik ataupun antarabangsa. Walaupun Perlis tempat kecil tetapi ada juga sedikit sebanyak keistimewaan bagi menarik pelancong domestik dan juga pelancong bertaraf antarabangsa. Melawat Gua Kelam umpamanya, satu daripada dua Gua Kelam yang ada di dunia. Selain daripada itu lagi, Perlis juga mempunyai kemudahan-kemudahan untuk membeli-belah seperti di Padang Besar dan sebagainya

sebab sepanjang yang saya ketahui, saban hari, saban bulan, orang berkunjung ke Padang Besar untuk membeli-belah.

Yang hendak saya suarakan lagi dalam kesempatan ini ialah supaya pihak kementerian memberi peruntukan khas bagi menambahkan destinasi-destinasi pelancongan bagi negeri Perlis. Perlis mempunyai banyak gua batu kapur. Sejarah membuktikan bahawa gua-gua batu kapur di Perlis ini ada penghuninya sejak Zaman Philotic lagi. Saya berterima kasih kepada pihak Muzium Negara kerana akan menubuhkan sebuah Muzium Purba di Marhum Kayang dekat bandar Kuala Perlis. Kuala Perlis juga sebagai sebuah pekan kecil perlu diberi keutamaan kerana pekan kecil ini juga menarik perhatian pelancong ke sana kerana keenakan laksanya, ikan bakarnya dan makanan lautnya. Kesimpulannya, saya berharap pakej pelancongan Langkawi memperuntukkan satu hari untuk melawat ke Perlis.

Saya mengambil peluang ini juga untuk menyebut bahawa Kerajaan Negeri Perlis sedang merancang untuk membina sebuah pekan kecil yang terletak paling Utara bersempadan dengan Wilayah Satun, Selatan Siam. Diharapkan pekan kecil ini akan menjadi tarikan para pelancong domestik dan juga para pelancong antarabangsa sebagai destinasi terakhir sebelum melangkah ke negara Thailand.

Suatu kempen sebra besar-besaran boleh dilakukan kalau sekiranya pekan kecil ini wujud nanti kepada seluruh rakyat Malaysia lawatilah pekan terakhir di utara Malaysia yang lebih terkenal namanya Wangkian. Pekan kecil ini hendaklah dilengkapi dengan pusat membeli-belah, menyediakan masakan ala-Thailand umpamanya dan dilengkapi dengan gerai-gerai beranika cenderamata. Kalaulah rakyat Malaysia yang lebih 20 juta itu digalakkan supaya sampai ke *last point* ini, dengan izin, seumur hidup sekali umpamanya, saya jangka beribu-ribu pelancong akan sampai ke Perlis setiap hari minggu dan sekiranya perkara ini berlaku maka aktiviti ekonomi Perlis akan bertambah baik. Saya berharap Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akur dengan rancangan kerajaan Perlis ini, sokongan padu daripada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan bagi merealisasikan cadangan tersebut demi meningkatkan aktiviti ekonomi negeri Perlis sangat diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kali ini saya lengkapkan pendedahan saya mengenai realiti hidup mereka yang agak terpinggir. Mereka yang saya maksudkan itu ialah sekumpulan kecil mereka yang dikenali sebagai orang-orang kerdil.

Kumpulan ini tidak ramai, saya difahamkan setakat ini mereka ini berjumlah hampir 1,000 orang. Saya dapat tahu mereka telah menubuhkan persatuan mereka demi memperjuangkan nasib mereka. Sebagai termaklum, segi fizikalnya mereka yang kerdil ini berbeza tingginya dari orang biasa tetapi keupayaan mentalnya adalah sama. Mereka mampu berfikir dan dapat menyampaikan buah fikiran yang bernas.

Sebagai sebuah negara yang prihatin terhadap kesejahteraan hidup semua rakyatnya, kumpulan kecil ini perlu diberi perhatian sewajarnya. Kerja-kerja yang sesuai dengan kemampuan fizikal mereka haruslah disediakan agar kehidupan mereka lebih terjamin. Saya syorkan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri-negeri harus membuat bancian terperinci supaya setiap orang kerdil di negara kita ini diberi peluang untuk menikmati hidup yang normal sama seperti orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, beri saya sedikit masa lagi untuk saya sentuh mengenai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin yang berjaya mempamirkan ketokohan dan kewibawaan beliau bagi mengendalikan sebuah kementerian yang mempunyai hubung kait yang rapat dengan masalah kehidupan harian rakyat negeri ini. Saya hanya ingin menyentuh aspek program pendidikan penggunaan. Untuk menjimatkan masa saya hanya menyampaikan harapan agar pihak kementerian yang berkenaan menggunakan sepenuhnya radio dan televisyen untuk mendidik rakyat dalam bidang ini. Program yang bersiri hendaklah diadakan pada masa yang sesuai supaya setiap rakyat dapat mengikutinya. Akta yang berkaitan dengan kepenggunaan seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Sewa Beli, Akta Tribunal Pengguna hendaklah disebar seluas-luasnya melalui persatuan-persatuan pengguna.

Adalah diharapkan supaya pihak Jabatan Hal Ehwal Pengguna Negeri menubuhkan kelab-kelab pengguna di peringkat daerah di taman-taman perumahan melalui sektor-sektor rukun tetangga supaya tiap rakyat memahami hak-hak mereka sebagai pembeli dan pihak peniaga pula memainkan peranan dalam tugas mereka secara yang beretika. Saya berharap rakyat kecil di kampung yang kurang pengetahuan dalam bidang ini tidak dianiayai. Mereka yang tidak mampu untuk bertindak dilindungi oleh undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Saya mohon pertimbangan khas daripada kementerian ini untuk memberi

kemudahan sukan seperti stadium tertutup, padang khas hoki dan lain-lain, prasarana sukan kepada negeri Perlis supaya sesuai sebagai sebuah negeri. Saya dapat tahu pihak kerajaan negeri Perlis sudah lama memohon kemudahan-kemudahan ini tetapi hingga sekarang kemudahan-kemudahan tersebut belum wujud lagi. Saya berharap dalam mewujudkan kemudahan-kemudahan tersebut pihak kementerian tidak mengenakan syarat-syarat yang ketat yang kerajaan negeri tidak mampu memenuhinya.

Suatu yang ketara pada hemat saya, betapa kurangnya program sukan bagi kawasan-kawasan luar bandar. Saya menyokong penuh tentang kegigihan pihak kementerian untuk melatih jaguh-jaguh sukan kita supaya dapat capai taraf antarabangsa tetapi program yang menyeluruh kepada penduduk kampung demi mempertingkatkan bakat-bakat yang ada di kampung khususnya mempertingkatkan darjah kesihatan menerusi kegiatan-kegiatan sukan tidak harus diabaikan. Peruntukan khas yang mencukupi harus diberi kepada jabatan-jabatan belia dan sukan negeri supaya dapat melaksanakan program-program sukan di peringkat daerah dan kampung.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan sebuah rencana yang disiarkan oleh *Utusan Melayu* pada 22 April 2000 yang menyatakan internet tidak dapat menggantikan peranan buku. Saya rasa hujah ini agak ada asasnya. Lima tahun yang lalu Persidangan Agung Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan 23 April sebagai Hari Buku dan Hari Hak Cipta Sedunia. Hari tersebut telah berlalu, empat hari lalu, begitu sepi sekali.

Saya rasa tidak ada aktiviti berkenaan hari tersebut di peringkat kebangsaan, apa lagi di peringkat negeri dan daerah. Mengikut rencana tersebut, kajian yang pernah dibuat pada pertengahan tahun 1980-an, rakyat Malaysia secara purata membaca satu setengah halaman setahun. Kajian 'Profil Membaca Rakyat Malaysia' yang dibuat pada tahun 1996 tidak menampakkan perubahan besar dalam bidang membaca. Tegasnya memang masyarakat Malaysia kurang membaca atau lebih tepat saya sebutkan bahawa membaca belum lagi menjadi satu budaya dalam masyarakat kita.

Hal ini sebenarnya telah disebut oleh Yang Berhormat Puan Jamilah Ibrahim dalam ucapannya yang lepas pada hari Selasa, saya ulangi sebutan hal ini supaya

semua agensi yang berkaitan dengan hal ini supaya mengambil langkah yang sesuai dipertimbangkan untuk dilaksanakan supaya budaya membaca ini dapat kita wujudkan di seluruh masyarakat kita.

Saya berharap 23 April tahun hadapan berbagai-bagai program diadakan seperti mengadakan majlis memperkatakan buku melalui seminar, forum, persidangan dan sebagainya. Apabila tarikh keramat ini muncul, semua perpustakaan termasuk perpustakaan desa mengadakan program-program yang tertentu ke arah menekankan kepada seluruh masyarakat supaya rajin membaca sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian.

Tuan Yang diPertua, sebagai menghargai dan merestui jasa dan sumbangan warga pendidik dan bekas-bekas warga pendidik di seluruh negara, saya kira sudah sampai masanya pihak kerajaan mempertimbangkan supaya sebuah kerusi dalam Dewan yang mulia ini diperuntukkan kepada seorang tokoh bagi mewakili seluruh warga pendidik negeri ini. Sebagai contoh, Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan hebatnya kita dapati memperjuangkan nasib ratus ribuan pekerja-pekerja. Maka sudah sewajarnya pada hemat saya, seorang tokoh pendidik diberi peluang menduduki Dewan ini demi untuk menyuarakan suka duka, pandangan, saranana n, nasihat, teguran dan buah fikiran terhadap masalah pendidikan negara kita ini.

Tuan Yang diPertua, saya tidak menafikan bahawa sebahagian besar daripada Ahli-ahli Dewan memperkatakan isu-isu pendidikan dengan hebatnya, tetapi kita akan lebih beruntung lagi sekiranya pendedahan-pendedahan itu datang dari tokoh yang berkaliiber dalam profesion perguruan. Setengah negara menganggapkan warga pendidik-pendidik ini atau dengan lain perkataan profesion perguruan ini merupakan sebagai novel profession, dengan izin. Ketinggian ilmu yang dicapai oleh seseorang bermula daripada seorang guru. Khabarnya sebagai termaklum, orang-orang Jepun amat menghormati guru.

Jika tidak silap ingatan saya, beberapa tahun lalu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir pernah mengadakan satu majlis di Kuala Lumpur bertujuan meraikan seorang guru yang menjadi idolanya semasa belajar di Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Sebenarnya negara berhutang budi kepada sebahagian besar guru-guru Melayu semasa kita berjuang mencapai kemerdekaan dulu. Satu ketika dulu, pemimpin-pemimpin politik kita pun banyak terdiri daripada guru-guru. Ringkasnya,

jika tidak menyalahi apa-apa peraturan atau ada rasionalnya mengenai saranan saya ini, saya ulangi harapan saya supaya seorang tokoh pendidik sepanjang hayat diberi peluang untuk menduduki Dewan ini.

Saya mengharapkan pihak media akan menyiarkan cadangan saya ini supaya ribuan warga pendidik dan bekas-bekas pendidik yang bertaburan di seluruh negara kita turut merestuinnya. Dengan kata-kata ini, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang undang-undang Perbekalan 2000 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan pada 24.4.2000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Lim.

3.14 ptg.

Tuan Lim Eng Kok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Belanjawan 2000 di Dewan yang mulia ini. Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang kes-kes mengeluarkan wang tanpa izin dengan menggunakan kad ATM yang berlaku di Pulau Pinang. Saya ingin menyeru kepada pihak polis supaya mengambil tindakan yang cepat dan tegas. Walaupun seorang suspect telah ditangkap, saya percaya ini melibatkan satu sindiket yang pandai menggunakan teknologi IT.

Di sini saya ingin menyatakan implikasinya amat besar dan serius kerana ini akan menggugat kepercayaan orang ramai tentang kad ATM. Apatah lagi kita sekarang memasuki era e-dagang di mana semua transaksi boleh dibuat melalui komputer. Adakah cara ini selamat? Saya percaya semua pengguna akan menanya soalan ini sebab e-dagang juga melibatkan IT dan boleh memakai kad kredit.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini tibalah masanya di mana bukan sahaja murid-murid di sekolah dikehendaki mempelajari komputer dan dilengkapi dengan pengetahuan IT tetapi ibu bapa juga harus mempunyai pengetahuan sedemikian supaya tidak ketinggalan zaman. Bagi mereka yang tinggal di bandar, masalah sebegini tidak ketara sebab ramai yang memakai komputer di tempat kerja. Bagaimana pun, di kawasan luar bandar di mana komputer jarang dipakai ketidaktahuan tentang komputer ini amat ketara.

Ada sesetengah ibu bapa menganggap komputer itu untuk bermain game sahaja. Saya bercadang supaya sekolah-sekolah yang mempunyai kelas-kelas komputer ataupun kelab komputer mengadakan kursus bagi ibu bapa sedemikian.

Dengan ini mereka bukan sahaja tahu apa anak-anak mereka belajar, mereka juga mempunyai kesempatan untuk mengawasi penggunaan komputer

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan sebuah sekolah rendah Cina di Gua Musang berbuat demikian sebagai langkah untuk membantu ibu bapa menguasai komputer dengan bayaran yuran yang minimum sahaja. Langkah sedemikian boleh dicontohi oleh kawasan-kawasan luar bandar yang lain dengan menggunakan bahan-bahan, peralatan yang sedia ada. Ini, pada pendapat saya tidak akan membebankan pihak sekolah dan pada masa yang sama guru-guru di sekolah boleh mengenali ibu bapa murid-murid mereka.

Pengetahuan dalam bidang komputer dan kebolehan seseorang melawati laman web di Internet secara tidak langsung mendidik orang ramai tentang dunia di mana antara negara asing makin rapat ataupun borderless, dengan izin. Sesiapa juga boleh berinteraksi melalui e-mel dan laman web dalam Internet juga membolehkan orang ramai memperoleh maklumat di depan komputer sahaja. Ini juga boleh dilihat sebagai satu langkah membantu rakyat buat persediaan menyambut ekonomi di mana pengetahuan dan penggunaan komputer adalah amat penting. Tidak ada gunanya jika kerajaan mengadakan Multimedia Super Corridor dan belanjakan berjuta-juta ringgit jika mind set rakyat Malaysia belum sedia menyambut zaman ekonomi. Segala usaha kerajaan tidak akan dicapai jikalau rakyat semua belum tahu macam mana hendak menggunakan komputer.

Tuan Yang di-Pertua, perbezaan terhadap pencapaian akademik di sekolah bandar dan juga sekolah luar bandar harus diberi perhatian. Saya mencadangkan supaya satu jawatankuasa ditubuh untuk mencari jalan supaya perbezaan itu boleh dikurangkan. Ini boleh ditangani dari segi kelengkapan sekolah, mutu pengajaran guru-guru, peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru dan sebagainya.

Jika murid-murid di kawasan luar bandar ketinggalan dari segi pencapaian akademik, kelas tambahan boleh diadakan selepas waktu sekolah untuk membantu murid-murid. Saya mengalu-alukan sekolah-sekolah untuk mengadakan aktiviti-aktiviti positif dengan melibatkan ibu bapa ibu bapa. Bagi saya inilah salah satu caranya membantu masyarakat menangani masalah gengsterisme di sekolah. Walaupun pihak Kementerian Pendidikan menyatakan gengsterisme di sekolah tidak serius tapi saya berpendapat perhatian serius harus diberi kepada murid-murid, membimbing mereka menuju ke arah yang positif dan jangan mengeluarkan mereka

kepada sebarang aktiviti yang tidak membawa sebarang benefit dalam pembentukan akhlak mereka.

Baru-baru ini juga ada laporan akhbar yang menyiarkan tiga remaja yang mati sebab menghisap glue atau menghisap gam. Berita sedemikian amat menyedihkan sebab nyawa mereka tergadai dengan senang saja pada hal mereka seharusnya masih bersekolah lagi. Cuba bayangkan kesannya jika segolongan remaja kita berkelakuan demikian. Disiplin murid-murid di sekolah amat penting sebagai satu bimbingan kepada mereka. Ibu bapa-ibu bapa juga janganlah asyik berminat dalam mata pencarian dan mementingkan kemewahan hidup sehingga mengabaikan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin membangkit satu surat pekeliling atau circular dengan izin, yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan di mana guru-guru bukan graduate dikehendaki menandatangani satu perakuan bahawa gaji mereka tetap sama selepas tamat kursus mereka di universiti sebelum mereka diberi kebenaran untuk belajar di universiti. Langkah sedemikian amat tidak adil bagi mereka walaupun mempunyai niat untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan mereka. Saya ingin menanya motif kementerian berbuat demikian terhadap guru-guru kelulusan STPM di mana gaji maksimum mereka hanya RM1900. Gaji maksimum seorang guru berkecualan graduate universiti ialah RM3000 lebih. Adakah ini satu langkah untuk menjimatkan wang kerajaan dan menghalang guru-guru menikmati gaji yang lebih tinggi selepas mereka tamat pengajian di universiti. Pada hakikatnya kerajaan sepatutnya bangga kerana guru-guru sanggup melanjutkan pelajaran mereka demi kepentingan mereka dan juga murid-murid di sekolah. Apa salahnya mengadakan guru-guru berkecualan ijazah mengajar di sekolah rendah. Saya berpendapat ini akan memanfaatkan murid-murid sekolah rendah. Kualiti guru ialah antara satu faktor utama yang tidak harus dikompromi oleh pihak kerajaan sebab pendidikan penting untuk masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mencadangkan pada pihak kementerian supaya mendirikan asrama untuk guru-guru terutama di kawasan bandar seperti Johor Bahru, Kuala Lumpur dan juga Pulau Pinang. Kos kehidupan di bandar besar tinggi padahal guru menerima gaji yang sama tanpa mengambil kira di mana mereka mengajar. Bagi guru-guru yang dihantar ke Sabah dan Sarawak pula bantuan seperti allowance untuk tambang kapal terbang harus diadakan. Ini boleh merupakan

satu perangsang untuk menggalak rakyat mengajar. Jikalau tidak masalah kekosongan jawatan guru tidak akan dapat diselesaikan dan mungkin lama ini akan makin serius.

Tuan Yang diPertua, di sini saya juga ingin membangkit isu-isu rancangan tanaman semula getah dan kelapa sawit oleh RISDA. Saya mengalu-alukan peruntukan tambahan RM1 bilion untuk pengagihan modal pinjaman RISDA bagi rancangan tanaman semula getah, kelapa sawit secara berleluasa di seluruh negara oleh Menteri Kewangan. Saya berharap tambahan ini akan diagihkan kepada semua pekebun kecil itu sama ada dia ahli Koperasi Pekebun Kecil Kebangsaan atau tidak. Sejak tahun 1998 RISDA telah memperkenalkan konsep 'pergetahan' di mana matlamat asasnya ialah menggalakkan pekebun-pekebun kecil yang tidak mampu mengusahakan kebun-kebun mereka menyertai program ini secara sukarela dan bukan paksaan. Malangnya dalam pelaksanaannya semua pekebun kecil dipaksa menyertai program ini apabila memohon tanaman semula. Mereka secara sukarela harus menandatangani perjanjian yang memberi kuasa syarikat RISDA Smallholder Plantation Sdn. Bhd iaitu syarikat milik bersama RISDA dan Nascom untuk menguruskan segala hak penanaman hingga penghasilan selama 8 tahun hingga 15 tahun dan tempoh ini boleh dilanjutkan.

Hukuman kepada sesiapa yang gagal menyertai program ini ialah tidak mendapat bantuan penanaman semula. Selepas banyak bantahan Tuan Yang diPertua, RISDA telah memperuntukkan 20% daripada peruntukan bantuan penanaman semula kepada pekebun-pekebun kecil yang ingin menanam semula secara sendiri. Peruntukan 20% ini tidak dapat menyelesaikan masalah kerana masih terdapat ramai pekebun kecil menunggu giliran mereka untuk mendapat bantuan tanaman semula.

Dengan ini saya bercadang RISDA menggunakan tambahan RM1 bilion ini sebaik-baiknya dan seadil-adilnya supaya semua pekebun kecil boleh mendapat bantuan menanam semula. Tuan Yang diPertua, dengan ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Habis dah?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tan Sri Yang diPertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tan Sri Yang di-Pertua, bolehkah saya tanya rakan saya, disebutkan tadi bahawa RISDA telah memaksa kumpulan-kumpulan ini untuk menyertai skim di mana mereka akan mengelolakan semua hal pekebun kecil

ini kalau mereka perlukan bantuan. Saya nak tanya kenapa ini dibuat, adakah sebabnya ialah sama ada pihak agensi ini ingin memastikan atau menjamin bahawa pinjaman itu dibayar balik atau apa sebabnya itu berlaku. Terima kasih.

Tuan Lim Eng Kok: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Sebenarnya RISDA dan Koperasi Pekebun Kecil Kebangsaan. Ia adalah satu agensi kepada Kementerian Pertanian dan ini ada satu polisi kepada kerajaan 'kebangsaan' kita untuk menolong pekebun-pekebun kecil pada masa dia merancang tanaman semula.

Dan ini pada asasnya Kementerian Pertanian ia hanya mengutip cukai hasil pada masa pekebun-pekebun tersebut menjualkan hasil mereka kepada pasaran dan menggunakan kutipan ini untuk mereka menanam semula getah di kebunnya. Kita difahamkan walaupun Koperasi Pekebun Kecil ini ada diuruskan dengan mungkin secara joint venture dengan orang tempatan untuk mengambil pokok-pokok getah atau menebangkan pokok-pokok getah untuk perindustrian kita tetapi ada ramai pekebun-pekebun kecil tidak berhasrat untuk menjualkan pokok-pokoknya ke pihak tertentu. Mereka ingin menanam semula getah atau menguruskan kebunnya sendiri. Itu pasal kita nampak daripada segi teknikal atau dari segi pengurusan, ini ada satu problem antara small holder dan Koperasi Pekebun Kecil itu dan saya ingat ini selesai kalau tabung RM1 bilion tidak ada saya agak kerajaan kita akan menggunakan tabung ini dengan sebaik-baiknya dan seadil-adilnya supaya semua pekebun kecil ini mendapat bantuan menanam semula.

Dengan ini saya menyokong Belanjawan 2000. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri kepada perempuan dahulu..

3.33 ptg.

Puan Hajah Puziah binti Haji Abu Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan kerana mengizinkan saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang dibacakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 24 April 2000, kali yang kedua, di Dewan yang mulia ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi tahniah kepada barisan kerajaan yang telah berjaya membuang negara kita keluar daripada kemelut kegawatan ekonomi yang salah satu telah menjadi bukti kukuh, keupayaan dan kejayaan kita untuk berdiri sendiri khususnya Kementerian Kewangan dalam

merangka Belanjawan Negara pada tahun sebelumnya yang sesuai dengan keadaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan ini pada asalnya telah dibentangkan sebelum ini tetapi disebabkan pembubaran Parlimen tahun lepas ia telah turut juga ditangguhkan. Kita masih ingat lagi di mana pihak pembangkang telah melahirkan kebimbangan bahawa belanjawan tersebut adalah “gula-gula” dan tidak yakin dilaksanakan oleh kerajaan. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dibentengi oleh pemimpin yang memerintah adil, pemimpin yang berjaga malam untuk melindungi agama, pemimpin yang marah apabila hukum Allah dicerobohi, dukacita apabila syiar Islam dirobuhkan, suka apabila keadilan ditegakkan dan tidak senang apabila kezaliman berlaku dan berusaha untuk menghapuskan kejahatan dan berusaha untuk meningkatkan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, keterlibatan para mahasiswa dalam badan bukan kerajaan di luar kampus. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengutarakan perkembangan yang berlaku kepada sebahagian daripada pelajar di pusat pengajian tinggi yang terlibat secara aktif dalam kempen pilihan raya dan aktiviti-aktiviti politik kepartian yang lain. Adalah suatu yang amat mendukacitakan apabila perkara ini, realitinya sudah timbulkan dan diperbincangkan sejak sekian lama. Namun keadaan yang sama tetap berlaku. Situasi ini menunjukkan seolah-olah tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh pihak yang bertanggungjawab seperti yang pernah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat adalah tanggungjawab pihak universiti masing-masing. Namun kita amat terkilan apabila melihat mereka ini yang diberikan kuasa tersebut hanya sekadar memberikan amaran melalui kenyataan-kenyataan akhbar tanpa sebarang tindakan susulan seperti membuat pemantauan dan seterusnya mengambil tindakan sejajar dengan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat sahaja bagaimana dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Sanggang baru-baru ini, betapa ramai para mahasiswa yang secara terang-terang, pernah saya sebutkan dahulu dalam perbincangan Menjunjung Kasih Titah Ucapan Baginda Tuanku yang mana mereka berkempen sebagai perayu undi dan terlibat dalam kempen rumah ke rumah. Apakah ertinya undang-undang tanpa disusuli pelaksanaan dan penguatkuasaan? Mereka yang dipertanggungjawabkan juga harus melaksanakan amanah yang telah diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari akan fenomena ini yang telah berlarutan sekian lama, saya mencadangkan agar tindakan yang lebih proaktif perlu dilaksanakan antaranya sekiranya pihak universiti sendiri tidak mampu melaksanakan tugas ini. Adalah lebih wajar kuasa tersebut diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan sendiri dengan mendapatkan kerjasama dari pihak Polis Diraja Malaysia melalui cawangan-cawangan yang tertentu. Ini adalah kerana kita perlu memastikan perkara ini tidak akan terus berlarutan dan para pelajar kita terus dianggap serta diperalatkan untuk kepentingan pihak tertentu.

Tidakkah kita kasihan kepada mereka, kebanyakan pelajar-pelajar itu adalah dari kalangan keluarga miskin. Biarlah mereka menumpukan masa sepenuhnya terhadap bidang kurikulum selain terlibat aktif dalam aktiviti kokurikulum melalui persatuan yang wujud dalam kampus. Tambahan pula, senario semasa menunjukkan bagaimana politik kepartian telah digunakan oleh pihak tertentu untuk memecah-belahkan perpaduan masyarakat dengan menanamkan sentimen kepartian yang menebal dan sikap fanatik-fanatik terhadap parti.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengelak keadaan yang sama berlaku di pusat ilmu di negara kita yang hanya akan menjejaskan usaha kerajaan untuk menjadikan negara kita sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Lagipun kerajaan jelas tidak pernah menyekat para pelajar untuk berpolitik di dalam kampus secara sah melalui persatuan dan kelab-kelab dan tidak pernah ada kes-kes para pelajar yang telah berdaftar sebagai pemilih dinafikan hak untuk membuang undi. Oleh itu, tuduhan pihak-pihak tertentu mengatakan bahawa kerajaan menyekat kebebasan mahasiswa adalah satu tuduhan yang tidak berasas dan bermotifkan untuk meraih sokongan daripada mahasiswa tetapi mereka yang berkenaan tidak pernah kisah akan kesan negatif terhadap mahasiswa daripada aspek hubungan sesama mahasiswa, sekiranya mereka dibenarkan aktif dalam badan-badan politik siasah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang isu mahasiswa ini, saya juga merasa terpenggil untuk mengutarakan keterlibatan para mahasiswa dalam badan-badan bukan kerajaan di luar kampus. Adalah dimaklumkan oleh pihak Pendaftar Pertubuhan bahawa para mahasiswa tidak dibenarkan menjadi ahli kepada mana-mana NGO di luar kampus melainkan mendapat persetujuan daripada Hal Ehwal Pelajar di setiap universiti bersesuaian dengan peruntukan undang-undang yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti. Selain itu, mereka juga

dilarang untuk memegang sebarang jawatan di dalam mana-mana NGO sekalipun telah mendapat kebenaran untuk menjadi ahli.

Saya bersetuju dengan rasional kerajaan mewujudkan undang-undang berkenaan namun keadaan yang berlaku kini telah menimbulkan ketidakpuasan hati sebahagian besar mahasiswa apabila melihat pihak yang bertanggungjawab seolah-olah membiarkan mereka yang membelakangkan undang-undang terus bebas melakukan tindakan dan aktiviti tanpa diganggu-gugat. Contohnya, ada segelintir mahasiswa yang bersuara mempertikaikan tentang kewujudan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) yang dikatakan berdaftar secara sah dengan pendaftaran pertubuhan. Sedangkan hampir keseluruhan, bukan sahaja ahli-ahlinya malah pemegang jawatan utama dalam badan berkenaan merupakan para mahasiswa yang sedang menuntut di universiti tertentu. Sekiranya mahasiswa yang lain dilarang untuk menubuhkan badan mereka sendiri di luar kampus, bagaimana pula PKPIM boleh dibiarkan untuk bergerak secara aktif malah mendapat peruntukan daripada kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan? Ini merupakan satu ketidakadilan kepada para mahasiswa yang lain yang tidak menganggotai badan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang lebih mengecewakan lagi, saya mendapat maklumat bahawa PKPIM terlibat secara langsung dalam kempen politik di masa Pilihanraya Umum yang lepas khususnya di beberapa buah negeri seperti di Selangor, Perak dan Pulau Pinang. Mereka juga terlibat dalam menyebarkan propaganda politik parti-parti tertentu dalam kampus seperti yang berlaku di Universiti Islam Antarabangsa, apabila didapati secara terang-terangan menggunakan kepala surat rasmi PKPIM sendiri, mereka telah menyiarkan maklumat-maklumat menghentam kerajaan secara khusus di masjid-masjid dan di kawasan sekitar kampus. Perkara ini juga dapat dibuktikan melalui kenyataan akhbar-akhbar, pemimpin PKPIM sendiri dalam akhbar pro pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya minta agar pihak yang bertanggungjawab membuat siasatan tentang perkara ini khususnya kebenaran yang diberikan untuk pendaftaran badan berkenaan sekiranya alasan yang diberikan oleh badan berkenaan telah didaftarkan sebelumnya.

Akta Universiti dan Kolej Universiti diwujudkan oleh..., adalah tidak adil sekiranya terus dibenarkan bergerak secara sah sedangkan mahasiswa-mahasiswa

yang lain dinafikan hak untuk mewujudkan badan mereka sendiri. Dengan ertikata yang lain, sekiranya larangan tersebut ingin diteruskan biarlah ia buat secara keseluruhannya melibatkan semua mahasiswa termasuklah badan-badan

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh minta sedikit laluan tentang perkara yang dibangkitkan tentang penglibatan pelajar dalam demonstrasi dan sebagainya. Tadi ada disentuh tentang Akta Universiti dan Kolej Universiti dan perkara ini pernah dibangkitkan tentang sama ada perlu dikaji semula atau tidak tentang akta ini dan sama ada kesesuaian akta ini pada alaf yang baru ini memandangkan begitu banyak perkembangan dalam semua lapangan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, kalau unsur-unsur semacam ini dimasukkan ke dalam akta, katakan kita memerlukan pada tiap-tiap semester pihak universiti itu mesti menganjurkan beberapa seminar di mana pemimpin-pemimpin daripada parti-parti politik itu dijemput hadir bersama dalam satu forum atau satu seminar dan terdedah mereka kepada pelajar-pelajar di mana diadakan satu debat yang terbuka, satu penukaran fikiran yang terbuka. Sama ada ini boleh mengatasi apa yang dikatakan atau yang dibangkitkan tadi. Ataupun kalau kita membenarkan kelab-kelab politik itu ditubuhkan di universiti. Sama ada ini bersesuaian atau tidak? Terima kasih.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Yang Berhormat ya, saya setuju apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, maknanya kalau kita mengadakan seminar penceramahnyanya mestilah daripada penyokong kerajaan ataupun menteri-menteri kita sendiri.

Izinkan saya teruskan. Dengan erti kata yang lain, sekiranya larangan tersebut ingin diteruskan biarlah ia dibuat secara keseluruhan melibatkan semua mahasiswa termasuklah badan-badan yang telah didaftarkan lebih awal terutama sekali Persatuan Kebangsaan Melayu Islam Malaysia sendiri telah melakukan kegiatan yang bertentangan dengan matlamat penubuhannya dengan menjalankan aktiviti yang mendekati secara langsung dengan parti politik yang menghentam kerajaan di dalam kampus. Kita tidak mahu peruntukan yang diberikan oleh kementerian disalahgunakan dengan menjemput penceramah parti pembangkang untuk membakar semangat pelajar-pelajar. Saya mencadangkan kalau hendak memberikan peruntukan pun hendaklah siasat lebih dahulu supaya peruntukan itu tidak rosak begitu sahaja. Untuk renungan kementerian yang paling menyedihkan ada di kalangan mahasiswa yang prokerajaan dan ingin menubuhkan sebuah NGO tidak pula diluluskan oleh

Pendaftar Pertubuhan. Apa yang menghairankan bagaimana pula PKPIM yang pro kepada KeADILan telah dibenarkan bergerak secara sah dan menjalankan aktiviti yang nyata menentang kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada contoh ataupun ada tanda, ataupun ada pro iaitu Suara Mahasiswa yang mana mahasiswa menolak Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan. Majlis pelajar Malaysia gabungan yang dianggotai oleh lapan anggota ataupun organisasi pelajar seperti yang mereka ataupun yang tertera di bawah ini telah mencapai keputusan sebulat suara pada 20 Oktober 1999 untuk menolak penubuhan Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan yang dicadangkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 16 Oktober 1999 atas faktor-faktor seperti yang di bawah, panjang sangat. Kalau hendak saya boleh fotostat dan saya bagikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada baiknya kalau pelajar-pelajar yang kita harapkan tadi mereka melihat keadaan negara kita yang menghadapi bermacam-macam gejala sosial yang sedang kita hadapi yang mana kita tahu setiap yang membangun dalam Majlis ini semua melahirkan perasaan bimbang dalam masalah remaja. Masalah salah laku di kalangan remaja kini bukan sahaja berunsur anti sosial. Bahkan sudah menjadi masalah besar negara yang memerlukan komitmen semua pihak ke arah membendung dan menghapuskan. Jika ia gagal ditangani dengan berkesan, kumpulan ini cukup berpotensi menjadi penjenayah apabila dewasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenal pasti juga terdapat beberapa aspek tertentu yang mempengaruhi remaja kita terdorong melakukan pelbagai pertubuhan perbuatan anti sosial termasuklah filem ganas, pusat hiburan yang bercirikan maksiat. Harapan saya kepada Menteri Penerangan supaya mengkaji sebelum filem-filem itu ditayangkan kerana kita kkuatiri filem-filem ganas ini boleh mempengaruhi jiwa anak-anak kita yang masih kecil. Maka faktor kemanusiaan pula berkisar kepada keperibadian remaja. Hubungan kekeluargaan yang kering dan renggang, keresahan dan ketidakselesaan berada di rumah yang terlalu kecil yakni banyak dibangkitkan oleh para penceramah dan juga yang mengambil bahagian tetapi berkeluarga besar. Lalu mereka mencari kebebasan dan keselesaan di luar.

Tuan Yang di-Pertua, kajian dibuat oleh pensyarah Jabatan Psikologi UKM, mengikut Pusat Sumber Penyelidikan Wanita Asia Pasifik sebanyak 1.8 juta atau 39% wanita yang berumur 15 tahun didapati didera fizikal mereka oleh suami dan teman

laki-laki. Statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia menunjukkan 40 juta penduduk dunia dijangka menghidap HIV menjelang tahun-tahun kita berada sekarang iaitu tahun 2000. 90% daripadanya berada di negara membangun seperti Malaysia. Pada tahun 1993 hingga 1995 sebanyak RM120 juta telah dibelanjakan untuk merawat penyakit Aids.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peningkatan demi peningkatan pengidap Aids di seluruh negara, saya juga mencadangkan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menambah tali hotline untuk tujuan kaunseling dan khidmat kaunselor bagi menangani masalah-masalah ini daripada terus berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan pula melancarkan program pembentukan personaliti yang baik di kalangan belia termasuk kepimpinan belia, pembangunan kemahiran dan vokasional. Banyak lagi program-program yang diadakan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah sosial yang kian merebak di dalam masyarakat di dalam negara kita. Tetapi setakat mana keberkesannya dan sejauh mana tindakan itu diambil kerana apa yang kita lihat gejala ini lebih meluas. Untuk membina satu masyarakat yang kuat dan tidak dipengaruhi oleh faktor luar kita perlu bekerja sama mengatasi tidak kira fahaman politik dan agama. Apa yang menyedihkan generasi kita telah dipengaruhi oleh budaya yang dipanggil modern trend, dengan izin, atau cara hidup Barat yang memperkecilkan Islam. Syeikh Qilbiq pernah mengatakan, seorang pujangga Mesir [*membaca sepotong hadis*], kebangkitan kejayaan sesuatu umat itu tergantung kepada kebaikan akhlak. Kalau rosak akhlak bangsa itu punahlah bangsa itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir ini juga jenayah elektronik yang dibangkitkan banyak oleh kawan-kawan saya mulai menarik perhatian kita bila beratus ribu wang penyimpanan dalam beberapa buah bank telah dikeluarkan dengan cara haram dengan menggunakan sekeping kad plastik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ketika peralatan canggih sedang digunakan untuk kemudahan manusia, penjenayah yang tahu kelemahan itu berjaya mencuri wang-wang orang ramai dengan kad-kad yang canggih itu dan mereka membuktikan kedapatan masih banyak kelemahan dan kecacatan di sana sini di dalam apa jua alat-alat ciptaan manusia. Saya mohon penjelasan adakah kerajaan akan membayar balik kerugian yang ditanggung oleh penyimpan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah politik negara kita pada hari ini yang mana kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kita dapat menyokong penuh lagi kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad walaupun pihak asing mendakwa Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menuduh orang asing dengan bermacam-macam tuduhan kerana ingin melindungi masalah yang dihadapi oleh PM kita dalam negara. Media asing sentiasa memburukkan imej negara kita, tidak pernah ada berita baik mengenai Malaysia walaupun negara berbilang kaum ini aman, damai, stabil, maju dan lebih pesat daripada negara membangun yang lain. Dasar ekonomi berjaya mengagihkan kekayaan antara kaum tanpa menjejaskan ekonomi negara, tanpa merampas hak orang lain walaupun kegawatan ekonomi tidak menyebabkan rusuhan kaum berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita berjaya menswastakan syarikat dan agensi kerajaan tidak ada sekalipun kejayaan-kejayaan ini diiktiraf jauh sekali daripada komitmen yang positif daripada parti lawan, bahawa serangan ke atas mata wang dan pasaran saham kita tidak kekal merosakkan ekonomi kita. Kita berjaya menguruskan ekonomi kita dengan baik, kita berjaya menguruskan kewangan kita sehingga kita bebas daripada hutang dari luar negara bahawa kita dapat memulihkan ekonomi kita dengan cara kita sendiri juga tidak diakui oleh pihak tertentu. Apakah tindakan kerajaan kepada mereka yang ingin menarik-carikkan segala yang telah kita susun rapi, susun atur demi kepentingan rakyat. Ini semua telah diakui oleh Yang Berhormat sahabat kita Tuan Haji Hassan dan Yang Berhormat juga telah menyarankan supaya dibuat siasatan di kalangan pegawai-pegawai kerajaan dan Yang Berhormat sendiri juga tidak mahu menyebut nama.

Jadi kalau sekiranya perkara itu telah dilepaskan kepada kerajaan maka saya rasa ada baiknya. Sebaliknya mereka cuba menghalang pemulihan ekonomi kita, mereka cuba menggugat kestabilan politik kita dengan sengaja menggalakkan perusuh-perusuh dan menjatuhkan kerajaan dengan keganasan. Dengan itu saya menyokong, terima kasih.

3.52 ptg.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberikan peluang untuk turut serta dalam membahaskan Rang Undang-undang usul Perbekalan 2000.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kerajaan membekukan pengeluaran permit-permit teksi pada tahun 1995, permit-permit teksi hanya diberikan kepada syarikat teksi berdaftar, manakala bagi permit persendirian ianya hanya dikeluarkan kepada pesara tentera dan polis sahaja. Bagaimanapun, keputusan pembekuan permit teksi individu ditarik balik apabila Kementerian Pembangunan Usahawan memutuskan untuk mengeluarkan semula permit-permit teksi kepada orang ramai. Kita difahamkan bahawa sebanyak 300 permit teksi untuk individu akan dikeluarkan iaitu 200 permit di Lembah Pantai dan 100 permit di Johor Bharu. Baru-baru ini kita difahamkan pula oleh Menteri Pembangunan Usahawan bahawa permit teksi hanya akan diberikan kepada golongan pemandu teksi yang menggunakan khidmat pajakan iaitu milik teksi orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cubalah bayangkan betapa perasaan pemandu-pemandu teksi sekiranya selama lapan jam mereka bekerja tetapi tidak ada ganjaran yang diberikan sebaliknya mereka terpaksa membayar pula kepada orang lain. Inilah Tuan Yang di-Pertua, suka duka kehampaan pemandu teksi yang bekerja dengan syarikat apabila kerajaan membekukan permit teksi individu lima tahun yang lalu. Pengenalan sistem itu yang pada mulanya mempunyai tujuan yang baik akhirnya meletakkan kehidupan pemandu teksi ibarat kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Di samping pada hakikatnya mereka bukanlah pemilik mutlak di atas hasil titik peluh mereka setiap hari. Sebaliknya terpaksa pula berkongsi periuk nasi dengan syarikat yang telah diamanahkan oleh kerajaan untuk menguruskan pengoperasian perkhidmatan teksi di negara ini.

Pada 26 Jun 1995 kerajaan telah membekukan permit teksi individu. Senario ini menyebabkan ramai pengusaha teksi khususnya pemandu meraung keperitan, ramai yang memberontak dan mengadakan mogok kerana tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan. Pada mereka, keputusan itu ibarat mencurah pasir ke periuk nasi mereka. Bekerja menerusi syarikat teksi bermakna mereka terikat dengan pelbagai syarat-syarat majikan termasuk soal deposit, sewa bulanan, yuran serta sebagainya mengikut budi bicara majikan sendiri. Kini lima tahun berlalu sudah dan kerajaan telah menarik semula keputusan yang dibuat dahulu. Tindakan menyerahkan nasib pemandu teksi kepada majikan rupanya tidak membantu meningkatkan profesion serta kebajikan mereka.

Sebaliknya kajian mendapati ramai pemandu teksi bekerja dalam keadaan tertekan serta tidak mendapat hak sebagai pekerja di negara ini. Oleh itu, pengumuman Menteri Pembangunan Usahawan, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz adalah satu berita yang menggembirakan dan ianya sememangnya sudah lama diperjuangkan oleh pemandu-pemandu teksi. Walaupun masih ada kesamaran mengenai nasib pemandu teksi yang sedang bekerja di bawah naungan syarikat tetapi pengumuman menteri itu sekurang-kurangnya membuktikan bahawa kerajaan amat prihatin dengan masalah yang melanda pemandu-pemandu teksi terutamanya di Lembah Klang.

Cubalah bayangkan sekiranya pemandu teksi berada di bawah peraturan sekarang, di mana mereka harus mengikuti segala syarat yang diberikan majikan betapa mereka akan terus dibelenggu dik tekanan perasaan. Oleh kerana tidak ada keselarasan dan ketetapan sewa bulanan bagi setiap teksi mengikut perkiraan syarikat teksi berkenaan, mereka sudah banyak berkorban dengan semangat yang kuat dan kesabaran yang tinggi. Mereka terpaksa bekerja sekurang-kurangnya 15 jam sehari demi memperolehi pendapatan yang tidak kurang daripada RM120 sehari demi menampung perbelanjaan mereka seharian. Apa tidaknya, mereka terpaksa membayar sewa lebih kurang RM46 sehari, manakala petrol di antara RM50 hingga RM60 sehari dan kos penyelenggaraan pula memerlukan lebih kurang RM20 sehari.

Justeru, mereka perlu memastikan pendapatan sekurang-kurangnya RM120 sehari diperolehi terlebih dahulu yang mana RM120 ini tidak termasuk wang saku untuk membiayai keluarga. Angka-angka ini adalah berdasarkan satu kajian yang dibuat di Lembah Klang. Dari segi kebajikan pula Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa sama ada majikan mahupun persatuan teksi telah tidak mempedulikan nasib mereka. Pada mereka, perkara-perkara ini tidak termaktub di dalam syarat-syarat sewaan teksi. Apa yang lebih mengecewakan kebanyakan pemandu teksi ialah mereka walaupun sebagai pekerja telah tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya. Inilah nasib pemandu-pemandu teksi.

Kalau Jabatan Buruh menetapkan semua tenaga buruh di negara ini berhak mendapat potongan KWSP, cuti dan kemudahan-kemudahan lain tetapi di kalangan pemandu teksi semuanya ini tidak wujud walaupun mempunyai majikan mereka tidak mendapat cuti, sebaliknya terpaksa bekerja setiap hari dalam seminggu kerana sewa teksi harus dibayar setiap hari tanpa pengecualian. Biarpun pemandu berkenaan sakit,

hanya pada hari-hari perayaan sahaja ia mungkin dikecualikan. Itu pun tidak kesemua majikan ini memberikannya dan ia adalah berdasarkan budi bicara majikan masing-masing semata-mata.

Walau bagaimanapun, perlu diakui melalui pengurusan syarikat memang tidak dinafikan perkhidmatan teksi kini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan perkhidmatan sebelum ini. Dengan penyelarasan pemakaian seragam serta konsep pemandu berhemah sekurang-kurangnya dapat mengurangkan masalah kerajaan berkaitan berdisiplin buruk pemandu teksi sebelum ini tentunya pada khidmat kerajaan dengan cara ini pengawasan terhadap pemandu teksi mungkin akan lebih sistematik dan mudah. Bagaimanapun, sehingga tempoh ini kerajaan tidak boleh menafikan sistem ini turut menjejaskan periuk nasi pemandu teksi yang jelas hidup mereka tidak terbela seperti yang diharapkan.

Ekoran dari itu, wujud pula masalah monopoli dan penindasan di kalangan syarikat-syarikat teksi. Kita dapati ramai yang tidak berpuas hati apabila ada pihak yang merebut peluang memohon permit untuk menjadi tauke syarikat teksi. Mungkin kerajaan sudah meneliti semula keputusan yang dibuat lima tahun lalu. Ramai di antara pemandu teksi yang sedang menanti janji-janji pemimpin ketika pilihan raya yang lalu. Ada janji yang masih belum ditunaikan yang antaranya ialah membela nasib mereka, memberi cuti, memberi potongan KWSP dan hak-hak yang sepatutnya diperolehi sebagai pekerja. Di dapati sejak September tahun lalu, Lembaga Pelesenan Kenderaan.....

Tuan Zainal bin Rampak: Yang Berhormat, beri laluan kepada saya. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh merasa bangga kerana Yang Berhormat bercakap atas isu pemandu teksi dan nasib mereka dan inilah yang selalu saya perkatakan pada masa-masa yang lepas. Jika sekiranya sistem ini hendak ditukar, saya ingat barangkali perundangan itu harus ditukar. Sebenarnya pemandu teksi ini tidak diiktiraf atau ditakrifkan sebagai pekerja kerana ianya berasaskan kepada sistem pajak yang ada.

Jadi, kalau boleh Yang Berhormat mencadangkan saya juga menyokong supaya sistem pajak ini dihapuskan di mana diwujudkan istilah bekerja di mana-mana

juga pemandu teksi bekerja dengan syarikat mana-mana, ianya harus dibayar gaji seperti mana sistem yang ada di luar negeri, Tuan Yang di-Pertua, satu sistem pembayaran gaji dan satu sistem yang insentif yang lain.

Jadi, kedua-duanya diwujudkan dalam satu kontrak yang harus ditangani di antara pekerja, pemandu teksi dan juga tuan punya teksi. Jadi, dengan ini bila wujudnya perkataan 'pekerja' dalam kontrak tersebut, maka pekerja tersebut diwajibkan mencarum KWSP di mana majikan harus membayar sumbangan mereka dan pekerja membuat sumbangan mereka dan ini akan dapat menjamin masa depan mereka termasuk juga PERKESO itu sendiri.

Kita tahu kemalangan jalan raya pembawa teksi dan sebagainya terutama on-call teksi Tuan Yang di-Pertua, saya tengok kadang-kadang malam dia lari kerana hendak mengejar penumpang apabila dipanggil, dia lari macam.. orang cakap macam pelesit sebab bukan mereka hendak lari tetapi mengejar pendapatan sebenarnya dengan menjaga untung nasib mereka.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya memang bersetuju sekali jika sekiranya sistem yang ada ditukar sama sekali dengan satu sistem yang lebih baik sistem yang menjaga kepentingan pekerja. Inilah dengan sistem yang kita cadangkan ini Tuan Yang di-Pertua, ini akan dapat menjamin nasib pemandu-pemandu teksi, mereka tidak lagi dijamin dan saya juga bersetuju dan mengucapkan tahniah kepada Menteri Pembangunan Usahawan Dato' Seri Mohamed Nazri yang telah pun menggubal semula dasar ini tidak lagi diberi kepada orang perseorangan.

Sebenarnya dasar masa lepas Tuan Yang di-Pertua, dia beri kepada orang yang sudah kaya dan mempunyai syarikat berpuluh-puluh teksi. Sebenarnya mereka bukan pemandu, kadangkala kita tengok nama orang itu dia tidak memandu, tidak pernah bawa, dia bawa mercedes besar [*Ketawa*] bukan pemandu teksi.

Jadi, konsep ini harus ditukar dan diubah supaya memastikan rakyat jelata yang memerlukan pendapatan, yang memerlukan pekerjaan membawa teksi dan dengan ini mereka akan dapat menyokong kita bila mereka dapat permit secara sendirian, mereka tidak lagi bercerita mencerca kerajaan dengan penumpang-penumpang yang naik dalam teksi.

Hari ini kita tengok, hari ini kita tahu Tuan Yang di-Pertua, banyak pemandu teksi secara tidak langsung mengkritik kerajaan sebab hendak meluahkan perasaan

mereka, kata Yang Berhormat tadi memang betul janji-janji yang kita buat, kita harus kotakan janji ini, kita beri mereka permit secara direct, beri mereka dengan tidak secara langsung faedah untuk menikmati hidup dalam negara kita. Menikmati segala kemewahan yang ada di negara kita dan kita bangga dengan keadaan ini dan kita harus memastikan mereka juga mendapat faedah tersebut.

Saya amat bersetuju sekali saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat, saya menyokong penuh kalau cakap its not only penuh tetapi 101% dengan izin, saya menyokong cadangan tersebut dan kita mengusulkan supaya Menteri yang berkenaan membuat perubahan, setelah dasar ini dibuat ianya harus diteruskan dan tidak harus diubah.

Saya cuma hendak beritahu Yang Berhormat juga Tuan Yang di-Pertua, bahawa perubahan ini berlaku apabila tukar Menteri, apabila tukar Menteri perubahan berlaku, apabila tukar Menteri dasar diubah, kenapa tidak satu sistem dasar yang berterusan yang perlu kita baiki ialah kenderaan awam, perkhidmatan awam, berkhidmat untuk negara. Itu yang lebih penting, kalau ini dapat dipastikan saya yakin rakyat jelata negara ini berpuas hati dengan kepimpinan negara, kerajaan dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun sokong 102% di atas cadangan Yang Berhormat tadi. Memanglah setuju bahawa sistem pajakan ini seberapa boleh dihapuskan dan biarlah sistem kalau adapun sistem yang diberikan kepada syarikat-syarikat biarlah ia merupakan sistem pekerjaan antara pekerja dan majikan dan lebih baik lagi sekiranya permit itu dapat diberikan kepada pemandu-pemandu teksi itu sendiri kerana ini boleh dijadikan profesion mereka dalam mencari rezeki.

Tuan Yang di-Pertua, didapati sejak September tahun lalu Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah diarah membuat kajian untuk menyeragamkan semua syarat yang dikenakan oleh para pengusaha teksi bagi menjaga kebajikan pemandu-pemandu teksi. Penyeragaman itu melibatkan semua syarikat teksi iaitu meliputi syarikat-syarikat yang telah lama dan baru beroperasi. Antara elemen penyeragaman itu termasuklah melibatkan soal cuti, kadar sewa, potongan KWSP, insurans dan deposit yang selama ini berbeza antara satu dengan syarikat yang lain.

LPKP diminta mengkaji penyeragaman itu dalam tempoh dua minggu dan mengambil asas syarat yang dibuat oleh Kumpulan Lapan iaitu gabungan lapan buah syarikat berwibawa yang beroperasi di Lembah Klang dan pihak syarikat juga diminta mengikuti syarat tersebut demi kepentingan pemandu. Dengan penyeragaman syarat yang dikenakan ia diharap dapat membantu menjaga kebajikan para pemandu di samping menjalankan kerja dengan lebih selesa tanpa sebarang tekanan.

Namun Tuan Yang di-Pertua, walaupun telah diarah oleh Kementerian namun sehingga kini usaha-usaha ke arah itu masih lagi menjadi bualan hangat dan tanda tanya di kalangan pemandu teksi. Kalangan pemandu masih lagi menagih janji-janji yang ditaburkan kepada mereka, mereka masih menunggu walaupun sehingga kini pihak yang bertanggungjawab masih membisu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kementerian Pembangunan Usahawan mengambil tanggungjawab untuk memberikan pembelaan yang sewajarnya kepada pemandu-pemandu teksi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masih ingat suatu nama iaitu Ahud Tenabon ketika itu baru berusia baru 14 tahun, apabila dia dikatakan berjaya mencerooboh beratus-ratus sistem komputer Kerajaan Amerika Syarikat beberapa tahun lalu. Anak Israel ini mendapat pujian bekas Perdana Menteri Benjamin Netanyahu kerana kepintarannya itu dan mungkin kerana perbuatannya turut memalukan Amerika yang dianggap cukup ampuh sistem pertahanannya. Kisah budak-budak sekolah menggodam sistem komputer dan terlibat dengan jenayah cyber sudah kerap didengar terutama di luar negara termasuk di Singapura dan Amerika. Setiap tahun Biro Penyiasatan Persekutuan atau FBI menahan beberapa pelajar yang mencerooboh sistem Pentagon malah beberapa universiti ternama di Amerika turut dijadikan sarang oleh Hacker yang terdiri daripada pelajar-pelajar universiti.

Jenayah teknologi ini dilakukan dengan pelbagai cara dan tentunya berbahaya jika penjenayah mampu menembusi sistem, mereka tentunya boleh melakukan pelbagai jenayah lain seperti menukar maklumat tanpa kebenaran, membunuh, mengugut, mengintip, cetak rompak, penipuan kad kredit dan sebagainya.

Di negara ini pelajar-pelajar yang mempunyai otak cyber semakin bertambah, pertambahan ini berikutan galakan kerajaan kepada rakyat supaya menjadi celik komputer dan kini ramai para pelajar dan anak-anak muda kita secara drastik sedang belajar komputer di rumah-rumah, di sekolah, di institut pengajian tinggi dan di

tempat-tempat tertentu seperti cyber cafe yang kini tumbuh bagaikan cendawan di bandar-bandar besar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentunya tujuan mewujudkan cyber cafe ini di antara lain untuk mencari keuntungan di samping menyediakan kemudahan-kemudahan Internet untuk melatih dan mempertingkatkan kemahiran penggunaan komputer tetapi apa yang berlaku sejak akhir-akhir ini penyalahgunaan cyber cafe oleh pengusaha-pengusahanya semakin membimbangkan kita. Selain apa yang didedahkan oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai tempat melayari Internet itu juga dikatakan tempat mereka melepak, ramai pengusaha dikatakan semakin berani tidak mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Ada di antara mereka sengaja melanjutkan operasi hingga awal subuh, mereka juga dikatakan tidak mengambil tindakan terhadap remaja yang membawa masuk minuman keras dan menghisap rokok di cafe itu. Pengusaha juga tidak mengambil peduli perbuatan sesetengah remaja yang menjadikan cafe itu sebagai tempat bertemu dan bercumbu. Perbuatan mereka melayari halaman lucah pula tidak ditegah pengusaha yang lebih mementingkan keuntungan komersial dengan jaminan pendapatan yang amat baik, pengusaha semakin terdorong menyogokkan pelbagai lagi bahan permainan Internet bercirikan kekejaman, judi dan lucah.

Menyedari permainan ini tidak akan hilang peminatnya, operator pusat itu berusaha melambakkan lagi bahan permainan Internet tanpa memikirkan kesan negatifnya. Pendedahan polis yang menyatakan terdapat cyber cafe-cyber cafe ada menyediakan kemudahan untuk orang ramai berjudi haruslah dipandang serius oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, tahun lalu sahaja polis telah mengesan sebanyak 21 cyber cafe yang menjalankan kegiatan perjudian di ibu kota. Kita akur antara gejala yang mudah memudaratkan anak remaja ialah pendedahan kepada kejahatan dan di antara penyebab yang merosakkan moral ialah bahan hiburan berunsur perjudian, lucah, sex, jenayah dan keganasan.

Sebenarnya kawalan yang longgar oleh ibu bapa juga dan pihak berkuasa, mempercepatkan lagi wabak ini menular di kalangan belia kita. Sememangnya anak-anak muda kita itu dalam peringkat mencapai kedewasaan mudah terlekat dalam benak fikiran mereka, apa yang dilihat sehingga menimbulkan keinginan tinggi untuk

mencuba dan ini diburukkan pula dengan percampuran tidak terkawal dan pengaruh rakan yang tidak bermoral.

Melihat kepada perkembangan pesat teknologi multi media, permainan video terutama yang berasaskan perisian dan cakera padat serta Internet semakin mendapat sambutan remaja kita di cyber café. Apatah lagi hiburan dalam bentuk ini masih lagi dianggap murah dan mudah didapati tanpa pengawalan yang ketat.

Tuan Yang diPertua, sehubungan dengan itu, pihak berkuasa perlulah lebih tegas lagi dalam tindakan mereka dan jika perlu, hukuman membuang daerah terhadap pengusaha-pengusaha terbabit haruslah dikenakan. Program-program permainan seperti ini amatlah membahayakan kepada remaja. Walaupun kita mengakui adanya serbuan di cyber café kebelakangan ini oleh pihak berkuasa, namun kebiasaannya tindakan ini tenggelam timbul. Ianya tidak konsisten. Hari ini diserbu, pada keesokan harinya mereka masih berani beroperasi seperti biasa.

Persoalannya, mengapakah pengusaha cyber dafé ini seolah-olah sudah lali dengan serbuan polis. Barangkali denda yang dikenakan masih mampu dibayar mereka kerana keuntungan yang didapati adalah lebih lumayan lagi. Mungkinkah kerana ada pihak-pihak tertentu yang akan menyelamatkan pengusaha-pengusaha ini apabila tindakan diambil terhadap mereka.

Justeru itu, amat sukar untuk menghapuskan sepenuhnya gejala buruk ini. Bagi kita, ia bukan sahaja mengganggu minda masyarakat terutama di kalangan remaja, malah ia memeningkan kepala ibu bapa yang terpaksa mengeluarkan perbelanjaan melayani karenah mereka. Sesungguhnya generasi yang bermoral tinggi adalah lebih mahal nilainya daripada keuntungan besar yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha cyber café itu. Lantaran itu kelonggaran dan tolak ansur yang berpanjangan tidak lagi boleh dilayani kepada mereka yang terbabit.

Selain dari pengusaha-pengusaha, mereka yang berjudi di situ perlu juga dihukum. Kita tidak menafikan bahawa sebenarnya terdapat banyak manfaat yang dapat diperolehi oleh para remaja yang melayari Internet di cyber café. Namun pengusaha-pengusaha harus mempunyai sikap yang lebih bertanggungjawab. Kepada pengusaha-pengusaha ini kita minta supaya mereka berfikir dengan lebih mendalam lagi, andai kata remaja-remaja yang terbabit itu adalah anak-anak mereka sendiri. Jika remaja dan belia kita terus leka membuang masa dengan kesukaan yang sia-sia seperti berjudi atau menonton bahan lucah untuk menjamu kepuasan nafsu di premis-

premis tersebut, bangsa kita tidak akan pergi jauh walaupun mereka dibajai dengan persediaan yang cukup rapi untuk menjadi manusia yang baik, mereka tidak akan dapat menyambut petunjuk kebaikan bagi menentukan hala tuju bangsa jika kita sendiri yang menghulurkan keburukan.

Tuan Yang di-Pertua, kita turut merasakan bahawa gejala-gejala yang berlaku di cyber café ini juga adalah lantaran pihak berkuasa tempatan di seluruh negara diberikan kebebasan menggunakan budi bicara masing-masing di dalam meluluskan dan mengawal operasi pusat tersebut. Sehingga kini, belum ada lagi peraturan yang seragam yang disediakan oleh Kerajaan Pusat kepada pihak berkuasa tempatan di negeri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan masih belum dapat menyediakan garis panduan seragam mengawal selia operasi cyber café mungkin kerana tiada pengalaman yang dalam berhubung dengan selok belok teknologi maklumat IT.

Kita melihat kuasa penuh pihak berkuasa tempatan itu telah menimbulkan banyak lagi masalah. Pada hemat saya, ini adalah disebabkan kebanyakan pihak berkuasa tempatan tidak berupaya membuat peraturan mereka sendiri mungkin lantaran sebahagian besar dari ahli-ahli majlis tempatan juga mungkin kurang arif dalam selok belok undang-undang cyber. Selaras dengan agenda pembangunan IT negara, langkah mengawal dan menggubal peraturan cyber café mestilah dibuat di peringkat Pusat bagi memastikan ia dapat diseragamkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memikir dan mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata masyarakat kini dikatakan tidak begitu yakin dengan kewibawaan pasukan Polis Diraja Malaysia. Hasil hasutan dan cerita reka yang dibuat oleh parti-parti pembangkang.

Oleh yang demikian, di dalam kita mengembalikan keyakinan rakyat kepada pasukan Polis Diraja Malaysia, pelbagai usaha haruslah dibuat untuk mendekati rakyat dengan pihak Polis Diraja Malaysia. Walaupun pihak PDRM telah muncul dengan slogan baru mereka, yakni 'Mesra Rakyat' namun usaha-usaha lain juga haruslah dilakukan untuk menghapuskan tanggapan negatif masyarakat terhadap pasukan ini.

Namun kita harus berterima kasih kepada pasukan polis yang telah berjaya mengekalkan keamanan negara kita, walaupun suatu ketika baru-baru ini, negara kita telah cuba diporak-perandakan, namun alhamdulillah, dengan kebijaksanaan dan profesionalisme pihak polis sendiri, maka perkara-perkara yang tidak diinginkan dapat dihalang dan negara terus mengecap nikmat kedamaian dan keamanan.

Dalam pada itu, terdapat juga anggota-anggota polis yang kini termakan hasutan pembangkang. Bagi memulihkan keadaan ini, adalah dicadangkan agar satu penerangan diadakan kepada seluruh kakitangan polis tanpa mengira pangkat dan kedudukan oleh pihak kerajaan.

Sekiranya terdapat pertanyaan-pertanyaan yang bertentangan dan luahan isi hati mereka, ia harus diselesaikan atau dijawab secara bijak dan dengan penuh keyakinan agar keadaan akan pulih seperti sedia kala.

Di samping itu juga, adalah dicadangkan agar seluruh anggota polis tidak kira unit PGA, FRU mahupun polis biasa, menerima elaun-elaun perkhidmatan secara sama rata tanpa mengira unit kerana tugas mereka semua adalah untuk menjaga keselamatan rakyat dan negara.

Buat masa ini, Unit Pasukan Gerakan Am (PGA) menerima elaun lebih kurang RM160 sebulan dan pasukan FRU menerima elaun lebih kurang RM120 sebulan, manakala pasukan polis biasa tidak menerima elaun yang sama, sedangkan mereka juga terdedah kepada pelbagai kemungkinan bahaya yang boleh menjejaskan keselamatan dan nyawa mereka.

Tuan Yang diPertua, sejak kebelakangan ini, kita dapati ramai di kalangan pegawai kerajaan yang dikatakan tidak menyokong kerajaan. Perkara ini adalah amat serius kerana pegawai-pegawai ini adalah mereka yang akan melaksanakan dasar dan polisi kerajaan. Mereka ini adalah bertanggungjawab untuk mengimplementasikan segala arahan-arahan kerajaan.

Sekiranya pemikiran mereka dipesongkan dan disesatkan oleh fitnah dan dakyah-dakyah palsu parti-parti pembangkang, kita bimbang mereka boleh mensabotaj dasar-dasar kerajaan dan rakyat bawahanlah yang akan menderita dan akan menjadi mangsa. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan oleh pihak kerajaan, mahupun pihak kerajaan tidak boleh terus berkonfrantasi dengan mereka.

Justeru itu, kerajaan haruslah mencari satu jalan dan pendekatan bagi mendekati dan mendampingi pegawai-pegawai ini. Kerajaan haruslah berusaha untuk

membawa mereka ke landasan kebenaran semula. Kerajaan harus memungghah seluruh tenaganya dalam mengatasi masalah ini, ibarat menarik rambut di dalam tepung, rambut jangan putus dan tepung jangan berselerak.

Pegawai-pegawai kerajaan ini merupakan aset negara dan agen utama kerajaan. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar satu majlis dialog secara menyeluruh dapat diadakan disemua jabatan dan meliputi semua peringkat pegawai-pegawai kerajaan dan tidaklah sekadar terhad kepada ketua-ketua jabatan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam majlis tersebut, peserta-peserta harus diberi peluang untuk meluahkan isi hati mereka di dalam kita hendak membersihkan pemikiran mereka yang telah diselewengkan oleh parti pembangkang. Mereka haruslah diberikan peluang dan kebebasan untuk meluahkan apa sahaja yang terbelenggu di hati dan pemikiran mereka. Perbincangan haruslah diadakan dari hati ke hati dan pegawai-pegawai ini harus merasa yakin bahawa tidak akan ada sebarang tindakan yang akan diambil terhadap mereka di dalam keikhlasan mereka mengeluarkan pandangan-pandangan hatta memberi kritikan yang membina di dalam majlis dialog tersebut. Majlis dialog tersebut hendaklah diadakan di semua jabatan kerajaan sehingga di peringkat negeri dan daerah-daerah. Dan sekiranya mampu dilakukan, biarlah keseluruhan mereka yang berkhidmat dengan kerajaan dapat ditemui dan kegundahan mereka dapat diubah.

Saya juga ingin mencadangkan mungkin kerana tugas-tugas ini amatlah berat dan sudah tentu tidak termampu oleh pihak menteri untuk melaksanakannya, maka majlis dialog ini juga hendaklah dianggotai oleh jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang terdiri daripada wakil-wakil rakyat dan mungkin juga cantuman daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang terpilih dan mereka ini diberikan fakta-fakta yang mencukupi demi membolehkan penerangan yang jelas dapat disampaikan dan diterima oleh pegawai-pegawai kerajaan. Sekiranya perlu, mungkin perjumpaan dengan sesuatu jabatan itu diadakan dua atau tiga kali sehingga masalah ini benar-benar selesai.

Tuan Yang di-Pertua, adalah juga dicadangkan di dalam majlis dialog tersebut rasanya tidak perlu bagi ketua-ketua jabatan untuk hadir sama kerana kita mahu memberi ruang sepenuhnya kepada anak-anak buahnya, melainkan ketua-ketua jabatan itu sendiri yang perlu dibersihkan pemikirannya. Dalam majlis tersebut juga rasanya tidak perlulah kita meminta nama dan jabatan mereka yang berkenaan kerana

kita bukan hendak mengambil tindakan terhadap mereka tetapi adalah to clear their minds from negative thinking towards the government, dengan izin. Kita mahu bermuzakarah dan bermuhasabah diri bersama-sama dengan mereka dan adalah penting mereka ini diberi kebebasan yang mutlak dengan tidak merasa takut dan gentar untuk meluahkan isi hati mereka dalam majlis-majlis perbincangan tersebut.

Tuan Yang diPertua, dalam membicarakan soal pekerja asing pula, kita juga ingin mencadangkan agar pihak Jabatan Imigresen Malaysia melanjutkan tempoh kontrak pembantu rumah daripada dua tahun kepada lima tahun. Ini akan dapat menambahkan lagi kemesraan pembantu-pembantu rumah dengan anak-anak majikannya, apatah lagi kiranya anak itu sedang membesar. Selain daripada itu, dengan lanjutan tempoh tersebut, maka majikan akan mendapat perkhidmatan pembantu rumah yang berpatutan dan berpadanan dengan kadar bayaran yang dibuat kepada ejen memandangkan bayaran tersebut adalah agak tinggi yang mana kini telah meningkat lebih daripada RM4,000 bagi seorang pembantu rumah termasuk bayaran royalti. Sekiranya permit dipanjangkan kepada 5 tahun, maka ini tidak akan membebankan pihak majikan.

Seperkara lagi, pihak Imigresen haruslah membenarkan setiap majikan mendapatkan sekurang-kurangnya dua orang pembantu rumah mengikut keperluan majikan tersebut memandangkan kadangkala dengan seorang pembantu rumah sahaja tidak dapat memenuhi tugas-tugas keperluan di dalam rumah. Agak membebankan kalau hanya seorang pembantu rumah yang terpaksa melakukan semua kerja yang banyak yang antaranya memasak, menghidang makanan dan membasuh pinggan mangkuk serta periuk belanga, mengasuh anak-anak, mengemas rumah, mencuci pakaian dan kadangkala menyiram pokok dan membersihkan halaman rumah serta lain-lain kerja lagi.

Oleh yang demikian, dengan penambahan seorang lagi pembantu rumah, maka kerja-kerja tersebut dapatlah dilakukan dengan sempurna tanpa tekanan di pihak pembantu rumah. Manakala bagi majikan yang berpendapatan RM6,000 hingga ke RM10,000 sebulan, haruslah dibenarkan mempunyai dua hingga tiga orang pembantu rumah berdasarkan kemampuan dan keperluan majikan tersebut, manakala bagi majikan yang memperolehi pendapatan lebih daripada RM10,000 sebulan saya kira mereka ini mampu menggajikan empat hingga lima orang pembantu rumah kerana

kadangkala mereka juga terpaksa menjaga ibu bapa majikan mereka yang sudah tua dan uzur yang perlu diberi perhatian oleh majikan tersebut.

Selain daripada itu, dengan tempoh perkhidmatan yang singkat iaitu dua tahun, pembantu rumah sudah tentu tidak sempat untuk menghimpun wang yang banyak untuk membantu keluarga mereka yang mana kita semua ketahui bahawa mereka ini sanggup berdagang dan merantau meninggalkan suami dan anak-anak, meninggalkan ibu bapa dan keluarga, justeru untuk mencari makan di samping untuk mencari wang bagi membantu keluarga mereka. Bila mana tempoh ini dilanjutkan kepada lima tahun sudah tentu akan membolehkan mereka menabung, seterusnya membiayai dan membantu keluarga mereka.

Seperti mana yang kita sedia maklum, gaji pembantu rumah hanyalah sekadar sekitar RM350 sebulan, bila mana dengan tempoh yang singkat, maka akan kurangnya tabungannya. Oleh itu apabila tempohnya ditambah kepada lima tahun, maka dapatlah mereka menabung dengan lebih, seterusnya dapat membantu keluarga mereka di seberang.

Dari segi pengaliran wang ke luar negara, ini sesungguhnya tidak menjejaskan kerana sekiranya datang pembantu rumah yang baru, mereka juga akan terus menghantarkan wang kepada keluarga mereka di seberang.

Seperkara lagi yang ingin saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, lazimnya pihak ejen akan memotong gaji mereka selama 4 bulan pertama sebagai bayaran pendahuluan, kononnya, kepada ejen. Pihak ejen ini selalunya berselindung di sebalik pendahuluan yang kononnya diberikan kepada pembantu rumah. Pada bulan kelima barulah pembantu rumah akan menikmati gaji atau upah mereka. Perkara ini haruslah diawasi agar pihak ejen tidak mengaut keuntungan yang berlebihan terhadap perkhidmatan pembantu rumah yang disediakan oleh mereka. Saya juga ingin menyatakan bahawa bila mana pembantu rumah ini mengasuh anak-anak kecil dan bila mana anak ini sudah bermesra dengan pembantu rumah tersebut, tiba-tiba pembantu rumah ini terpaksa pulang ke tanah airnya lantaran perमितnya sudah tamat tempoh, maka psikologi anak tersebut akan terganggu dan memakan masa bagi anak tersebut untuk bermesra pula dengan pembantu rumah yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah saya ingin menyarankan kepada Lembaga Tabung Haji agar mutawif-mutawifnya di Mekah biarlah terdiri daripada orang-orang Malaysia dan bukannya orang-orang Indonesia

ataupun Pattani, Thailand bagi memudahkan jemaah kita untuk mengerjakan ibadah haji tanpa sebarang masalah yang mungkin timbul. Kuota yang terhad yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi boleh menyebabkan orang yang hendak pergi mengerjakan haji lebih daripada sekali tidak kecapaian. Mungkinkah Lembaga Tabung Haji boleh menggunakan tenaga mereka yang telah pernah pergi ke Mekah sebagai mutawif-mutawifnya. Manakala bagi mereka yang rajin pergi mengerjakan umrah pula, mungkinkah Lembaga Tabung Haji boleh memberikan kontrak sementara kepada mereka yang sudah berpengalaman ini untuk menjadi mutawif kepada jemaah-jemaah yang ingin mengerjakan umrah.

Saya juga ingin menyentuh di sini mengenai tambang penerbangan MAS bagi menunaikan fardu haji dan umrah yang saya kira adalah terlalu tinggi berbanding dengan tambang perjalanan ke destinasi-destinasi lain yang memakan masa penerbangan yang lebih panjang, namun tambangnya jauh lebih murah. Malah, layanan yang diberikan di dalam kapal terbang juga terdapat perbezaannya dengan penerbangan ke destinasi lain terutamanya di dalam Business Class, dengan izin, adalah lebih kurang sama dengan Kelas Ekonomi. Begitu juga makanan yang disajikan adalah lebih kurang sama juga, malahan layanan dan kemudahan yang diberikan hatta di dalam Kelas Pertama sekalipun adalah berbeza dengan penerbangan ke destinasi-destinasi lain, ini saya sendiri telah melihatnya. Oleh yang demikian, kita menyarankan kepada pihak MAS dan Kementerian Pengangkutan agar dapat mengkaji dan menimbang semula tambang perjalanan tersebut di samping memastikan layanan dan makanan yang disajikan adalah bermutu dan bersesuaian dengan kelas yang dipilih oleh pengguna-pengguna kemudahan awam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai disiplin yang harus dipelihara di peringkat institusi pengajian tinggi swasta. Apa yang membimbangkan kita adalah pihak IPTS gagal untuk mengawal dan memupuk disiplin di kalangan pelajar-pelajar mereka. Ini adalah disebabkan mereka bimbang pelajar-pelajar akan meninggalkan institusi mereka dan mereka juga bimbang akan kehilangan pendapatan mereka sekiranya mereka menekankan aspek disiplin yang kuat di pusat-pusat pengajian mereka. Ada ketikanya guru-guru di institusi pengajian tinggi swasta terpaksa menunggu pelajar-pelajar mereka sehingga jam 10.00 pagi untuk memulakan kuliah, sedangkan waktu mula kuliah adalah jam 8.00 pagi. Oleh yang demikian, pihak Kementerian Pendidikan haruslah sentiasa memantau dan

memastikan perkara sebegini agar tidak berulang lagi demi meningkatkan mutu pendidikan kita. Kita tidak mahu banyak IPTS muncul tetapi mutunya rendah dan tiada kualiti. Saya menyeru pihak berkaitan agar perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu masalah disiplin di IPTS ini tidak terkawal. Ia bukan sahaja menimbulkan kehilangan keyakinan masyarakat terhadap mutu pendidikan, malah ia sendiri tidak akan memberi keselesaan kepada pelajar-pelajar itu sendiri.

Selain daripada itu, saya juga berharap agar pemberian komputer ke sekolah-sekolah di luar bandar haruslah ditingkatkan lagi di dalam kita menuju ke era IT. Kita juga ingin menyarankan agar penggunaan komputer di tadika-tadika terutamanya di tadika-tadika KEMAS juga patut disediakan. Biarlah anak-anak kecil ini berjinak-jinak dengan komputer dan ini boleh menambahkan lagi minat mereka terhadap penggunaan komputer selaras dengan saranan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang celik komputer.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap agar masalah bekalan tenaga elektrik ke sekolah-sekolah harus diselesaikan dengan seberapa segera yang boleh. Kerajaan harus menetapkan suatu target. Katakan dalam tempoh dua atau tiga tahun ini semua sekolah akan dapat dibekalkan dengan tenaga elektrik. Tidak kiralah sama ada dengan menggunakan generator-generator ataupun tenaga elektrik secara langsung demi membolehkan komputer-komputer dapat digunakan di sekolah-sekolah luar bandar dan juga pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkann kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar pegawai-pegawai KEMAS dapat diserapkan ke dalam perkhidmatan berpencen. Buat masa ini mereka adalah berkhidmat secara kontrak dan masa depan mereka adalah tidak terjamin. Kita juga sedia maklumi bahawa pegawai-pegawai KEMAS bekerja kuat membantu kita dan sekiranya mereka dapat diserapkan ke dalm perkhidmatan berpencen, saya yakin ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan mereka. Di samping itu adalah diharapkan agar cadangan tersebut akan menjamin kehidupan mereka di masa akan datang. Dengan skim pencen ini adalah juga diharapkan dapat membolehkan pegawai-pegawai KEMAS ini menikmati pelbagai kemudahan seperti kakitangan kerajaan yang lain juga.

Tuan Yang di-Pertua, peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai KEMAS yang bertanggungjawab di dalam memajukan masyarakat selama ini amatlah penting dan tidak perlu diragui lagi. Dengan penyerapan mereka ke skim pencen itu nanti, sudah tentu memberikan mereka satu lembaran baru dan juga merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan terhadap peranan mereka selama ini.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Zainal bin Rampak minta laluan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh tertarik hati di atas isu perkara pegawai, kakitangan KEMAS diserapkan sebagai pegawai yang berpencen. Saya kira saya juga ingin menyatakan bahawa jika sekiranya kita membuat kajian daripada apa yang saya lihat dan apa yang saya telah diberitahu bukan sahaja pegawai-pegawai KEMAS ini diletakkan di bawah contract system tetapi banyak lagi kakitangan-kakitangan awam yang diletakkan di dalam sistem kontrak. Termasuk juga bukan sahaja di pejabat-pejabat kerajaan tetapi yang anehnya saya diberitahu di mahkamah-mahkamah juga terdapat pegawai-pegawai kerajaan yang diletakkan di bawah satu *contract system*, dengan izin. Dan kadangkala mereka ini bekerja...., kalau sekarang kerajaan mengistiharkan dua Sabtu *holiday*, mereka tidak ada gaji. Mereka akan hilang dua Sabtu gaji. Kemudian kalau masa mereka bekerja dan juga jangka begitu panjang, kadangkala ada kedapatan setengah-setengah pegawai ini bekerja hingga 18, 20 tahun masih lagi kontrak, yang diperbaharui setiap masa.

Jadi, inilah beberapa kerenah, beberapa perkara yang kita selalu dengar bukan sahaja isu Skim Saraan Baru (SSB) yang menjadi permasalahan pada kakitangan awam. Saya hendak meluahkan ini oleh kerana saya sendiri dapat *feed back* daripada mereka. Bergaul dengan mereka dan mereka ada jumpa saya dan sebagainya dan salah satu daripadanya *contract system* ini. Yang wujud dalam negara kita. Jadi, masa depan mereka tidak ada. Mereka bukan pegawai pencen, tidak pula mendapat KWSP.

Jadi, dengan hal yang demikian mereka selalu menyatakan perasaan tidak puas hati kepada kerajaan. Ini salah satu dari isu yang dibangkitkan oleh mereka dan ini selalu diceritakan di khalayak ramai, di kedai kopi, di warung, di mana boleh mereka cerita untuk meluahkan perasaan.

Saya kira ini sudah menjadi tabiat manusia, kita mesti mengakui ini. Dan inilah kelemahan-kelemahan yang ada dan inilah perkara-perkara yang selalu dapat kita dengar dan harus diperbaiki demi memastikan kakitangan awam seperti mana kata Yang Berhormat tadi, mereka inilah yang akan melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh kerajaan, yang diputuskan oleh Kabinet, yang diputuskan oleh negara bagi mereka untuk melaksanakannya.

Jika sekiranya mereka ini mempunyai masalah, mereka tidak puas hati dengan sistem terutama sekali soal, bukan sistem, soal kerja mereka, masa depan mereka, jangkaannya...., kalau sekiranya dua Sabtu, mereka ingin juga bercuti dua Sabtu dalam sebulan, menikmati cuti yang sedemikian tetapi mereka mengharapkan cuti tersebut bergaji. Tetapi, oleh kerana mereka bekerja sebagai *contract system* mereka tidak ada gaji. Dan ini akan mengurangkan pendapatan mereka, dengan tidak secara langsung.

Saya sendiri selalu mencadangkan sebenarnya negara ini harus memperkenalkan empat Sabtu cuti terus dalam sebulan bagi membolehkan mereka, kakitangan awam dan kakitangan swasta menikmati cuti yang panjang bagi membolehkan mereka buat *refresh*, bila balik kerja hari Isnin, pembaharuan dalam pemikiran mereka. Satu *energetic* yang baru, dengan izin, mereka bekerja lebih kuat, produktiviti lebih tinggi untuk mempertingkatkan kerja mereka, produktiviti mereka. Tetapi kalau saya tengok kerja kontrak ini, saya kira barangkali sesuatu harus kita buat, Tuan Yang diPertua.

Kita harus lakukan mulai sekarang. Kalau boleh kita kaji Jabatan Perkhidmatan Awam, Yang Berhormat Dato' Aziz pun ada di sini, kita minta Jabatan Perkhidmatan Awam, jangan hanya Jabatan Perkhidmatan Awam ini hendak menjaga mereka yang bekerja sepenuh masa tetapi harus memberi pandangan kepada kerajaan, apa patut dilakukan kepada kakitangan awam yang diletakkan di bawah sistem yang tidak berpencen, sistem kontrak ini. Buat cadangan kepada kerajaan, boleh kita kaji dan kita perbaiki sistem yang tidak baik bagi memastikan pekerja kerajaan, kakitangan awam mempunyai kesejahteraan.

Dengan tidak secara langsung ia akan menyokong kerajaan dan dianya akan merupakan suara rakyat, suara kerajaan untuk menyampaikan kepada rakyat jelata. Kenapa kita tidak lakukan ini semua? Terima kasih, Tuan Yang diPertua.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Sekali lagi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat kerana pandangan-pandangan yang baik itu patut diberi sokongan.

Memanglah Tuan Yang di-Pertua, mereka ini yang saya sebutkan pegawai-pegawai KEMAS tadi telah pun berkhidmat dan telah membuktikan kesetiaan mereka, mereka telah berkorban tidak mengira waktu, bekerja dan sebagainya dan saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Zainal tadi bahawa kakitangan-kakitangan awam yang dibawah kontrak haruslah diserapkan juga ke dalam skim pencen.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian terhadap satu laporan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang menyebut kebanyakan buah-buahan dan sayuran import mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Walaupun laporan ini adalah disifatkan oleh sesetengah pihak sebagai kurang bertanggungjawab, namun saya kira beberapa kementerian berkaitan terutamanya Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu membuat penyiasatan bukan sekadar untuk meredakan kerunsingan malah bagi meyakinkan para pengguna di negara ini bahawa makanan yang dipasarkan adalah selamat dimakan.

Ekoran dari itu Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Datuk Chua Jui Meng pernah memberi jaminan kepada pengguna di negara ini bahawa semua bahan makanan di pasaran termasuklah buah-buahan dan sayuran import adalah selamat di makan dan tidak mengandungi bahan berbahaya melebihi paras yang dibenarkan oleh Persatuan Makanan 1985. Jaminan ini dibuat bukan sekadar sedap mulut sahaja akan tetapi adalah berdasarkan analisis makmal yang dijalankan secara berterusan dari masa ke semasa membabitkan makmal kementerian itu serta kementerian lain yang berkaitan.

Tahun lalu sahaja, kata Yang Berhormat Menteri Kesihatan lebih daripada 32 ribu sampel makanan termasuk makanan import disaring dan dianalisis dalam usaha memastikan makanan yang dipasarkan kepada pengguna itu selamat dimakan. Malah dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lalu, telah sekian banyak sampel sayuran dan buah-buahan segar telah dianalisis. Dari sekian banyak jumlah hanya dua sampel membabitkan buah-buahan segar iaitu oren dan longan dari Thailand kerana mengandungi bahan pengawet *sulfur dioxide*. Bagaimanapun, tidak cukup

dengan laporan dalam akhbar *Utusan Konsumer* yang hanya dibuat secara am tanpa bukti kukuh buah-buahan itu diimport ke Malaysia. CAP mempersoalkan keberkesanan sistem saringan dan analisis makmal yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya, walaupun cadangan CAP itu tidak menyatakan secara khusus bahawa buah-buahan import itu dijual di negara ini tetapi saya ingin tegaskan bahawa kerajaan perlu memandang serius perkara ini berikutan import makanan termasuk buah-buahan yang semakin meningkat. Walaupun saya akur dengan beban yang dihadapi oleh kerajaan untuk menyaring dan menganalisis semua bahan makanan yang dipasarkan di negara ini. Saya berharap ia tidak seharusnya dijadikan alasan bagi kerajaan untuk tidak menganalisisnya dengan secara terperinci.

Kita ingin mengetahui bagaimana saringan dan analisis dijalankan dan berapa kerap serta pada peringkat mana analisis patut dipersoalkan kerana kita juga khuatir dengan cara pemprosesan dan pembungkusan buah-buahan import seperti epal oleh pengeluar terbesar Amerika Syarikat yang banyak menggunakan bahan kimia toksid dalam usaha memastikan buah-buahan itu dapat tahan lama. Saya kira kita juga patut mempersoalkan tahap yang selamat dimakan dengan dibenarkan oleh undang-undang.

Namun apa yang dibenarkan oleh undang-undang sekalipun, contohnya paras tertentu bahan kimia terkadang tidak bermakna bahawa ianya selamat untuk pengguna. Jangan lupa bahawa bahan berbahaya ini yang banyak digunakan pada buah-buahan import akan tetap terkandung dalam makanan dan memasuki sistem badan serta menyebabkan masalah kesihatan dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang membabitkan pengguna, walaupun CAP sering dikaitkan dengan kenyataan kontroversi sehingga menyebabkan pengguna seolah-olah tiada bahan makanan yang boleh dimakan, namun saya berharap kerajaan akan dapat bersikap terbuka dengan dakwaan seumpama itu. Bersikap terbuka ini bukan sekadar menerima laporan itu tanpa tindakan susulan tetapi pemeriksaan dan siasatan harus dijalankan apabila menerima sebarang dakwaan walaupun ia seringkali gagal disertakan bersama bukti kukuh.

Kementerian berkenaan khususnya Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian harus bersikap proaktif. Begitu juga dengan Kementerian Perdagangan

Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Pertindihan bidang-bidang kuasa tidak harus menjadi halangan dalam memastikan keselamatan makanan tidak harus berlaku sikap lepas tangan atau tuding-menuding antara kementerian terbabit. Dalam isu ini, Menteri Kesihatan dalam sidang akhbar berkata, “Keselamatan bahan makanan akan terjamin pada peringkat pengguna jika ia dipastikan selamat pada peringkat pengeluaran yang mana bidang kuasa ini terletak di bawah Kementerian Pertanian. Manakala kementeriannya hanya bertanggungjawab apabila sesuatu bahan itu menjadi makanan”.

Seharusnya kerjasama perlu dipertingkatkan dalam menangani isu seumpama ini. Walaupun setiap kementerian ada tugas masing-masing dan akta atau peraturan tertentu dalam menegakkan undang-undang serta menjamin kepentingan rakyat, sikap tuding-menuding tidak harus berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya pembentukan satu jawatankuasa yang dianggotai oleh semua kementerian yang terbabit dan pembahagian tugas mengikut kepakaran mungkin dapat membantu menyelesaikan masalah seperti ini dengan lebih berkesan lagi. Hakikatnya, dalam isu yang berkepentingan pengguna, kerajaan juga harus berfikir sebagai pengguna. Penafian semata-mata tanpa bukti kukuh serta jaminan berterusan bahawa sesuatu bahan makanan itu selamat tidak akan dapat menyelesaikan sesuatu perkara.

Dalam konteks ini, mungkin cara pemikiran Menteri Pertanian, Yang Berhormat Datuk Effendi Norwawi boleh dicontohi dalam menangani isu ini. Beliau bersikap terbuka dengan dakwaan CAP dan menerima laporan saintifik dengan laporan akhbar itu. Malah beliau menasihatkan pengguna supaya mengelak dari memakan buah-buahan import dan beralih kepada buah-buahan tempatan sehingga kajian membuktikan bahawa makanan import ini selamat dimakan. Pada masa yang sama, ada baiknya kerajaan mengkaji untuk menggalakkan pertanian secara organik yang bebas bahan kimia selaras dengan matlamat kerajaan menggiatkan semua sektor pertanian di negara ini serta memberi insentif tambahan kepada petani yang menyahut seruan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat disimpulkan menerusi perbahasan ini ialah bahawa isu keselamatan makanan perlu ditangani secara bersama dan sepakat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh pula cadangan untuk menubuhkan rangkaian baru oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM). Menerusi

RTM3, khusus untuk memfokuskan siaran yang bercorak keagamaan dilihat sebagai satu perkembangan yang positif. Malah jika rancangan tersebut berjaya dilaksanakan, RTM merupakan pelopor kepada kewujudan rancangan yang bercorak sedemikian.

Namun persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana RTM mampu menarik sebilangan besar penonton untuk menukar siaran TV mereka dari beralih ke siaran baru tersebut. Dikhuatirkan nanti, RTM3 turut menerima nasib yang sama sebagaimana nasib TV1 dan TV2, apabila kebanyakan penonton memilih stesen televisyen swasta seperti TV3 dan NTV7 sebagai pilihan saluran televisyen mereka. Apatah lagi masyarakat Malaysia kini berpeluang untuk memiliki rangkaian Astro dan Mega TV sebagai alternatif kepada rangkaian-rangkaian yang sedia ada.

Matlamat Kementerian Penerangan untuk menyalurkan rancangan khusus yang bercorak keagamaan serta menyampaikan lebih banyak maklumat mengenai prinsip-prinsip agama Islam sememangnya merupakan inisiatif yang positif. Lebih-lebih lagi kegawatan politik yang berlaku sejak kebelakangan ini telah menimbulkan kekeliruan khususnya apabila membabitkan soal hukum-hakam dalam Islam. Bagi pihak Kementerian Penerangan, langkah mewujudkan rangkaian RTM ini mungkin langkah terbaik bagi memperjelaskan kekaburan yang menyelubungi masyarakat.

Namun, apakah rangkaian baru itu benar-benar mampu untuk mencapai matlamat tersebut atau ia akan sekadar menjadi tontonan apabila kebanyakan saluran televisyen tidak mempunyai rancangan yang menarik. Jika rancangan keagamaan hanya merujuk kepada bacaan Al-Quran, ceramah agama, forum, siaran langsung sembahyang Jumaat, musabaqah membaca Al-Quran, nasyid dan seumpamanya, maka boleh diandaikan yang menonton rancangan TV berkenaan hanyalah penonton yang beragama Islam. Dari golongan tersebut, mungkin 20% sahaja yang cenderung memilih rangkaian tersebut.

Tetapi jika rancangan bercorak keagamaan meliputi semua jenis rancangan termasuk rancangan-rancangan yang berbentuk hiburan yang mengandungi nilai murni sejagat, maka tentulah implikasinya akan lebih menarik. Justeru bagi memastikan cadangan penubuhan RTM3 berjaya dan mendapat tempat di kalangan penonton, maka RTM perlu mengenali khalayaknya, bahkan menjalankan penyelidikan yang jujur untuk mengetahui siapa, mengapa dan apa yang diinginkan oleh khalayak rancangan agama.

Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mengenai rancangan Jejak Rasul yang diterbitkan oleh TV3 adalah merupakan satu rancangan yang cukup berkesan dan wajar dicontohi oleh semua stesen TV terutamanya RTM. Namun jika rangkaian baru TV ditubuhkan semata-mata bertujuan untuk menjelaskan isu fitnah dan fatwa menyeleweng, maka pihak kementerian yang mencadangkannya itu perlu memikirkan semula penggunaan wang ringgit yang ingin dilaburkan ke stesen berkenaan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: *[Bangun]*

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, hendak bagi laluan?

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat kerana memberi saya laluan. Saya tertarik hati apabila mendengar Yang Berhormat menyebut filem tayangan Jejak Rasul dan adakah Yang Berhormat bersetuju supaya filem ini ditayangkan juga di waktu yang lain, jangan sahaja di waktu bulan Ramadhan kerana bagi kami di Sarawak, baru kita tengah melihat filem ini, kita terpaksa pergi ke surau kerana hendak sembahyang Isyak dan Tarawih. Jadi, terpaksa tertinggallah program ini. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju supaya rancangan seperti ini diadakan di waktu yang lain supaya orang-orang Islam yang pergi sembahyang Tarawih dapat juga menonton filem ini dengan selesa.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan apa yang telah Yang Berhormat sebutkan tadi berhubung dengan IPTS. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa pemantauan ke atas IPTS ini adalah perlu supaya ianya akan dapat berjalan dengan baik sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan.

Tetapi adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya sekiranya kerajaan melalui agensi-agensi yang tertentu membantu sesetengah daripada IPTS ini terutama sekali IPTS bumiputera kerana dalam mengadakan IPTS ini bukan sahaja kandungan kurikulum pengajaran itu sahaja yang terlibat tetapi juga dari segi kos untuk menyelenggarakan IPTS ini dan terdapat di kalangan IPTS bumiputera, perbelanjaan ini menjadi masalah dan juga terlibat pemasaran. Adakah Yang Berhormat setuju supaya pihak tertentu dari pihak kerajaan dapat membantu dalam perkara ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dengan Jejak Rasul ditayangkan di bulan-bulan lain, saya juga bersetuju sepenuhnya, apatah lagi sekiranya di Sarawak menghadapi masalah sedemikian.

Berhubung dengan IPTS, saya lebih berpendapat bahawa biarlah satu IPTS diwujudkan melalui cara lain kerana adalah tidak adil sekiranya bumiputera yang cuba menjalankan perniagaan, kemudian apabila dia menghadapi masalah, kemudian kita terus balik kepada kerajaan. Apa jadi dengan IPTS-IPTS yang diusahakan oleh orang lain juga akan mahu berbuat demikian. Maka akhirnya IPTS ini akan menjadi IPTA.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tidak. Maksud saya Yang Berhormat ialah supaya pihak kerajaan ataupun agensi-agensi yang tertentu dapat meninjau kelemahan IPTS-IPTS bumiputera ini dan seterusnya memberi pandangan dan cadangan bagaimana IPTS ini harus diteruskan, sama ada ianya ditutup, sama ada ianya digabungkan ataupun bantuan cara lain dapat diberi.

Dato' Haji Ahmad bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau itulah pandangannya, memang saya setuju, maka itu yang saya minta tadi agar Kementerian Pendidikan memantau IPTS-IPTS ini dari beberapa segi dan kiranya didapati khususnya kepada IPTS bumiputera, kelemahan-kelemahan yang ada adalah wajar bagi pihak kementerian untuk membantu mereka. Saya amat bersetuju dalam perkara ini.

Datuk Yang di-Pertua, pada hemat saya adakah media arus perdana sudah cukup banyak untuk memberi penjelasan. Apakah masih perlu lagi satu stesen TV khas untuk menjelaskan isu-isu tersebut? Jika ini sahaja yang difikirkan, ini bermakna pihak penggubal dasar tidak mengenali khalayaknya. Apa pun tujuan penubuhan RTM3 walaupun masih di atas kertas, ia seharusnya memikirkan soal kepentingan masyarakat Islam bahkan penubuhan itu perlu mengambil kira segenap aspek bagi memastikan rangkaian baru itu tidak sekadar melepas batuk di tangga.

Datuk Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai persaingan sihat dari segi mendapatkan iklan yang menyebabkan mutu setiap sitcom perlu tinggi dan menarik untuk meraih minat penonton. Namun persoalannya timbul mengenai sitcom yang disiarkan oleh RTM seperti *Kelas Malam*, *Hello*, *Tiara Point* di TV1 dan *Life's A Pitch* dan *One to Some* di TV2. Jika tayangan selama 30 minit siri *Kopitiam* di TV3 mampu menarik 11 kemasukan iklan, *That's 70 Show* di ntv7

dengan sepuluh iklan sebagai contohnya, namun sitcom yang disiarkan di RTM langsung tidak mempunyai penaja iklan.

Justeru itu atas dasar apakah sitcom disiarkan RTM? Kebanyakan sitcom itu bukan sahaja tidak menarik perhatian syarikat iklan tetapi juga penonton kerana siri sitcom yang tidak mempunyai isi yang bermutu dan disiarkan semata-mata untuk memenuhi slot program RTM. Dari sini jelaslah persaingan sihat yang diwujudkan oleh ntv7 dan TV3 menimbulkan kepentingan terhadap fungsi RTM itu sendiri. Adakah selamanya RTM harus menjadi pemerhati, atau perlu juga turut memasuki gelanggang persaingan bersama-sama ntv7 dan TV3? Kini sudah tiba masanya untuk RTM memikirkan semula hala tuju dalam penyiaran, bukan sahaja sitcom tetapi program-program lain yang bermutu tinggi dan penyiarannya bukan disiarkan sekadar tangkap muat sahaja.

Pada hemat saya adalah lebih baik waktu siaran RTM yang diisi dengan program yang tidak bermutu seperti sitcom *Kelas Malam* dan lain-lain digantikan dengan program yang lebih berfaedah atau lebih baik dipendekkan waktu siaran RTM jika tiada program yang baik untuk disiarkan. Ini memandangkan RTM alaf baru masih kekal dengan imej era 70-an dan ketika negara muncul dengan Koridor Raya Multimedia (MSC), RTM seharusnya menukar imejnya. RTM mungkin masih ditonton oleh sebilangan penduduk kampung yang mempunyai pilihan terhadap TV3 satu-satunya stesen swasta percuma yang boleh didapati diseluruh negara.

Namun tidakkah kita bimbang dengan kewujudan jurang yang semakin ketara di antara mereka dan penduduk bandar yang berkemampuan menikmati siaran televisyen menerusi stesen televisyen interaktif seperti Astro dan sebagainya. Malah jurang di antara para penonton bandar dan kampung dijangka semakin jauh berikutan muncul pula sebuah lagi televisyen interaktif yang nantinya bakal bersaing dengan Mega TV yang bakal beroperasi pada pertengahan tahun ini. Stesen ini digerakkan oleh Network Guidance Sdn. Bhd, anak syarikat Euro Fine Malaysia Sdn. Bhd yang mana menawarkan perkhidmatan multimedia on demand, satu konsep baru hiburan di rumah yang bakal beroperasi menerusi kabel optik fiber dan sehingga kini mempunyai lapan saluran.

Datuk Yang diPertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pastinya kemunculan Fine TV ini secara tidak langsung menyebabkan fungsi RTM sebagai saluran televisyen untuk tontonan masyarakat semakin mengecil pengaruhnya. RTM

nampaknya tidak boleh kekal dengan sebegitu lagi tetapi memerlukan satu suntikan untuk membawanya ke suatu era pembaharuan dan kemungkinan ini timbul, adakah RTM perlu diswastakan untuk mengubah imejnya yang tidak pernah berubah.

Saya ingin menggesa Kementerian Penerangan memikirkan atau mengambil langkah-langkah yang perlu. Datuk Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum Akta Cakera Padat Optik yang akan dikuatkuasakan Julai ini pastinya dijangka memberi lebih kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memerangi kegiatan cetak rompak. Akta itu juga memberi kuasa undang-undang kepada kementerian untuk bertindak terhadap pengeluar dan pengilang cakera padat yang bersabit dengan kegiatan itu. Sebelum ini tindakan lebih tegas tidak boleh diambil terhadap pengeluar dan pengilang kerana kita tidak ada mempunyai peruntukan berkenaan. Akta Hak Cipta hanya membolehkan tindakan terhadap individu yang terlibat dalam kegiatan cetak rompak dan bukannya kepada pengeluar dan pengilang dan tentunya akta baru ini juga akan memberi lebih kuasa kepada pegawai penguatkuasa untuk bertindak dengan lebih tegas.

Selain itu, akta ini juga akan mengukuhkan peruntukan sedia ada dengan mengenakan hukuman penjara dan denda yang lebih tinggi menerusi kuasa yang diperolehi daripada akta itu, saya yakin kementerian dapat membanteras kegiatan cetak rompak bukan sahaja pada peringkat akar umbi tetapi termasuk mengawal penghasilan cakera padat.

Seperti mana yang kita sedia maklumi, gejala menjual cakera padat, video, VCD cetak rompak yang berleluasa di seluruh negara sekarang sudah cukup membuktikan kepincangan bertindak walaupun ia dilakukan secara terbuka di beberapa tempat. Apa yang lebih mengaibkan adalah kegagalan para pegawai penguatkuasa tidak mengambil sebarang tindakan terhadap peniaga VCD cetak rompak di Jalan Petaling dan Chow Kit. Kini terdapat di hampir setiap kawasan perumahan khususnya dijual di pasar malam dan yang terbaharu bahan cetak rompak ini juga terdapat dengan mudah dijual di kompleks-kompleks membeli belah di seluruh negara. Kedai-kedai berkenaan turut menjual VCD lucah kepada sesiapa yang berminat termasuk pelajar-pelajar tanpa rasa takut.

Datuk Yang di-Pertua, saya hairan kenapa mereka begitu berani. Kegagalan kementerian terbabit mengambil tindakan tegas menjejaskan syarikat rakaman serta penganjur filem tempatan dan asing sehingga memaksa mereka gulung tikar.

Sebagai makluman Datuk Yang di-Pertua, kebanyakan syarikat rakaman kini mengurangkan jumlah artis di bawah maungan mereka. Mengikut perangkaan semasa, lebih 90% pasaran VCD tempatan kini dikuasai produk cetak rompak sehingga memaksa dua syarikat pengedar video antarabangsa iaitu Buena Vista Disney dan CIC Paramount Universal and MGM menutup pejabat mereka di Malaysia. Industri muzik dan filem terjejas teruk ketika zaman kegawatan antara tahun 1998 dan 1999 dan masa depan ini tidak begitu cerah jika kegiatan cetak rompak terus berleluasa. Pada tahun 1999, anggota industri rakaman Malaysia RIM mencatatkan pendapatan sekitar RM250 juta dengan menyediakan peluang pekerjaan kepada 2000 orang. Industri sampingan seperti studio rakaman, penerbitan, percetakan serta pembuatan VCD dan kaset membawa pulangan RM350 juta dan menggaji lebih 3000 orang pekerja.

Perangkaan terbaru tahun lalu menunjukkan pendapatan itu susut sehingga 50% dan peluang kerja berkurangan lebih 30% manakala jualan VCD asli pula susut 42% dan dijangka merosot lagi. Bagi tempoh yang sama, produk cetak rompak menguasai pasaran berjumlah RM130 juta yang menyebabkan kerajaan kerugian sekitar RM40 juta dalam pungutan cukai.

Tindakan menasihati pengguna supaya jangan membeli VCD cetak rompak boleh diibaratkan seperti mencurahkan garam ke laut. Sebaliknya Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna wajar memantapkan peranannya dalam membanteras cetak rompak. Baru-baru ini satu pasukan khas membanteras cetak rompak telah ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan menggabungkan 19 agensi dan badan korporat bagi mewujudkan usaha bersepadu membanteras cetak rompak.

Setakat ini kita telah diberitahu 1584 sebulan dibuat di seluruh negara dengan rampasan barangan berjumlah RM1.2 juta dan kira-kira 1300 amaran bertulis sudah dikeluarkan terhadap premis perniagaan yang terbabit dalam cetak rompak. Walau bagaimanapun pada hemat saya kejayaan ini bukanlah satu kebanggaan yang besar dibandingkan kerugian kerajaan dari segi cukai mencecah RM40 juta akibat peningkatan kegiatan cetak rompak yang tumbuh bagai cendawan selepas hujan.

Hakikatnya pihak kementerian wajar mengikut resmi padi yang semakin berisi semakin tunduk dan bukannya diibaratkan sebagai ayam yang bertelur sebiju dan riuh sekampung. Rintihan yang kita dengar bukanlah sesuatu yang baru, sebaliknya ia

kerap dicanangkan ketika era Dato' Seri Megat Junid Megat Ayob di kementerian ini. Namun kini kita yakin bahawa menteri yang baru berkemampuan untuk membawa pembaharuan yang sudah lama dinantikan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua: dan Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk mengatasi sebahagian masalah ini pada hemat saya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) harus membekukan pengeluaran lesen baru untuk membuka kilang cakera optik supaya usaha membanteras kegiatan cetak rompak pada peringkat akar umbi dapat dibuat secara berkesan. Langkah itu perlu bagi mengawal kegiatan berkenaan serta mengelakkan negara menjadi pusat cetak rompak.

Untuk makluman semua, ketika ini ada 100 pengeluar cakera optik di seluruh negara sedangkan kita hanya memerlukan tidak sampai 20 pengeluar. Daripada jumlah keseluruhan itu, kita tidak tahu pula berapa banyak pengeluar yang beroperasi secara haram. Ini menunjukkan cetak rompak sudah mencapai tahap kritikal. Jika dibiarkan berterusan ia boleh menjejaskan industri hiburan dan merugikan negara dari segi pungutan cukai. Pengeluaran lesen baru bagi kilang cakera optik perlu diberhentikan sementara atau dibekukan sementara, sementara menunggu Akta Cakera Optik 2000 dikuatkuasakan kerana jumlah yang ada sekarang sudah cukup untuk menampung permintaan tempatan. Jika ada permohonan baru, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia atau MIDA diminta tidak meluluskannya buat sementara waktu sehingga mendapat maklumat yang tepat mengenai jumlah lesen yang diperlukan di dalam negara. Akta Cakera Optik 2000 yang diluluskan Kabinet yang lalu, mungkin akan dikuatkuasakan tidak lama lagi, di mana pesalah akan berhadapan dengan hukuman denda sehingga RM500 ribu atau penjara tidak lebih daripada 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kita tahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sukar untuk membendung cetak rompak pada peringkat pengedaran dan pemasangan. Oleh yang demikian, lebih baik dibuat sekatan pada peringkat pengeluaran. Jika tidak ada pengeluar maka tidak adalah pengedar, pemasar dan pembeli cetak rompak.

Selain itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna juga harus mengawal kegiatan mengimport peralatan untuk mengeluarkan cakera optik dan bahan mentah yang dikenali sebagai Polycarbonate termasuk menyenaraikannya sebagai bahan kawalan mengikut Akta Kawalan Bekalan 1991.

Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan cara ini barulah kita dapat mengawal kegiatan cetak rompak. Jika tidak, industri cetak rompak negara tetap kebal dan tersenyum puas mengaut keuntungan sehingga berbilion ringgit hasil rompakan harta intelek karyawan seni seluruh global.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini seorang guru wanita ditampar oleh seorang pelajar Tingkatan Lima semasa pemeriksaan rambut panjang di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Mutahir, Melaka. Peristiwa ini berlaku ketika masyarakat kita masih heboh membincangkan tentang gangsterisme di sekolah. Apakah segalanya ini berlaku kerana para pelajar tidak hormat dan takut lagi kepada guru maka berlegarlah dalam benak kita pertanyaan sama ada kita wajar memberikan kuasa lebih kepada guru untuk mendisiplinkan para pelajar seperti suatu masa dahulu. Tentulah gurunya ada, iaitu kemungkinan berlaku kes-kes guru bertindak melampaui batas. Ini terjadi dahulu sehingga mendorong kuasa merotan dihadkan kepada pengetua sahaja. Bagaimanapun, nisbah kes guru melampaui batas amatlah sedikit jika dibandingkan dengan pertambahan kes pelajar tidak berdisiplin yang berlaku sekarang. Kementerian Pendidikan patut memikirkan apakah hal ini rasional ataupun tidak?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai hasil kajian gangsterisme di sekolah menengah harian yang dibuat oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan adalah amat membimbangkan. Saya yakin ramai akan tersentak dengan laporan itu dan tentu ada ibu bapa yang merasa bimbang terhadap keselamatan anak masing-masing di sekolah dan ada pula yang takut anaknya akan turut terjebak dalam kancah gangsterisme sepertimana yang disiarkan oleh media beberapa minggu lalu.

Kementerian Pendidikan dengan kerjasama polis telah mengenal pasti 459 daripada 1,560 sekolah menengah harian sebagai berisiko tinggi, iaitu terdedah kepada pelbagai masalah gangsterisme. Manakala kajian di 329 sekolah berdasarkan zon telah mendedahkan beberapa kategori salah laku membabitkan pelajar yang menjurus kepada gangsterisme berlaku di sekolah. Di antaranya termasuklah salah laku yang serius seperti peras ugut, salah guna dadah, mencabul kehormatan, pelacuran, mencuri, berjudi, menceroboh dan membawa senjata. Selainnya adalah salah laku yang biasa berlaku di kalangan pelajar seperti melawan dan mengancam guru, melawan pengawas, mengancam murid dan buli sesama pelajar. Malah kesalahan kategori kedua itu bolehlah dianggap bercorak kenakalan remaja kecuali

dilakukan pada tahap yang serius dan sering diulang oleh pelajar yang sama. Pada keseluruhannya tahap gangsterisme di kalangan pelajar masih boleh dikawal sekiranya tindakan tegas secara bersepadu dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan kajian itu kerana ianya mengesahkan bahawa memang benar berlaku salah laku menjurus kepada gangsterisme atau samseng di kalangan pelajar. Selama ini ia lebih bercorak dakwaan atau anggapan semata-mata tanpa bukti yang kukuh. Melalui kajian itu, maka jelaslah masalah salah laku bercorak gengsterisme memang wujud di sekolah. Malah di sesetengah sekolah keadaannya agak serius membabitkan ramai pelajar ahli kumpulan samseng walaupun agak sukar dikenal pasti tetapi dikatakan mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Berikutan dengan hasil kajian itu pada hemat saya, usaha bersepadu perlu dilaksanakan segera untuk menghapuskan sama sekali masalah samseng daripada terus merebak. Ia hendaklah dilakukan secara serius dan berterusan kerana memberi kesan kepada keharmonian persekolahan kepada semua pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin tidak ada siapa pun mahu melihat sekolah sebagai tapak dan sarang kegiatan samseng. Sekolah adalah tempat untuk menuntut ilmu, bukan untuk melatih pelajar menjadi samseng. Walaupun sekolah menggalakkan pelajarinya menyertai kegiatan bercorak persatuan tetapi tentunya bukan untuk menjadi ahli pertubuhan gengster atau samseng. Saya fikir dalam usaha menentukan sesuatu tindakan berkesan dapat dilakukan, Kementerian Pendidikan harus mewujudkan suatu pasukan bertindak atau petugas khas bagi merangka strategi untuk menangani masalah ini dengan segera. Pasukan ini akan melaksanakan cadangan menangani masalah oleh jawatankuasa kajian seperti termuat dalam buku laporan mengenai kajian itu di samping memberi garis panduan kepada sekolah.

Di samping itu, cadangan beberapa pihak lain juga hendaklah diambil kira. Pasukan petugas ini juga hendaklah diberi bidang kuasa membuat pemantauan hingga ke peringkat sekolah-sekolah. Saya yakin dengan berbuat demikian, barulah tindakan pada peringkat sekolah akan lebih berkesan, menyeluruh dan seragam. Jika masalah samseng ini bukan sahaja gagal ditangani, malah akan berkembang dengan lebih hebat membabitkan lebih ramai pelajar di samping tahap gengsterismenya menjadi semakin serius.

Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh disimpulkan salah satu sebab kenapa semakin ramai ibu bapa memilih untuk tidak menghantar anak mereka bersekolah di sekolah aliran perdana adalah kerana masalah disiplin terutamanya yang berkaitan dengan gengsterisme. Mereka lebih yakin bahawa sekolah bukan aliran perdana terutama Sekolah Agama Rakyat yang serba kekurangan itu menjadi lebih selamat untuk anak mereka, sama ada tanggapan ini berasas atau tidak bukan menjadi persoalan. Namun ada baiknya juga jika dibuat satu kajian mengenai dakwaan bahawa pelajar di sekolah aliran agama bebas daripada masalah gengsterisme. Malah apabila meninggalkan alam persekolahan mereka juga dikatakan tidak banyak terbabit dalam kancuh masalah sosial seperti melepak dan salah guna dadah.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik pada masalah gengsterisme di sekolah, kita berharap tindakan pencegahan akan membabitkan juga anggota masyarakat lain termasuk pihak polis dan ibu bapa melalui konsep permuafakatan pendidikan. Walaupun konsep permuafakatan pendidikan telah lama diperkenalkan tetapi tidak dilaksanakan dengan serius dan berkesan, saya kira hanya dengan tindakan bersepadu membabitkan jaringan dan institusi dari luar barulah usaha pencegahan akan berkesan. Demikian pula pengetua-pengetua sekolah juga mempunyai peranan yang amat penting dalam usaha menangani gejala buruk ini. Mereka tidak seharusnya menyorok kegiatan gengsterisme dan samseng di kalangan murid-murid mereka hanya kerana kononnya mahu menjaga nama baik sekolah. Apalah gunanya nama baik dipertahankan kalau kejadian samseng bertambah buruk hingga menular ke tahap yang tidak dapat dipertahankan lagi.

Dalam satu kajian mendapati ada sekolah yang seboleh-bolehnya mahu memaparkan imej yang bersih semata-mata walaupun realitinya tidak sedemikian. Segala bentuk kepincangan akan disapu bersih-bersih dan disorokkan di bawah tikar atas alasan menjaga kredibiliti pengetua sebagai pemimpin. Pengetua berkenaan bimbang jika kes-kes salah laku pelajar dilaporkan kepada pihak atasan, nama sekolah mereka pun disenaraihitamkan dan peluang mereka untuk naik pangkat atau naik gaji mungkin terjejas.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, gejala ini tidak harus dibiarkan berlaku kerana lambat laun perkara ini akan terbongkar juga dan kesannya tentu akan lebih buruk lagi dan bila ini berlaku segalanya mungkin sudah terlambat, disiplin sekolah

mungkin sudah pun berada pada tahap yang amat parah dan imej sekolah di mata orang ramai akan turut terjejas.

Pada hemat saya, cadangan NUTP supaya pengetua-pengetua seperti ini disingkirkan dari jawatannya walaupun bernada agak keras, namun dalam banyak hal banyak membantu kepada peningkatan disiplin sesebuah sekolah. Dan saya ingin menggesa Kementerian Pendidikan menyambut baik cadangan itu dan memberi amaran bahawa tindakan disiplin akan dikenakan terhadap pengetua yang didapati cuba menyembunyikan tentang wujudnya kegiatan samseng di sekolah mereka. Pengetua-pengetua sekarang perlu lebih praktikal dan bersikap terbuka dalam menangani masalah disiplin dan tidak terbawa-bawa dengan budaya bahawa segalanya dalam keadaan baik.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan kejadian tanah runtuh di Bukit Antarabangsa di Hulu Kelang baru-baru ini, satu demi satu peraturan baru dicadangkan berhubung pembangunan di kawasan lereng bukit. Dan seperti biasa, peraturan yang sedia ada akan cuba dipertingkatkan lagi. Keadaan seperti ini adalah perkara biasa di negara kita ini. Semua pihak akan berdiam diri sekiranya tidak ada apa-apa yang berlaku. Manakala berlakunya sesuatu kejadian, barulah semuanya menjadi kelam kabut. Tidak lama selepas itu, perkara itu sejuk semula sehinggalah ada kejadian baru yang berlaku pula. Dan pelbagai pandangan sering dikemukakan sama ada menerusi media, forum, seminar dan sebagainya mengenai bahaya pembangunan di kawasan lereng bukit tetapi dalam keadaan biasa pandangan seperti itu tidak dianggap penting. Dalam tahun lalu Menteri Teknologi, Sains dan Alam Sekitar mahukan Kerajaan Pusat mengambil alih penguatkuasaan undang-undang pembangunan di lereng bukit dan menteri itu sekali lagi memberitahu semua projek pembukaan tanah di lereng bukit yang mempunyai keluasan sekurang-kurangnya 25 hektar akan diwajibkan menjalani kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA).

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini pun peruntukan EIA sedia ada mensyaratkan kajian dijalankan bagi pembangunan hutan bukit seluas 50 hektar atau lebih tetapi disebabkan ada pemaju yang cuba mengelak daripada kajian itu mereka memecahkan projek masing-masing kepada beberapa lot-lot kecil. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mereka cuba mengelak daripada kajian itu kerana bimbang menanggung kos tambahan. Apabila kajian dijalankan, pelbagai peraturan dan kerja akan dicadangkan bagi memenuhi syarat keselamatan.

Oleh itu pemaju sedaya upaya akan mencari helah supaya mereka dapat mengelak daripada syarat yang ditetapkan. Walaupun dengan adanya peraturan baru itu, pemaju masih boleh memecahkan pula kawasan seluas 25 hektar kepada beberapa lot kecil lagi kerana ianya akan menyukarkan mereka terutama jika projek yang dilaksanakan adalah besar. Pemaju memangnya mempunyai caranya yang tersendiri untuk mengelak dari peraturan-peraturan yang pada perkiraan mereka akan merugikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan di kawasan lereng bukit biasanya terdedah kepada risiko yang tinggi. Pembangunan di kawasan yang berisiko tinggi seperti itu sepatutnya tidak dibenarkan sejak awal lagi melainkan setelah kajian mendapati kawasan itu benar-benar selamat dan tindakan pihak berkuasa memperketatkan peraturan sedia ada mungkin boleh dilihat dari konteks menutup kelemahan lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya beberapa peristiwa lalu yang membabitkan tanah runtuh termasuk tragedi Highland Towers menjadi pengajaran sama ada kepada pihak berkuasa atau pemaju. Tetapi yang nyata, turutan daripada kejadian itu masih ramai pihak yang tidak gentar dan takut malah pembangunan yang dilihat daripada mata kasar yang begitu menakutkan terus dibina di kawasan-kawasan curam seperti itu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan peristiwa yang baru lalu di Bukit Antarabangsa ia sepatutnya menjadi teladan kepada setiap pembangunan akan datang. Bagi pihak pemaju, mereka perlu lihat pada masa akan datang. Sekiranya kelemahan ini masih berlaku, kemungkinan besar mereka akan sukar mencari pembeli atau penyewa rumah-rumah yang dibina di kawasan seperti itu walau bagaimanapun menarik sekalipun dan ini boleh membawa kerugian yang besar kepada pemaju. Pembeli atau penyewa sudah tentulah memikirkan keselamatan diri mereka.

Memang benar, projek perumahan di kawasan bukit adalah menarik terutama dari segi pemandangannya. Sebelum ini, pembeli sanggup membayar dengan harga yang mahal untuk dapat memiliki rumah seperti iut. Akan tetapi tanggapan untuk memiliki rumah seperti itu kini telah berubah setelah melihat penghuni terpaksa berpindah randah.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia taburan hujan adalah tinggi. Ia memberi kesan pada muka bumi. Di kawasan bukit, air yang mengalir akan memberi kesan kepada struktur tanah. Jika kawasan pembangunan di lereng bukit dibina tanpa

mengambil kira faktor alam sekitar, ia akan memberi kesan yang buruk. Untuk mengelak keadaan ini berlaku, kerajaan khususnya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar seharusnya memastikan pembangunan di kawasan lereng bukit dihadkan. Kerja menebang tebas kawasan bukit untuk pembangunan perumahan tidak perlu digalakkan. Adalah lebih baik sebahagian permukaan bumi terutama di kawasan berbukit dikekalkan dengan kehijauan semulajadi. Selain ia lebih menyerikan keadaan muka bumi, ia juga dapat mengelak kesan cuaca.

Di negara ini masih banyak kawasan yang boleh dimajukan tanpa menebang tebas kawasan bukit. Adalah lebih baik kawasan seperti ini dimajukan terlebih dahulu daripada menjadikan kawasan bukit sebagai sasaran kerana ia tidak baik kepada negara dan membahayakan penghuni dan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menggesa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mencari satu jalan penyelesaian terbaik berikutan percanggahan yang terdapat dengan undang-undang negeri. Pindaan undang-undang berkenaan telah diluluskan oleh Kabinet namun tidak lama selepas itu ianya gagal dilaksanakan. Malahan peguam negara telah memaklumkan bahawa hanya kerajaan negeri sahaja yang boleh menguatkuasakan undang-undang tersebut. Dan sesudah itu, isu tersebut menjadi senyap sehingga tahun ini apabila berlaku pula beberapa siri tanah runtuh di kawasan Bukit Antarabangsa yang terletak kira-kira dua kilometer dari Highland Towers.

Tuan Yang di-Pertua, siasatan mendapati Kerajaan Pusat sebenarnya sudah mengelaskan kawasan Hulu Kelang terbabit sebagai kritikal dan tidak harus dibangunkan tetapi kerana isu tanah diselenggarakan oleh kerajaan negeri maka tidak ada sesuatu pun yang boleh dibuat oleh Pihakberkuasa Persekutuan. Apa yang berlaku, penghuni beberapa blok pangsapuri di kawasan terbabit menghadapi kemungkinan besar akan kehilangan tempat tinggal mereka kerana sikap acuh tidak acuh kerajaan negeri mengawal tahap pembangunandi situ. Apakah mungkin mereka hanya akan bertindak selepas berlakunya sebuah lagi tragedi yang hampir sama dengan Highland Towers.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek penting yang boleh dilihat daripada isu itu ialah kelemahan penguatkuasaan undang-undang yang wujud berikutan percanggahan kuasa Pusat dan negeri. Kita semua tahu kerajaan negeri menguasai aspek

pembangunan tanah dan bekalan air mengikut Perlembagaan dan kedua-dua modal itu menjadi sumber kewangan lumayan.

Sehubungan itu amat sukar bagi kerajaan negeri untuk melepaskan kuasa mereka terhadap bidang tertentu seperti pembangunan tanah. Mungkin apa yang boleh dibuat ialah membahagikan pembangunan tanah kepada beberapa seksyen, dengan Kerajaan Pusat mempunyai hak mengawasi beberapa bentuk pembangunan tertentu seperti kawasan berbukit serta kawasan sensitif.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menggesa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mencari suatu penyelesaian terbaik supaya jangan ada lagi percanggahan undang-undang yang boleh melibatkan kerosakan alam sekitar dan tergadainya nyawa manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini kita dihantui pula dengan kes kehilangan wang melalui mesin juruwang automatik (ATM) yang sungguh membimbangkan rakyat. Apatah lagi mereka yang mempunyai simpanan dalam bank tersebut dan selalu berurusan untuk membuat pelbagai pembelian dan pembayaran dari masa ke semasa. Kes seperti ini mungkin satu fenomena baru dalam sistem perbankan negara. Ini sewajarnya mendapat perhatian serius dan segera daripada pihak bertanggungjawab khususnya bank, polis dan kerajaan. Bank Negara sebagai bank pusat perlu bertindak segera menangani masalah baru ini supaya kewibawaan bank tidak terjejas. Walaupun media asing sering menyiarkan keluhan dan rintihan mereka yang menjadi mangsa kecurian tetapi kerap kali pihak bank terbabit memberi perhatian ringan terhadap masalah ini.

Sebaliknya dalam beberapa kes, pihak bank menyalahkan pelanggan dengan memberi berbagai-bagai alasan seperti sikap lalai pelanggan dan pengguna ATM itu sendiri. Bagaimanapun kegiatan ini kembali mewajah kini dengan tumpuan kejadian berlaku di Pulau Pinang. Sejak 1 April lalu, sebanyak 700 aduan kes kecurian sudah dilaporkan di Pulau Pinang yang membabitkan kehilangan wang lebih RM500,000. Dalam tempoh tiga hari sahaja sebanyak 183 kes telah dilaporkan di Pulau Pinang yang membabitkan kehilangan wang lebih RM300,000. Daripada jumlah itu, 85 kes dilaporkan berlaku di George Town, 65 kes di Bukit Mertajam, 36 kes di Balik Pulau dan 2 kes di Nibong Tebal.

Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja menyebutkan angka ini yang pastinya menjadi petanda betapa seriusnya kes ini. Kes kehilangan wang melalui ATM ini

membuktikan terdapat kelemahan dari segi keselamatan dalam sistem ATM yang dilaksanakan secara meluas oleh bank-bank di negara kita. Walaupun punca sebenar kehilangan wang itu masih disiasat, andaian yang nyata ialah kemungkinan ada sindiket yang bergerak mencuri wang penyimpan wang melalui ATM.

Kemungkinan juga ada pihak yang pakar dalam komputer mengambil kesempatan menggunakan segala kepakaran untuk mencuri wang melalui ATM. Sebagaimana yang diketahui umum, pakar komputer sudah boleh mencuri pelbagai maklumat orang lain melalui komputer di mana sahaja mereka berada seperti yang berlaku di Barat. Melihat kepada jumlah wang yang dicuri sudah sewajarnya pihak berkuasa khususnya Kementerian Kewangan mengambil satu pendekatan segera dan bersepadu bagi menangani gejala serius ini kerana ia melibatkan rata-rata wang simpanan golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Malahan ada sesetengahnya pula merupakan wang gaji bulanan mangsa.

Kerap kali orang kaya atau mereka yang bergaji besar tidak menggunakan kemudahan wang dari ATM bagi perbelanjaan harian mereka, sebaliknya menggunakan kad kredit. Jadi golongan ini tentulah tidak terasa sedangkan yang menjadi mangsa adalah mereka yang berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, tindakan pihak polis menghantar pasukan khas forensik ke Pulau Pinang dengan kadar segera untuk menyiasat kes tersebut dari sudut undang-undang amatlah bijak dan dialu-alukan. Tindakan segera oleh Kementerian Dalam Negeri ini haruslah mendapat pujian dan ini membayangkan betapa kerajaan begitu prihatin dalam masalah yang dihadapi oleh rakyat bawahan.

Demikianlah juga dengan arahan Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman yang mengarahkan semua bank dan institusi kewangan di negara ini memprogramkan semula sistem komputer ATM masing-masing bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu mereka perlu juga menukarkan kad-kad lama ATM kesemua pelanggan dengan kad yang baru. Gabenor Bank Negara juga meminta bank mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan kepada kad dan mesin ATM. Apa yang mengejutkan ialah pendedahan Gabenor Bank Negara tentang kewujudan satu sindiket beroperasi melakukan jenayah ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikhuatirkan ahli-ahli sindiket ini berkemungkinan melibatkan kakitangan bank itu sendiri yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam mengklonkan kad-kad ATM. Justeru itu, saya

minta agar pasukan petugas khas ini menjalankan penyiasatan segera supaya *modus operandi* sindiket ini dapat dipecahkan dan dilumpuhkan. Dalam pada itu, kita amat menghargai jika pihak pengurusan bank-bank menubuhkan pasukan petugas mereka sendiri untuk menyiasat dan menangani gejala ini. Saranan ini dianggap tepat kerana bank juga merupakan pihak yang terbabit secara langsung.

Dengan tertubuhnya pasukan petugas bank ini tentunya ia akan dilihat sebagai pihak yang benar-benar bertanggungjawab dan tidak bersikap lepas tangan seperti yang dialami oleh para pelanggan sebelum ini. Saya penuh yakin dengan usaha bersepadu daripada semua pihak, insya-Allah, jenayah ini dapat ditangani dari segenap sudut. Dalam pada itu, saya ingin menyarankan supaya mereka yang didapati bersalah dalam jenayah ini haruslah dikenakan hukuman berat bagi menakutkan mereka daripada mengulangi melakukan jenayah berkenaan.

Sementara itu rasanya adalah baik juga bagi pihak bank memanggil balik para pemegang kad ATM yang dipercayai diklon dan menggantikan dengan yang baru. Saya ingin menggesa Kementerian Kewangan memikirkan semula sistem menggunakan buku simpanan ketika memasuk atau mengeluarkan wang digunakan semula. Jika kes kehilangan wang melalui ATM berterusan dan tidak dapat dibanteras dengan serta merta sudah tentu orang ramai yang mempunyai akaun dalam bank akan khuatir terhadap keselamatan wang simpanan mereka. Kehilangan kepercayaan ini boleh menjejaskan kewibawaan bank dan boleh membawa padah kepada urusan ekonomi negara. Semua transaksi jual beli kini diuruskan melalui sistem perbankan dan adalah amat penting setiap bank memastikan keyakinan orang ramai terhadap kewibawaannya yang semestinya utuh.

Kini Kementerian Kewangan perlu bertindak tegas dan segera menangani masalah ini supaya bank di negara ini terus mendapat kepercayaan dan sokongan orang ramai. Sepertimana yang kita sedia maklumi, bahawa kegawatan ekonomi pada bulan Oktober, 1997, Tuan Yang di-Pertua, yang melanda negara ini telah juga mengakibatkan ramai pengusaha dan ahli-ahli perniagaan menghadapi masalah yang amat besar sehinggakan ramai di antara mereka terpaksa menggulung tikar.

Namun mereka ini masih menanggung beban hutang khususnya sebagai penjamin kepada pinjaman-pinjaman syarikat mereka. Justeru itu, kita memohon kepada Kementerian Kewangan agar mereka yang dilanda musibah ini akan dapat dikecualikan dari tindakan-tindakan mahkamah oleh pihak peminjam sama ada pihak

bank ataupun institusi-institusi kewangan mahupun agensi-agensi kerajaan yang ditubuhkan khas untuk membantu pengusaha-pengusaha bumiputera seperti PNS, PNB, MARA dan lain-lain lagi.

Sekiranya tindakan diambil terhadap mereka nescaya akan gelaplah masa depan mereka dan pengalaman yang diperolehi oleh mereka akan berkubur tanpa nisan. Kita juga berharap supaya pihak KWSP dan PERKESO supaya tidak mengambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar tulen ini yang telah dilanda kegawatan ekonomi. Mereka ini sudah cukup susah dan menderita, rasanya tidak perlulah ditambahkan lagi penderitaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan ekonomi yang semakin pulih dewasa ini, saya yakin sekiranya diberikan kesempatan kepada mereka ini akan muncul semula sebagai pengusaha-pengusaha yang berwibawa dan lebih mantap lagi. Justeru itu, saya mohon ihsan dari Kementerian Kewangan untuk memberi pelepasan kepada mereka yang saya sebutkan tadi. Tidak ada sebarang faedah yang akan diperolehi andai kata tindakan diambil juga terhadap mereka. Kita hanya sekadar akan menambahkan lagi senarai mereka yang muflis di dalam negara kita dan ini tidak akan memberikan imej yang sihat kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong usul Perbekalan 2000. Sekian terima kasih. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat Puan Jaya Partiban.

5.26 ptg.

Puan Jaya Partiban: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000.

Kita di Malaysia boleh menganggap diri kita banyak bertuah kerana di negara yang kita cintai ini tiada yang mati kerana kebuluran, tiada perang perkauman, tiada konflik keagamaan malah boleh dikatakan tiada masalah yang begitu teruk sehingga tidak dapat terkawal atau diatasi.

Perlembagan negara ini menjamin kebebasan untuk menganuti sebarang agama. Sungguhpun Islam adalah agama rasmi kerajaan tidak pernah menyekat atau menghalang rakyatnya menunaikan kewajipan ibadatnya mengikut agama masing-masing. Tidak boleh dinafikan bahawa prinsip-prinsip agama sahaja boleh

menentukan seseorang itu tidak sesat jalan. Biar apa agama pun panduan yang betul adalah penting. Berhubung dengan hal ini, media massa khususnya media elektronik boleh memainkan peranan yang besar, tetapi peranan RTM tidak begitu memuaskan dalam hal ini.

Sejak kebelakangan ini kita sering mendengar gejala-gejala sosial dan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan makin bertambah di kalangan belia India. Saya merasa RTM khususnya Radio 6 perlu mengadakan rancangan yang berasaskan panduan agama dan pendidikan moral. Bagi rakyat Islam yang terdiri dari keturunan India mereka berpeluang mengikuti serta mengetahui tentang ajaran agama mereka dalam Bahasa Tamil. Ini adalah satu langkah yang baik. Malangnya rakyat Malaysia keturunan India yang majoritinya adalah beragama Hindu tidak ada rancangan seumpama itu.

Tuan Yang diPertua, apalah salahnya kalau Radio 6 yang siarannya diikuti oleh rakyat Malaysia keturunan India yang mengetahui Bahasa Tamil sahaja menyiarkan rancangan-rancangan yang berunsur agama Hindu. Saya berharap Menteri Penerangan akan menimbangkan perkara ini dengan adil dan saksama. Semasa saya dibangku sekolah banyak rancangan yang berdasarkan prinsip agama disiarkan. Drama-drama dan banyak lagi rancangan yang berunsur agama membawa mesej yang baik.

Saya percaya ini bukanlah bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia dan juga Rukun Negara. Saya merasa ini sedikit sebanyak akan membantu dalam usaha mengurangkan aktiviti-aktiviti yang tidak diinginkan di kalangan belia India.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Yang Berhormat, bolehkah sambung minggu hadapan?

Puan Jaya Partiban: Terima kasih.

Dato' Michael Chen Wing Sum: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, 2 Mei iaitu hari Selasa minggu hadapan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.

